



KEMENTERIAN INDUSTRI UTAMA



LAPORAN TAHUNAN

KEMENTERIAN INDUSTRI UTAMA

2019



KEMENTERIAN INDUSTRI UTAMA



LAPORAN TAHUNAN

KEMENTERIAN INDUSTRI UTAMA

2019

SIDANG REDAKSI

Penaung

Datuk Ravi Muthayah

Penasihat

Toisin Gantor

Ketua Editor

Cik Kazidi Mohd Zainuddin

Editor

Kartina binti Hamzah

Penulis

Masrie Yanty binti Ahmad

Habibah binti Ahmad

Nazahatul Syikien binti Lehat

Christy Kong Siew Choo

Noraini binti Mohammed

Kamarul Izam bin Jalani

Badrul Halim bin Muhammad

Nur Hanizah Mamat Ghani

Khairol Nizam bin Asri

Shahazan Zuraina binti Mohd Daud

Hariati binti Abu Kher

Baderolhisham bin Md. Nor

Revathi a/p Mathialagan

Mohd Hilmi bin Haji Ali (UKK)

Siti Hajar bin Zulkefle

Azizi Binti Elias

Jurugambar

Nurazlina binti Abdul Mutalib

Ahmad Faiz Alif bin Ahmad Zubir

Percetakan

Gigawise Sdn Bhd

Terbitan

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Industri Utama

SENARAI KANDUNGAN

Imbasan Tahun 2019 – Februari 2020	4
Perutusan Ketua Setiausaha	6
Carta Organisasi	8
Pengurusan Tertinggi MPI	10
Visi, Misi dan Objektif	11
Piagam Pelanggan	12
Petunjuk Prestasi	14
Pencapaian Sektor Komoditi	17
Komoditi Sawit dan Sago	18
Biobahan Api	35
Komoditi Getah	46
Komoditi Kayu, Kenaf dan Tembakau	71
Komoditi Koko	95
Komoditi Lada	119
Pencapaian Sektor Pengurusan	135
Perancangan Dasar dan Antarabangsa	136
Pengurusan Kewangan dan Pentadbiran	148
Pengurusan Sumber Manusia	154
Inovasi, Transformasi dan Modal Insan Industri	178
Teknologi Maklumat dan ICT	196
Komunikasi Korporat	202
Pengauditan dan Integriti	220
Perakauan	230

IMBASAN

TAHUN 2019 – FEBRUARI 2020



10 JANUARI 2019

Majlis Perhimpunan dan Amanat



22 FEBRUARI 2019

Mesyuarat ITRC
Peringkat Pegawai Kanan
dan Menteri



30 JUN 2019

Program Industri Kenaf Rakan Rakyat (IKRAR)
LKTN di Kg. Sempang Pantai, Jasin Melaka



26 OGOS 2019

Lawatan YBhg KSU MPI ke WISDEC dan FIDEC
di Banting, Selangor



10 JULAI 2019

International Conference
On Agarwood 2019



24 SEPTEMBER 2019

Majlis Perasmian
Persidangan sempena
Ulangtahun MTCC Ke-20



24 MAC 2019

Majlis Pelancaran Rasmi
Kempen Sayangi Sawitku



18 APRIL 2019

Lawatan YB ke
Muzium Coklat



13 OKTOBER 2019

Majlis Perasmian World
Bamboo Day 2019 di
Hotel Casuarina @ Meru,
Ipoh, Perak



3 MEI 2019

Misi Ekonomi dan Promosi
Minyak Sawit ke United Kongdom,
Belgium, Jerman dan Itali



3 NOVEMBER 2019

Majlis Perasmian
Pusat Pemrosesan &
Pengeluaran Produk Kenaf



3 DISEMBER 2019

Majlis Perasmian
Pusat Industri Kenaf LKTN



31 JANUARI 2020

Majlis Amanat Ketua
Setiausaha

PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA



Encik Ravi Muthayah
Ketua Setiausaha

Sektor agrikomoditi mencatatkan prestasi yang memberangsangkan bagi tahun 2019. Sektor yang merangkumi aktiviti di peringkat hulu (upstream) dan hiliran (downstream) ini telah merekodkan jumlah KDNK sebanyak RM 86.49 billion, meningkat pada kadar 1.58% berbanding tahun 2018 dan turut menyumbang sebanyak 6.08% kepada jumlah keseluruhan KDNK.

Perkembangan sektor komoditi pada tahun 2019 turut diuji dengan sentimen kempen Anti-sawit, ketidaktentuan harga global komoditi dengan penyebaran virus Covid-19 yang bermula seawal Disember 2019 yang turut memberi kesan kepada sektor agrikomoditi negara.

Dalam usaha memastikan sektor agrikomoditi lestari, MPI sentiasa mengorak langkah proaktif dalam memastikan produk hulu dan hiliran agrikomoditi sentiasa kekal relevan dan berdaya saing di peringkat antarabangsa dan mendepani cabaran semasa.


Saya yakin bahawa, usaha berterusan kementerian melalui agensi-agensi di bawahnya serta kerjasama pemain industri akan melancarkan pelaksanaan program yang dirancang bagi tahun 2020 dan menghadapi cabaran semasa.


Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Pasukan Editorial Buku Laporan Tahunan 2019 dari setiap bahagian/unit di MPI yang telah bersama-sama menerbitkan buku ini.

Saya berharap buku ini dapat dijadikan panduan dalam perancangan program masa depan dan menjadi rujukan kepada masyarakat yang mendapat gambaran mengenai sektor agrikomoditi negara.

CARTA ORGANISASI

KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI





PENGURUSAN TERTINGGI

YB PUAN TERESA KOK
Menteri

YBHG. DATUK RAVI MUTHAYAH
Ketua Setiausaha

**YB DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR
MOHD AKIN**
Timbalan Menteri

YBRS. EN. TOISIN GANTOR
Timbalan Ketua Setiausaha



VISI, MISI & OBJEKTIF

Menjadikan Malaysia sebagai peneraju pasaran global bagi industri utama melalui kemajuan industri secara mampan untuk kesejahteraan negara.

Meningkatkan daya saing global Malaysia menerusi produk-produk industri utama lestari yang memakmurkan negara dan dunia.

- Memastikan ekosistem pembangunan industri utama berkembang maju secara mampan, lestari dan adil.
- Memperkasa daya saing industri utama menerusi penghasilan produk bernilai tambah tinggi secara inovatif yang lestari dan boleh pasar yang menepati piawaian kualiti, alam sekitar, kesihatan dan keselamatan semasa dari masa hadapan.
- Mengoptimumkan keupayaan dan keberkesanan penyelidikan dan pembangunan dan pengkomersialan (R+D+C) produk industri utama melalui penggalakan inovasi dan bakat tempatan
- Meningkatkan sumbangan sektor sektor industri utama kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang memangkinkan pembangunan sosio-ekonomi negara.
- Mempercepat dan mengekalkan pelaburan berimpak tinggi di sepanjang rantai nilai industri utama
- Mencorak kepenggunaan produk industry utama sebagai pilihan paling utama pengguna domestic dan global
- Menanam semangat patriotisme di kalangan rakyat Malaysia mengenai kepentingan sektor industry utama kepada negara.

PIAGAM PELANGGAN

1. PENGUBALAN DASAR



Menggubal dasar dan strategi yang jelas mengenai industri komoditi perladangan berlandaskan kepada perkembangan dan keperluan semasa dalam tempoh masa seperti berikut:

- 18 bulan bagi penggubalan dasar dan strategi baru; dan
- Enam (6) bulan bagi meminda dasar dan strategi sedia ada.

2. PENGUBALAN PERUNDANGAN



Menggubal perundangan utama dan perundangan subsidiari berkaitan industri perladangan dan komoditi berlandaskan kepada perkembangan dan keperluan semasa dalam tempoh masa seperti berikut:

i. Perundangan Utama:

- Draf Perundangan Utama (kedua-dua Bahasa Melayu dan Inggeris) disediakan oleh Bahagian/Agensi yang kemudiannya dipanjangkan ke Unit Undang-undang melalui Bahagian di MPI.
- Dalam masa 20 hari bekerja dari tarikh penyelesaian isu dasar dan perundangan. Jika ada isu dasar atau perundangan berbangkit tempoh 20 hari terhenti sehingga isu dasar atau perundangan selesai.
- Kualiti : Selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, Akta ibu, Akta lain dan menepati kehendak pelanggan.

ii. Perundangan Subsidiari:

- Draf Perundangan Subsidiari (kedua-dua Bahasa Melayu dan Inggeris) disediakan oleh Bahagian/Agensi yang kemudiannya dipanjangkan ke Unit Undang-undang melalui Bahagian di MPI.
- Dalam masa 14 hari bekerja bagi teks kurang 50 m/s dan 21 hari bekerja bagi teks melebihi 50 m/s. Jika ada isu dasar atau perundangan berbangkit tempoh itu terhenti sehingga isu dasar atau perundangan selesai.

3. PROJEK PEMBANGUNAN



Memastikan program pembangunan sektor perladangan dan komoditi dirancang, dilaksana dan dipantau sewajarnya termasuk mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) diadakan 12 kali setahun.

4. PEMBAYARAN BIL



- Memastikan 90% pembayaran bil yang lengkap diselesaikan dalam tempoh 7 hari; dan
- Sekiranya terdapat mana-mana pihak yang tidak menerima pembayaran dalam tempoh 14 hari, aduan yang diterima akan diselesaikan dalam tempoh 72 jam.

6. MISI PERDAGANGAN



Menganjurkan misi galakan pasaran dan perdagangan / lawatan kerja bagi memperkukuhkan pasaran sedia ada dan menerokai pasaran baru sekurang-kurangnya lima (5) kali setahun serta mengambil tindakan susulan yang sewajarnya.

8. ADUAN PELANGGAN



Memastikan semua aduan pelanggan diberi:

- Akuan penerimaan dalam masa satu (1) hari;
- Maklum balas awal dalam masa lima (5) hari; dan
- Diselesaikan dalam tempoh 15 hari bagi aduan yang tidak melibatkan perkara dasar.

5. SESI KONSULTASI



Mengadakan sesi konsultasi dengan kerajaan-kerajaan negeri, pihak industri dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) :

i. Peringkat Menteri :

- Satu (1) dialog sesi konsultasi setahun bagi setiap komoditi dengan persatuan industri komoditi dan NGO

ii. Peringkat Pegawai :

- Enam (6) sesi konsultasi dengan industri.

7. PENERBITAN DATA TAHUNAN KOMODITI



Memuatnaik data Perangkaan Komoditi dalam Laman Web MPI dan Portal Data Terbuka yang diselenggara oleh MAMPU.

9. SESI BERTEMU PELANGGAN



Mengadakan sesi bertemu pelanggan melalui program-program turun padang seperti Program Hello Komoditi sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.

10. LAMAN WEB



Memuat naik maklumat program terkini MPI ke laman web dalam tempoh 24 jam.

11. LESEN BIOBAHAN API



- Mengeluarkan akuan penerimaan bagi permohonan yang lengkap dalam tempoh satu (1) hari;
- Mengeluarkan lesen dalam tempoh tiga (3) hari selepas lesen ditandatangani oleh Pihak Berkuasa Pelesenan Biobahan Api; dan
- Memberi jawapan kepada permohonan yang tidak berjaya dalam tempoh tiga (3) hari selepas keputusan dibuat Pihak Berkuasa Pelesenan Biobahan Api.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA MPI TAHUN 2019

Industri agrikomoditi telah sekian lama menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan pendapatan negara, serta membantu meningkatkan sosio ekonomi dan mutu kehidupan rakyat. Malaysia bukan sahaja dikenali sebagai negara pengeluar bahan mentah agrikomoditi seperti kelapa sawit, getah dan kayu-kayan, malahan turut menjadi negara pengeluar produk-produk hiliran bernilai tambah tinggi yang berorientasikan pasaran.

Walaupun bagaimanapun tahun 2019 merekodkan suasana yang sukar ke atas pembangunan industri berteraskan agrikomoditi lebih-lebih lagi kelapa sawit. Kempen negatif mengenai kelapa sawit oleh Kesatuan Eropah (EU) dan negara barat yang lain telah memberikan imej yang salah ke atas agrikomoditi berkenaan sehingga dikaitkan dengan kepupusan orang utan, penyahhutan, dan kesan buruk kepada kesihatan. Impak dari kempen negatif tersebut tidak hanya menjejaskan Malaysia dari konteks ekonomi dan pendapatan negara, tetapi turut menjejaskan kesejahteraan rakyat terutamanya pekebun-pekebun kecil yang bergantung hidup kepada hasil jualan sawit dan produk berasaskan agrikomoditi berkenaan.

Bagi memartabatkan semula industri agrikomoditi terutamanya sawit; Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) telah menetapkan dan melaksanakan beberapa program atau Petunjuk Prestasi Utama (KPI) pada tahun 2019 yang telah dirangkumkan kepada tiga teras seperti berikut:

TERAS 1: PEMBANGUNAN INDUSTRI AGRIKOMODITI MAMPAN

- i. Teras ini memberikan tumpuan kepada peningkatan pengeluaran hasil tanaman agrikomoditi.
- ii. Khusus bagi agrikomoditi sawit, peningkatan pengeluaran hasil dipacu oleh program berbentuk kempen iaitu Kempen Sayangi Sawitku dan pelaksanaan Program Biobahan Api (Program B7 dan B10).
 - Kempen Sayangi Sawitku adalah kempen menyeluruh yang digerakkan di peringkat nasional dan antarabangsa. Tujuan utama kempen ini adalah memupuk semangat cintakan sawit dalam kalangan warga tempatan, menyemai pemahaman yang benar tentang kebaikan minyak sawit, dan sekaligus menangkis kempen negatif ke atas minyak sawit yang telah dilancarkan oleh pihak-pihak tertentu.
 - Program Biobahan Api pada tahun 2019 terbahagi kepada dua iaitu program B7 untuk sektor industri dan B10 untuk sektor pengangkutan. Sebagai contoh, 'B10' bermaksud 10% kandungan bahan api untuk kenderaan adalah terdiri daripada komponen sawit. Tujuan utama kedua-dua program ini adalah untuk meningkatkan permintaan minyak sawit, mengurangkan stok simpanan buah sawit dan seterusnya mengembalikan kestabilan harga sawit.
- iii. Manakala bagi agrikomoditi getah, kayu, koko dan termasuk juga sawit, tumpuan diberikan kepada peningkatan nilai eksport industri hiliran berbanding industri hulu. Ini

kerana dalam suasana persaingan dengan negara lain (seperti Indonesia dan Thailand) yang mampu mengeksport agrikomoditi pada harga lebih rendah, KPPK telah mengambil langkah untuk memberikan tumpuan kepada pembangunan produk industri hiliran bernilai tambah tinggi bagi memaksimumkan pulangan eksport berasaskan agrikomoditi negara.

TERAS 2: PENINGKATAN DAYA SAING INDUSTRI

- i. Teras ini memberikan tumpuan kepada peningkatan daya saing dalam konteks meningkatkan nilai eksport agrikomoditi negara di pasaran antarabangsa.
- ii. Nilai eksport adalah cerminan utama pembangunan industri agrikomoditi negara. Sehubungan dengan itu, salah satu program yang ditetapkan adalah meningkatkan nilai eksport agrikomoditi dengan sasaran sebanyak RM134.5 bilion. Peningkatan sasaran yang tidak begitu drastik (iaitu sebanyak RM800 juta sahaja) berbanding tahun 2018 adalah disebabkan oleh kempen negatif ke atas agrikomoditi sawit yang telah menjejaskan permintaan sawit di peringkat antarabangsa (sebagai perbandingan, purata sumbangan nilai eksport sawit pada setiap tahun adalah 50% daripada keseluruhan nilai eksport agrikomoditi di bawah KPPK).
- iii. Penekanan juga diberikan kepada peningkatan usaha ke arah pematuhan skim persijilan dan standard bagi mengembalikan semula keyakinan masyarakat antarabangsa kepada industri agrikomoditi utama. Dalam hal ini, beberapa program melibatkan persijilan standard iaitu *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO) dan *Malaysian Timber Certification Scheme* (MTCS) telah dilaksanakan bagi memenuhi permintaan dan kehendak antarabangsa dalam konteks kelestarian dan perdagangan.

TERAS 3: PEMERKASAAN MODAL INSAN INSTITUSI DAN INDUSTRI

- i. Teras ini memberikan tumpuan kepada pematapan tadbir urus dan integriti institusi, serta pemeraksanaan modal insan dan industri.
- ii. Di bawah komponen pematapan tadbir urus dan integriti institusi, KPPK serta entiti di bawahnya telah dipastikan mempunyai pelan strategik, carta organisasi serta carta fungsi yang dikemaskini, melaksanakan audit dalam sumber manusia berkaitan pematuan peraturan dan prosedur yang berkuat kuasa, serta melaksanakan inovasi bagi meningkatkan mutu kerja. Kementerian dan entiti di bawahnya juga telah dipastikan melaksanakan tindakan naziran dan pematuan berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) tahunan berkaitan isu yang dibentangkan dalam Parlimen, serta telah menjalankan siasatan dan pengesahan terhadap isu integriti yang dibangkitkan.
- iii. Manakala di bawah komponen pemeraksanaan modal insan dan industri, tumpuan telah diberikan kepada penganjuran kursus yang menjurus ke arah pembangunan industri agrikomoditi dan penghasilan tenaga kerja yang berkemahiran dalam industri agrikomoditi.

Secara keseluruhannya, berdasarkan pengiraan oleh Unit KPI; purata pencapaian bagi program-program yang telah dirangkumkan dalam tiga teras berkenaan sehingga penghujung tahun 2019 adalah sebanyak 96.75%.



PENCAPAIAN SEKTOR KOMODITI

KOMODITI SAWIT

MISI EKONOMI TEKNIKAL DAN PROMOSI SAWIT

Lawatan Kerja Berhubung Industri Sawit ke Belgium dan Belanda, 4 – 13 Mac 2019

Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama telah mengetuai Lawatan Kerja Berhubung Industri Sawit ke Brussels, Belgium dan Amsterdam, Belanda dari 4 hingga 13 Mac 2019. Tujuan utama lawatan kerja ini adalah bagi menghadiri sesi Konsultasi Pemegang Taruh yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Eropah pada 5 Mac 2019, yang mana semasa sesi tersebut Malaysia telah menyatakan pendirian dan pandangan Malaysia mengenai draf *Delegated Regulation* di bawah *European Renewable Energy Directives II* (EU RED II) yang mendiskriminasikan industri sawit. Semasa lawatan kerja tersebut juga, pelbagai perbincangan dua hala turut diadakan untuk memberi penerangan yang jelas dan tepat mengenai industri sawit kepada pihak berkepentingan di Kesatuan Eropah, terutamanya di Belgium dan Belanda.



Lawatan Kerja Berhubung Industri Sawit ke Belgium dan Belanda, 4 – 13 Mac 2019



Lawatan Kerja Berhubung Industri Sawit ke Belgium dan Belanda yang diketuai oleh, Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama, YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong

***Misi Bersama Di
Bawah Kerangka
Council Of Palm
Oil Producing
Countries Ke
Brussels, Belgium,
8 – 9 April 2019***

Satu misi bersama di bawah kerangka CPOPC ke Brussels, Belgium telah diadakan pada 8 dan 9 April 2019 dengan melibatkan Malaysia dan Indonesia serta Colombia sebagai negara jemputan dan pemerhati. Delegasi Malaysia telah diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama dan disertai oleh pegawai atasan daripada MPOB, MPOC, MPOCC serta wakil daripada Kedutaan Malaysia di Belgium. Delegasi Indonesia pula telah diketuai oleh Menteri Koordinasi Hal Ehwal Ekonomi Indonesia dan disertai oleh pegawai atasan kementerian tersebut dan Kedutaan Indonesia di Belgium. Semasa Misi Bersama tersebut, surat bantahan secara bersama yang telah ditandatangani oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dan Presiden Indonesia telah turut diserahkan kepada wakil Parlimen Eropah dan Majlis Eropah.



Misi Bersama Di Bawah Kerangka Council Of Palm Oil Producing Countries Ke Brussels, Belgium yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama, YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong dan Bapak Darmin Nasution, Menteri Koordinasi Hal Ehwal Ekonomi Indonesia.



**Misi Ekonomi
dan Promosi
Sawit ke United
Kingdom,
Belgium,
Jerman dan Itali,
3 – 13 Mei 2019**

Misi ini adalah penting bagi memastikan kesinambungan dalam membincangkan isu-isu berkaitan industri sawit pada peringkat pemimpin tertinggi Malaysia dan Kesatuan Eropah untuk menunjukkan komitmen berterusan daripada Malaysia untuk terus bekerjasama dengan pihak kesatuan Eropah. Selain itu, lawatan ini bertujuan untuk menjelaskan perancangan dan usaha negara dalam memastikan kelestarian industri sawit negara. Misi ni melibatkan beberapa siri mesyuarat dan perbincangan delegasi Malaysia dengan pihak berkepentingan di Kesatuan Eropah termasuk di United Kingdom, Belgium, Jerman dan Itali, penggiat industri dan juga Badan Bukan Kerajaan (NGO). Misi ini telah berjaya mengeratkan jaringan hubungan dengan pihak-pihak berkepentingan di Kesatuan Eropah.



Misi Ekonomi dan Promosi Sawit ke United Kingdom, Belgium, Jerman dan Itali yang diketuai oleh Menteri Industri Utama, YB Teresa Kok

**Lawatan
Kerja YB
Menteri
ke Beijing,
Hangzhou
dan
Guangzhou
di Republik
Rakyat China
(RRC),
26 Mei 2019 -
1 Jun 2019**

YB. Menteri telah mengadakan lawatan kerja ke China selama tujuh hari iaitu dari 26 Mei hingga 1 Jun 2019. Lawatan kerja ke RRC ini adalah untuk memperkukuhkan eksport minyak sawit dan produk-produk berasaskan sawit Malaysia ke negara tersebut. Di samping itu, perjumpaan dengan pihak-pihak yang berkepentingan di RRC juga telah diadakan bagi menerokai rangkaian pasaran dan meningkatkan kerjasama yang sedia ada.

Semasa lawatan ini, YB Menteri telah mengadakan pertemuan dua hala bersama Timbalan Menteri Pertanian dan Luar Bandar (MARA), RRC, bagi membincangkan dan memperkukuhkan kerjasama di antara kedua-dua negara khususnya yang berkaitan dengan industri sawit. Selain itu, beliau juga menyaksikan dua (2) pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) dan satu (1) Memorandum Perjanjian (MoA) masing-masing di antara Majlis Persijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) dan China Green Food Development Centre (CGFDC); Poly Technologies Inc. dan Persada Syabas Sdn. Bhd; serta di antara Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dengan Universiti Tsinghua dan Beijing TUS-Deqing Bioenergy Co. Ltd.;

Di samping itu, YB Menteri juga telah mengadakan lawatan ke dengan China Group Companies Association (CGCA), Aviation Industry Corporation Of China, Ltd. (AVIC), COFCO Nutrition & Health Research Institute, Sense Time, Zanyu Technology Group, Alibaba Headquarters, selain mengadakan perjumpaan dengan pihak industri yang berkepentingan bagi meneroka rangkaian pasaran minyak sawit dan meningkatkan kerjasama sedia ada.



Lawatan Kerja YB Menteri ke Beijing, Hangzhou dan Guangzhou, RRC

**Lawatan Kerja
YBhg. Ketua
Setiausaha MPI
ke China,
8 - 14 Julai 2019**

Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama telah mengetuai Misi Ekonomi dan Promosi Sawit ke China dari 8 hingga 14 Julai 2019 bertujuan untuk memperkukuhkan eksport minyak sawit dan produk-produk berasaskan sawit Malaysia ke negara tersebut. Semasa misi tersebut, YBhg. Dato' Dr. KSU telah menyampaikan ucap utama di dalam Majlis Perasmian 11th China International Cereals and Oils Industry Summit 2019 di Wuhan, China. Persidangan tersebut dihadiri oleh pegawai kerajaan, pakar tempatan dan luar yang merupakan platform untuk berkongsi perspektif dan analisis industri bijirin dan minyak sayuran di China tentang polisi dan tren pasaran masa hadapan.

Selain itu, YBhg. Dato' Dr. KSU juga terlibat dalam mesyuarat Joint Steering Committee (Policies Matters) on Palm Oil Trade and Investment antara Malaysia dan China. Mesyuarat ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan kerjasama dalam bidang perdagangan produk sawit antara Malaysia dan China serta membincangkan mekanisme pelaksanaannya.

*Ketua Setiausaha
Kementerian Industri
Utama, YBhg. Dato'
Dr. Tan Yew Chong
menyampaikan Ucapan
Utama dalam 11th China
International Cereals
and Oils Industry
Summit 2019 di Wuhan,
China.*



Wakil-wakil dari Malaysia dan China dalam Mesyuarat Joint Steering Committee (Policies Matters) on Palm Oil Trade and Investment antara Malaysia dan China

**Misi Ekonomi
Dan Pelaburan
Sawit dan
Getah Ke India,
29 Julai 2019 -
2 Ogos 2019**

YB Menteri Industri Utama telah mengetuai Misi Ekonomi dan Pelaburan Sawit ke India dari 29 Julai 2019 hingga 2 Ogos 2019 yang bertujuan untuk memperkukuhkan eksport minyak sawit dan produk-produk berasaskan sawit Malaysia ke negara tersebut. Semasa misi tersebut YB Menteri telah merasmikan Malaysia-India Palm Oil Trade Fair and Seminar (POTS) 2019 yang merupakan platform untuk menghubungkan syarikat Malaysia dengan pihak-pihak yang berkepentingan di India bagi meneroka pasaran dan meningkatkan kerjasama perdagangan sedia ada. Di samping itu, perjumpaan dengan pihak-pihak yang berkepentingan di India juga diadakan antaranya pertemuan dua hala bersama Encik Piyush Goyal, Menteri Perdagangan India bagi berkongsi tentang kelebihan minyak sawit dari aspek teknikal dan ekonomi serta keupayaan minyak

sawit bagi menyokong pembangunan industri makanan di India. YB Menteri juga menawarkan peluang kepada Kerajaan India untuk mengeksport lebih banyak produk berasaskan getah kepada Malaysia seperti *footwear* dan tayar.

YB Menteri telah menghadiri sesi perjumpaan dengan lebih kurang 70 diaspora Malaysia termasuk pelajar-pelajar Malaysia di New Delhi, India serta ahli dewan perniagaan tempatan (Chamber of Commerce) dan YB Menteri telah menyeru supaya diaspora Malaysia di India turut mempromosikan minyak sawit dari Malaysia, selain bertindak sebagai duta minyak sawit di India. Sebagai penutup kepada misi ini, YB Menteri telah merasmikan International Gloves Seminar. Seminar ini melibatkan seramai 150 orang peserta yang terdiri daripada pengamal perubatan iaitu doktor dan jururawat serta pelajar jurusan kejururawatan dan perubatan.



Misi Ekonomi Dan Pelaburan Sawit dan Getah Ke India, 29 Julai 2019 hingga 2 Ogos 2019

**Misi Ekonomi
Dan Promosi
Sawit Ke
Vietnam, 11 - 14
September 2019**

YB Menteri Industri Utama telah menyetujui Misi Ekonomi dan Promosi Sawit ke Vietnam dari 11 hingga 14 September 2019 bertujuan untuk memperkukuhkan eksport minyak sawit dan produk-produk berasaskan sawit Malaysia ke negara tersebut. Semasa misi tersebut YB Menteri telah merasmikan Malaysia-Vietnam Palm Oil Trade Fair and Seminar (POTS) 2019 yang merupakan platform untuk menghubungkan syarikat Malaysia dengan pihak-pihak yang berkepentingan di Vietnam bagi meneroka pasaran dan meningkatkan kerjasama perdagangan sedia ada. Di samping itu, perjumpaan dengan pihak-pihak yang berkepentingan di Vietnam juga diadakan antaranya Pertemuan dengan Mr. Le Thanh Liem, Vice Chairman of HCM City People's Committee bagi mengutarakan peluang kerjasama dalam perdagangan produk komoditi serta menyampaikan maklumat terkini mengenai perkembangan industri sawit di Malaysia, termasuk mempromosikan pensijilan *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO) dalam memastikan minyak sawit Malaysia dihasilkan secara mampan dan berkualiti.



*Misi Ekonomi Dan Promosi
Sawit YB Menteri Ke Vietnam,
11 - 14 September 2019*

GLOBOIL INDIA 2019

***Lawatan Kerja
bagi menghadiri
Program
Globoil Di
Mumbai,
India, 25 - 27
September 2019***

YB Menteri Industri Utama telah menyampaikan ucapan di program Globoil India 2019 pada 26 September 2019 yang dihadiri oleh Timbalan Menteri dari Indonesia, ahli persatuan *Solvent Extractors' Association* (SEA) di India dan ahli-ahli pemegang taruh minyak sayuran dan lemak. YB Menteri turut menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Lembaga Minyak Sawit Malaysia, SEA dan Solidaridad Network Asia Limited yang bertujuan untuk promosi bersama bagi meningkatkan kesedaran dalam penggunaan *Malaysian Sustainable Palm Oil* di pasaran India.



Lawatan Kerja bagi menghadiri Program GLOBOIL INDIA 2019 yang diketuai oleh YB Menteri Industri Utama, YB Teresa Kok

MISI TEKNIKAL DAN PROMOSI SAWIT

***Misi Ekonomi
dan Promosi
Sawit Di
Negara-Negara
Afrika Timur, 28
September 2019
- 4 Oktober 2019***

Semasa di Kenya, mesyuarat dua hala bersama Setiausaha Tetap, Kementerian Perdagangan, Perindustrian, Perdagangan dan Koperasi bertumpu kepada kepentingan pasaran Kenya bagi minyak sawit, selain menyatakan hasrat untuk bekerjasama bagi mempertingkatkan lagi hubungan dagangan. Pertemuan dua hala bersama Timbalan Menteri

Kesihatan dan Kebajikan Sosial pula ditumpukan kepada kebaikan penggunaan minyak sawit untuk kesihatan dalam diet harian di kalangan kanak-kanak di Kenya. Lanjutan itu, semasa perjumpaan dengan Diaspora Malaysia, YB Menteri memaklumkan mengenai kepentingan, cabaran dan dasar-dasar industri sawit negara, selain menyeru untuk menyokong dan

mempromosi minyak sawit dari Malaysia di Kenya. Di samping itu, lawatan ke *Golden Africa Ltd* sebuah kilang penapis milik syarikat milik sama Malaysia dengan Yemen juga telah diadakan. YB Menteri juga telah bertemu dengan 30 para penggiat industri sawit dan wakil Kerajaan Kenya bagi menerangkan polisi dan perkembangan terkini industri sawit negara.



Misi Ekonomi dan Promosi Sawit YBM Di Negara-Negara Afrika Timur, 28 September 2019 - 4 Oktober 2019

Semasa mesyuarat dua hala bersama Timbalan Menteri Industri, Perdagangan dan Pelaburan, Tanzania, perbincangan tertumpu kepada kepentingan pasaran minyak sawit Malaysia, kerjasama mempertingkatkan hubungan dagangan selain diminta mengurangkan duti import yang tinggi bagi minyak sawit mentah dan minyak sawit yang diproses sebagai tarikan bagi pelabur Malaysia. Kerajaan Malaysia juga diminta untuk membangunkan sektor hulu industri sawit di Tanzania bagi meningkatkan peluang pekerjaan. Selain itu, pertemuan dua hala bersama, Timbalan Menteri Kesihatan dan

Kebajikan Sosial tertumpu kepada kebaikan penggunaan minyak sawit untuk kesihatan manusia dan kandungan khasiat minyak sawit merah. Pertemuan dengan penggiat industri sawit dan wakil Republik Bersatu Tanzania diadakan bagi menerangkan polisi dan perkembangan terkini industri sawit negara serta bagi mendapatkan maklum balas mengenai cabaran yang dihadapi oleh para pengimport minyak sawit Malaysia. YB Menteri telah melawat *East Coast Oils And Fats Limited* bagi meningkatkan rangkaian kerjasama dan mempromosikan lagi penggunaan minyak sawit Malaysia di Tanzania.



Mesyuarat Dua
Hala Timbalan
Menteri Industri,
Perdagangan dan
Pelaburan, Tanzania

YB Menteri menegaskan bahawa Kerajaan Malaysia sentiasa menekankan kepentingan kualiti minyak sawit bagi menangani persepsi negatif terhadap minyak sawit di kalangan pengguna di Ethiopia. Turut dicadangkan adalah untuk menandatangani MoU bagi kerjasama di bawah sektor sawit. Kerajaan Malaysia juga di seru untuk melabur serta menangani ketidakseimbangan perdagangan yang berpihak kepada Malaysia, di samping menyarankan pembukaan Kedutaan Malaysia di Ethiopia.

Semasa pertemuan dua hala bersama Ketua Pengarah *Medicine And Health Care Administration And Control Authority* (FMHCA) Ethiopia, YB Menteri telah memberi penerangan mengenai kualiti serta kebaikan penggunaan minyak sawit untuk kesihatan manusia. Ketua Pengarah FMHCA menyatakan kebimbangan mengenai persepsi negatif yang semakin meluas di kalangan penggunanya. Manakala, semasa pertemuan bersama para perubatan, penggiat industri, dan Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan di Ethiopia penerangan ditumpukan kepada kualiti, kebaikan dan khasiat minyak sawit Malaysia, serta menekankan hasil penyelidikan yang telah dijalankan.



Pertemuan dua
hala YB Menteri
bersama Ketua
Pengarah Medicine
and Health Care
Administration and
Control

**Misi Ekonomi
Dan Promosi
Sawit Ke
Vietnam, 11 - 14
September 2019**

YB Menteri Industri Utama telah menyetujui Misi Ekonomi dan Promosi Sawit ke Vietnam dari 11 hingga 14 September 2019 bertujuan untuk memperkukuhkan eksport minyak sawit dan produk-produk berasaskan sawit Malaysia ke negara tersebut. Semasa misi tersebut YB Menteri telah merasmikan Malaysia-Vietnam Palm Oil Trade Fair and Seminar (POTS) 2019 yang merupakan platform untuk menghubungkan syarikat Malaysia dengan pihak-pihak yang berkepentingan di Vietnam bagi meneroka pasaran dan meningkatkan kerjasama perdagangan sedia ada. Di samping itu, perjumpaan dengan pihak-pihak yang berkepentingan di Vietnam juga diadakan antaranya Pertemuan dengan Mr. Le Thanh Liem, Vice Chairman of HCM City People's Committee bagi mengutarakan peluang kerjasama dalam perdagangan produk komoditi serta menyampaikan maklumat terkini mengenai perkembangan industri sawit di Malaysia, termasuk mempromosikan pensijilan *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO) dalam memastikan minyak sawit Malaysia dihasilkan secara mampan dan berkualiti.



*Misi Ekonomi Dan Promosi
Sawit YB Menteri Ke Vietnam,
11 - 14 September 2019*

MISI EKONOMI TEKNIKAL DAN PROMOSI SAWIT


**Lawatan Kerja YB
Menteri ke Macau,
Guangzhou dan
Shenzhen, Republik
Rakyat China (PRC).
16-21 Oktober 2019**

YB Menteri telah megetuai Lawatan Kerja ke Macau, Guangzhou dan Shenzhen, Republik Rakyat China (PRC), dari 16-21 Oktober 2019. Tujuan utama lawatan kerja ini adalah bagi menyampaikan ucap tama dan menyampaikan anugerah *Lifetime Achievement* semasa *The World Chinese Business and Economic Summit 2019* (WCBES 2019) yang dihadiri lebih kurang

300 orang yang terdiri daripada kalangan pembuat dasar, ahli perniagaan, cendekiawan dan pengurus kanan syarikat-syarikat besar dari diaspora China seluruh dunia. Selain itu, lawatan kerja tersebut telah membuat kunjungan hormat ke atas Naib Gabenor Wilayah Guangdong, Tuan Yang Terutama (TYT) Ouyang Wemin bagi meneroka cadangan kerjasama untuk mengimport, mempromosi dan menggunakan minyak sawit dan produk-produk berasaskan sawit, termasuk RPO serta mempromosi produk-produk lada di wilayah Guangdong yang merupakan wilayah pengimport minyak sawit keempat terbesar di China.

Beberapa siri mesyuarat juga telah diadakan dengan wakil-wakil syarikat China yang mengimport minyak sawit serta ahli-ahli Persatuan Hotel Malaysia (PHM) untuk mengukuhkan rangkaian kerjasama bersama dengan syarikat pengimport utama minyak sawit Malaysia di China serta bertukar pandangan tentang perkembangan pasaran minyak sawit di China. Selain itu, mesyuarat-mesyuarat tersebut bertujuan membina jaringan dan mencari peluang pengimportan bekalan minyak masak sawit termasuk RPO serta lada Sarawak untuk kumpulan-kumpulan perhotelan terkemuka China memandangkan PHM mempunyai keahlian yang ramai dan berpengaruh dalam operasi F&B perhotelan di China. YB Menteri juga telah melancarkan Program Konsumer Minyak Sawit dan Lada dan Pelancaran Minyak Sawit Merah (RPO) di Guangzhou yang bertemakan *5-Star Product for the 5-Star People*. Tujuan program tersebut adalah untuk memberi pendedahan dan memperkenalkan khasiat RPO dan lada Sarawak kepada pengguna di China melalui program taklimat nutrisi dan demonstrasi penyediaan makanan.

Lawatan kerja ini diakhiri dengan lawatan ke kilang dan perbincangan dengan *DHN International Group Limited* untuk membincangkan pemasaran dan pelaburan berkaitan dengan komoditi getah gred SMR20, minyak sawit dan lada. Perbincangan tertumpu kepada pembekalan getah SMR20 melalui pemproses getah Malaysia dan bahan hiliran sawit *Propaniedol* (PDO) untuk operasi pembuatan kasut dan pakaian jenama sukan Skechers. Mesyuarat turut membincangkan penggunaan lada Sarawak untuk operasi perhotelan dan restoran Luen Thai *International Group*.



Lawatan Kerja YB Menteri ke Macau, Guangzhou dan Shenzhen, Republik Rakyat China (PRC). 16-21 Oktober 2019

CERTIFIED SUSTAINABLE PALM OIL (CSPO) FORUM 2019

Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) telah menganjurkan *Certified Sustainable Palm Oil (CSPO) Forum 2019* yang bertemakan '*MSPO Ready by 2020*' pada 18 November 2019 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre. Forum ini telah dirasmikan oleh YB Menteri Industri Utama. CSPO Forum ini adalah acara tahunan yang di anjurkan oleh MPOCC bagi memaklumkan kepada industri sawit maklumat-maklumat terkini mengenai status dan hala-tuju *Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO)*.

Di CSPO Forum tersebut, YB Menteri telah melancarkan aplikasi pintar *MSPO Trace* yang dapat digunakan untuk menjejak kesan minyak sawit yang dipersijilkan MSPO di dalam produk-produk berasaskan sawit yang telah mendapat pensijilan MSPO. Selain itu, forum selama setengah hari ini meliputi pembentangan lima (5) kertas kerja berkaitan pelaksanaan pensijilan MSPO bagi pekebun kecil persendirian dan tersusun, permintaan terhadap minyak sawit mampan, pemasaran minyak sawit dipersijilkan MSPO dan pencapaian pensijilan MSPO. Ini juga diikuti dengan perbincangan panel yang terdiri daripada agensi pelaksana dan persatuan sawit. Forum ini telah berjaya menarik penyertaan seramai lebih kurang 350 orang yang terdiri daripada pelbagai pemegang taruh berkaitan sawit dan merupakan platform penting untuk mendapatkan maklumat terkini dan berkongsi isu-isu yang dihadapi dalam pelaksanaan pensijilan MSPO.



YB Menteri merasmikan Certified Sustainable Palm Oil (CSPO) Forum 2019

JELAJAH MALAYSIAN SUSTAINABLE PALM OIL (MSPO) 2019

Majlis Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) telah menganjurkan beberapa Siri Jelajah *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO) di seluruh negara sepanjang tahun 2019 yang turut disertai oleh YB Menteri dan YB Timbalan Menteri. Siri Jelajah MSPO ini adalah bertujuan untuk memberi kesedaran kepentingan MSPO dan juga memberi tunjuk ajar langkah-langkah serta keperluan dalam mendapatkan pensijilan MSPO. Penyertaan siri Jelajah MSPO ini dibuka kepada semua pengusaha sawit seperti pekebun kecil dan pengilang sawit di seluruh negara, termasuk Orang Asli.

Sehingga November 2019, lebih daripada 70 siri Jelajah MSPO telah dianjurkan di seluruh negara merangkumi Perak, Pahang, Terengganu, Kelantan, Kedah, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Melaka, Sabah dan Sarawak. Siri Jelajah MSPO ini telah mendapat penyertaan yang menggalakkan dari para pengusaha sawit di Malaysia. MPOB akan terus bekerjasama dengan MPOCC untuk mengadakan lebih banyak siri Jelajah MSPO selain mengadakan usaha-usaha untuk melatih dan memperkukuh badan-badan pensijilan CB supaya dapat melakukan audit pensijilan MSPO yang lebih teratur dan berkesan.



Jelajah MSPO di Kuantan, Pahang



Jelajah MSPO di Pontian, Johor

CADANGAN MELESTARIKAN PENANAMAN SAWIT MALAYSIA

Cadangan Melestarikan Penanaman Sawit Malaysia yang dikemukakan oleh Kementerian Industri Utama (MPI) adalah salah satu inisiatif berterusan Kementerian bagi memastikan industri sawit negara dibangunkan secara mampan dan lestari. Cadangan ini telah dibincangkan dan dipersetujui dalam Mesyuarat Menteri Besar Ketua Menteri Bil.133 pada 26 Februari 2019 dan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 22 Mac 2019 seperti berikut:

- (i) mengehadkan keluasan penanaman kelapa sawit kepada 6.5 juta hektar sahaja bagi seluruh negara dengan memfokuskan kepada kawasan tanaman sawit yang sedia ada tanpa melibatkan perluasan kawasan baharu;
- (ii) melaksanakan larangan penanaman baharu sawit di atas kawasan baharu tanah gambut, penetapan syarat dan peraturan yang lebih ketat terhadap tanaman sawit di kawasan tanah gambut sedia ada serta penetapan moratorium berhubung larangan ini oleh kerajaan negeri;
- (iii) melaksanakan pengurusan Hutan Simpan Kekal (HSK) yang lebih mampan iaitu:
 - a. larangan penukaran guna tanah bagi aktiviti penanaman sawit atau tanaman pertanian lain; dan
 - b. penanaman semula spesis hutan bagi kawasan HSK yang telah lengkap satu pusingan sawit.
- (iv) penyediaan peta rasmi bagi kawasan sawit di seluruh negara untuk capaian umum.

Sehubungan itu, dalam memastikan cadangan melestarikan penanaman sawit dapat dilaksanakan dengan jayanya, sesi konsultasi oleh Kementerian Industri Utama bersama pemegang taruh iaitu Kerajaan Negeri sedang giat dilaksanakan. Pada tahun 2019, pihak Kementerian Industri Utama berjaya mengadakan perbincangan dan mendapatkan persetujuan daripada 7 negeri iaitu Sarawak, Johor, Terengganu, Perak, Melaka, Selangor dan Pahang untuk menyokong pelaksanaan cadangan ini.

BANTUAN KEPADA PEKEBUN KECIL SAWIT

Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) yang dilaksanakan sepanjang Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) telah digantikan dengan Skim Pembiayaan Mudah Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS). Skim TSPKS adalah merupakan program yang dirancang secara teliti berdasarkan formulasi yang terbaik mengikut acuan situasi ekonomi semasa negara. Skim ini juga dirangka mengikut keperluan terkini para pekebun kecil sawit persendirian dalam melaksanakan aktiviti penanaman semula. Skim ini adalah terbuka kepada mereka yang mempunyai pokok sawit berumur melebihi 25 tahun dan ke atas dengan had maksimum pembiayaan seluas 6.5 hektar. Kerajaan telah merangka agar skim TSPKS ini tidak membebankan para pekebun kecil sawit dengan kadar faedah yang cukup rendah, tempoh moratorium selama 48 bulan, tiada cagaran dan tiada penjamin.

SKIM PEMBIAYAAN MUDAH (TSPKS)

TANAM SEMULA PEKEBUN KECIL SAWIT

Membantu meringankan beban kewangan pekebun kecil bagi melaksanakan penanaman semula sawit

KADAR PEMBIAYAAN
RM10,000 (10 Hektar) **RM14,000** (14 Hektar)

SYARAT PERMOHONAN
 1. Mempunyai lesen tanaman
 2. Umur > 25 tahun
 3. Mempunyai hak perolehan tanah sah sahaja
 4. Mempunyai lesen tanaman sawit 25 tahun
 5. Mempunyai lesen MPOB

DOKUMEN DIPERLUKAN
 1. Salinan Kad Pengesaran
 2. Salinan Lesen Tanah
 3. Salinan Lesen MPOB

KADAR BAKUL BERTAMBAH KE-5
KADAR 2%
LIHAT 6.5
KELEBIHAN PEMBIAYAAN
 1. Lulus Segera
 2. Tanpa Cagaran
 3. Ansuran Mudah
 4. Tanpa Penjamin

Borang permohonan boleh dipertah di semua Pejabat MPOB & Agrobank bermula 15 Ogos 2017

palmoilpedia

SKIM PEMBIAYAAN MUDAH (IPPKS)

INPUT PERTANIAN PEKEBUN KECIL SAWIT

Membeli input pertanian seperti anak benih, baja serta bahan kawalan perosak seperti racun rumpai dan racun serangga perosak.

KADAR PEMBIAYAAN
RM2,500 (25 Hektar)

PEMBIAYAAN MAKSIMA **RM16,250**

TEMPOH **24** BULAN

KADAR **2%**

KELEBIHAN PEMBIAYAAN
 1. Lulus Segera
 2. Tanpa Cagaran
 3. Ansuran Mudah
 4. Tanpa Penjamin

DOKUMEN DIPERLUKAN
 1. Salinan Kad Pengesaran
 2. Salinan Lesen Tanah
 3. Salinan Lesen MPOB

Borang permohonan boleh dipertah di semua Pejabat MPOB & Agrobank bermula 15 Ogos 2017

palmoilpedia

Selain itu, Skim Pembiayaan Input Pertanian Sawit (IPPKS) juga diperkenalkan untuk menggalakkan pembajaan dan penyelenggaraan kebun sawit. Nilai pembiayaan adalah tidak melebihi RM2500/hektar dan had maksimum keluasan adalah 6.5 hektar dengan tempoh pembiayaan selama 24 bulan sahaja.

MPOB INTERNATIONAL PALM OIL EXHIBITION AND CONGRESS (PIPOC 2019)

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah menganjurkan *MPOB International Palm Oil Exhibition and Congress (PIPOC 2019)* yang bertemakan *Balancing Sustainability Pillars* pada 19 November 2019 di Kuala Lumpur Convention Centre. Tema ini adalah sejajar dengan inisiatif prinsip kelestarian industri sawit di Malaysia dengan menegakkan 3 tonggak utama yang merangkumi pembangunan sosial, ekonomi dan alam sekitar yang bertujuan untuk menjamin kualiti hidup yang lebih baik. Prinsip kelestarian industri sawit melalui pengamalan pengurusan pertanian mampan telah mendapat sokongan dan diguna pakai oleh pekebun-pekebun kecil dan syarikat-syarikat perladangan swasta.

PIPOC 2019 merupakan satu forum antarabangsa yang mempertemukan pihak-pihak yang terlibat dalam bidang pengeluaran, pemprosesan, penggunaan, perdagangan serta penyelidikan dan pembangunan industri sawit dunia. Persidangan ini dianjurkan setiap 2 tahun sekali sejak tahun 1987. YAB Perdana Menteri telah merasmikan dan melancarkan Teknologi Fenolik Minyak Sawit yang telah dibangunkan oleh MPOB. Fenolik sawit berpotensi untuk digunakan dalam sektor kesihatan kerana mempunyai pelbagai khasiat kesihatan seperti antioksidan, antihipertensi, melindungi saraf dan anti keradangan. Persidangan dan pameran tersebut berlangsung selama tiga hari yang terdiri daripada sidang plenary tentang pertanian, bioteknologi, kemampanan, kimia, oleokimia dan ekonomi global industri sawit. Pameran dari syarikat-syarikat terkemuka dan agensi kerajaan lain juga berlangsung selama 3 hari. Program ini telah berjaya menarik seramai lebih kurang 2000 peserta yang terdiri daripada pelbagai pemegang taruh berkaitan sawit dan merupakan platform penting untuk mendapatkan maklumat terkini dan berkongsi isu-isu yang dihadapi dalam industri sawit.



Perasmian MPOB International Palm Oil Exhibition and Congress (PIPOC 2019) yang disempurnakan YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad

BIOBAHAN API

PENGENALAN

Dasar Biobahan Api Negara (DBN 2006) telah dilancarkan pada tahun 2006 bagi mengembangkan potensi penggunaan biobahan api berasaskan sawit dengan berlandaskan lima (5) teras utama berikut:



Rajah 1 : Lima (5) teras utama Dasar Biobahan Api Negara

Bagi melengkapkan pelaksanaan DBN 2006, Kerajaan pada tahun 2007 telah menggubal Akta Industri Biobahan Api Malaysia 2008 (Akta 666) yang merupakan instrumen perundangan bagi menyelaraskan pelesenan serta mengawal selia industri biobahan api negara bermula 1 Ogos 2008.

PELAKSANAAN PROGRAM B5

B5

PUNCA KUASA PELAKSANAAN PROGRAM B5

- Keputusan Mesyuarat Ke-8 Jawatankuasa Kabinet Mengenai Daya Saing Minyak Sawit pada 12 Januari 2010.
- Pelaksanaan program mandatori B5 bagi sektor bersubsidi.
- Pelaksanaan secara berfasa di Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Negeri Sembilan dan Melaka bermula Jun 2011.

JENIS SEKTOR YANG TERLIBAT

- Merangkumi perikanan, fleet card dan tangki skid bagi pengangkutan darat yang telah menggunakan B5 sepenuhnya mulai 20 Februari 2021.
- Sasaran untuk mencapai penggunaan biodiesel sawit sebanyak 500,000 tan setahun dan tidak bersubsidi.

WAY FORWARD

- Peluasan ke seluruh sektor bersubsidi di wilayah Selatan (Johor) mulai 22 Julai 2013.
- Seluruh Semenanjung Malaysia telah menggunakan B5 menjelang Mac 2014.

Rajah 2 : B5 iaitu adunan 5% biodiesel sawit dengan 95% diesel petroleum.

PELAKSANAAN PROGRAM B7

B7

PUNCA KUASA PELAKSANAAN PROGRAM B7

- Penelitian dan hasil konsultasi yang dijalankan dengan pihak-pihak berkepentingan berhubung pelaksanaan Program B7.
- Tidak timbul isu untuk meningkatkan adunan daripada B5 kepada B7.
- Kerajaan pada 17 Oktober 2014 telah bersetuju untuk melaksanakan program B7 secara berfasa melibatkan sektor bersubsidi.

JENIS SEKTOR YANG TERLIBAT

- Merangkumi sektor bersubsidi bagi pengangkutan darat yang telah menggunakan B5 sepenuhnya sebelum ini.
- Pelaksanaan Program B7 bagi sektor bersubsidi akan membantu meningkatkan keperluan biodiesel sawit sebanyak 576,000 tan setahun.

WAY FORWARD

- Pelaksanaannya telah dimulakan di Semenanjung pada November 2014.
- Disusuli dengan negeri Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan mulai Disember 2014.

Rajah 3 : B7 iaitu adunan 7% biodiesel sawit dengan 93% diesel petroleum.

PELAKSANAAN PROGRAM B10 DI SEKTOR PENGANGKUTAN DAN PROGRAM B7 DI SEKTOR INDUSTRI

B10

PUNCA KUASA PELAKSANAAN PROGRAM B10

- Pembentangan kepada Kabinet pada 27 Mei 2016 berhubung cadangan untuk meningkatkan program B7 ke B10.
- Namun, program B10 terpaksa ditangguhkan buat masa ini berikutan terdapat perbezaan ketara antara harga minyak fosil dan minyak sawit mentah.
- Pembentangan kali kedua kepada Kabinet pada 9 November 2018 untuk meningkatkan Program B7 kepada B10 dan dipersetujui.

JENIS SEKTOR YANG TERLIBAT

- Sektor pengangkutan (runcit, perikanan dan sektor lain) yang diberi subsidi.
- Dipertingkat daripada B7 kepada Program B10 mulai 1 Disember 2018 secara berfasa.


WAY FORWARD

- Pelaksanaan mandatori mulai 1 Februari 2019 di seluruh negara bagi sektor bersubsidi.
- Pelaksanaan mandatori mulai 1 Julai 2019 di seluruh negara bagi sektor tidak bersubsidi.

Rajah 4 : B10 iaitu adunan 10% biodiesel sawit dengan 90% diesel petroleum.


PELESENAN BIOBAHAN API

Bagi mengawal selia perjalanan industri biobahan api negara, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta 666, MPI telah dipertanggungjawabkan untuk memproses tiga (3) kategori permohonan lesen biobahan api iaitu :



Rajah 5: Jenis-jenis Kategori Permohonan Lesen Biobahan Api.

Sehingga kini terdapat 146 buah syarikat telah diluluskan untuk menjalankan lapan (8) aktiviti seperti di atas.




Rajah 6: Bilangan Aktiviti yang DileSENkan Tahun 2019

Hanya permohonan yang lengkap akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pelesenan Biobahan Api untuk perakuan kepada Pihak Berkuasa Pelesenan iaitu Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama bagi kelulusan lesen.

Jawatankuasa telah bersidang 3 kali dalam tempoh setahun dan telah memproses sebanyak 68 lesen biobahan api sepanjang tahun 2019. Pecahan jenis permohonan lesen yang diluluskan adalah seperti berikut:

PERMOHONAN LESEN BIOBAHAN API YANG DILULUSKAN TAHUN 2019



Rajah 7: Permohonan Lesen Biobahan Api Yang Diluluskan Tahun 2019

Setakat tahun 2019, terdapat sebanyak 146 buah syarikat yang masih memiliki lesen biodiesel.



Jadual 1: Jumlah pemegang lesen biodiesel mengikut negeri tahun 2019

NAZIRAN PENGUATKUASAAN DAN PELESENAN BAHAGIAN BIOBAHAN API

Pada tahun 2019, naziran penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh Unit Penguatkuasaan dan Pendakwaan, Bahagian Biobahan Api, MPI ke atas pemilik-pemilik lesen yang menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan biobahan api di Semenanjung Malaysia termasuk di Sarawak. Naziran dilaksanakan ke atas industri yang memiliki lesen biobahan api.

Tujuan naziran penguatkuasaan ini dilaksanakan adalah bagi memastikan syarikat-syarikat yang terlibat dengan industri biobahan api mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan dibawah Akta Industri Biobahan Api Malaysia 2007 (Akta 666) serta peraturan-peraturan subsidiari di bawahnya.

Pada tahun ini sebanyak 57 buah syarikat telah dilawati dan dibuat pemeriksaan yang meliputi Zon Tengah, Zon Selatan, Zon Utara, Zon Timur dan Zon Borneo seperti jadual di bawah:

BIL.	ZON	NEGERI	JUMLAH PREMIS
1	ZON TENGAH		14
2	ZON SELATAN		18
3	ZON UTARA		7
4	ZON TIMUR		6
5	ZON BORNEO		12
JUMLAH KESELURUHAN			57

Jadual 2 : Butiran Naziran Penguatkuasaan dan Perlesenan Tahun 2019

NEGERI	SAMPEL			JUMLAH
	PALM METHYL ESTER	BODIESEL	DIESEL	
Melaka	1		1	2
Negeri Sembilan	1	1	1	3
Pahang	1	2		3
Pulau Pinang	2	2		4
Selangor	1			1
JUMLAH	6	5	2	13

Jadual 3: Butiran Pengambilan Sampel Tahun 2019

PENYERTAAN SEMINAR / PERSIDANGAN

Sepanjang tahun 2019, pegawai di BBA telah menyertai beberapa Seminar/ Persidangan peringkat Nasional dan Antarabangsa.

Bil.	Seminar / Persidangan	Tarikh	Tempat
1.	Senior Officials Meeting on Energy (SOME) and Associated Meetings	24 – 28 Jun 2019	Bangkok, Thailand
2.	7th Ministerial Meeting of Council of Palm Oil Producing Countries (CPOPC)	16 Julai 2019	Hotel Corus, Kuala Lumpur
3.	ASEAN Ministers on Energy Meeting (AMEM) and Associated Meetings	2 – 6 September 2019	Bangkok, Thailand
4.	Malaysia Biomass Industries Seminar 2019	24 September 2019	Kinrara Resort, Puchong, Selangor
5.	MPOB International Palm Oil Congress and Exhibition (PIPOC) 2019	19 – 21 November 2019	KL Convention Centre, KL
6.	The 2nd Ministerial Meeting of Palm Oil Producing Countries (2nd MMPOPC)	17 – 18 November 2019	Hotel Pullman, Kuala Lumpur

Jadual 4: Butiran Penyertaan Seminar / Persidangan Tahun 2019

AKTIVITI / PERBINCANGAN / KONSULTASI / LAWATAN KERJA BAGI PELAKSANAAN PROGRAM B10/B20 SEPANJANG TAHUN 2019

Aktiviti, perbincangan dan sesi konsultasi yang telah berlangsung sepanjang 2019 adalah seperti berikut:

BIL	TARIKH	AKTIVITI / PERBINCANGAN / KONSULTASI	LOKASI
1.	26 April 2019	FMM-MPOB Seminar On Biodiesel (B7) Implementation in Industrial Sector	Wisma FMM, Bandar Sri Damansara, Kuala Lumpur
2.	13 Jun 2019	MPOB-FMM 2 nd Seminar On Biodiesel (B7) Implementation in Industrial Sector	The Northam All Suite Hotel, Georgetown, Pulau Pinang
3.	19 Jun 2019	Sesi Perbincangan bersama Kumpulan Tan Chong berkaitan Penggunaan Biodiesel B20	Wisma Tan Chong, Kuala Lumpur
4.	29 Jun 2019	Seminar Pelaksanaan Biodiesel (B7) Bagi Sektor Industri	Menara Kidurong, Lembaga Pelabuhan Bintulu, Bintulu, Sarawak
5.	29 Jun 2019	Majlis Pelancaran Program Biodiesel B7 di Sektor Industri Seluruh Malaysia	Menara Kidurong, Lembaga Pelabuhan Bintulu, Bintulu, Sarawak
6.	29 Jun 2019	Temu Bual YBM bersama RTM Bintulu	RTM Bintulu, Sarawak
7.	22 – 24 Julai 2019	Lawatan Kerja dengan Syarikat Logistik dan Pelabuhan ke Indonesia untuk Program Biodiesel	Jakarta, Indonesia
8.	26 Julai 2019	Sesi Konsultasi Bersama MPI, MITI, Pengedar/Pengeluar Kenderaan Diesel Komersial dan Syarikat-syarikat Pengangkutan mengenai Pelaksanaan Program Biodiesel B20 di Sektor Pengangkutan	Menara MITI, Kuala Lumpur

BIL	TARIKH	AKTIVITI / PERBINCANGAN / KONSULTASI	LOKASI
9.	13 September 2019	Program Flag Off Penggunaan B20 oleh FGV Transport Services Sdn Bhd	Pelabuhan Klang, Selangor
10.	27 September 2019	Shell Malaysia Commercial Fuels B7 Engagement	Hotel Sheraton Imperial, Kuala Lumpur
11.	10 Oktober 2019	Majlis Pertukaran Dokumen Perjanjian Projek Usahasama Kajian Biodiesel Sawit B30 antara MPOB dan Universiti Tempatan dan Majlis Flag Off Kenderaan Euro 5 Menggunakan B20 Usahasama MPOB-JAMA	MPOB Bangi, Selangor
12.	29 Oktober 2019	Taklimat Pelaksanaan Program B7 bagi Sektor Industri	Menara Kembar PETRONAS 1, KLCC, Kuala Lumpur
13.	4 November 2019	Kunjungan Hormat Wakil Japan Automobile Manufacturers Association (JAMA) dan Japan Automobile Research Institute (JARI) ke atas YBhg. Dato' KSU MPI	MPI, Putrajaya
14.	6 November 2019	Seminar Penggunaan B7 di Sektor Industri bagi Syarikat-Syarikat yang Mendapat Pengecualian Sementara	Wisma FMM, Bandar Sri Damansara, Kuala Lumpur
15.	21 November 2019	Majlis Pertukaran Dokumen Perjanjian Mengenai Reka Bentuk Kejuruteraan bagi Menaik Taraf Depoh Sistem Pengadunan Biodiesel B20 dan B30 antara MPOB dan Syarikat Petroleum	Kuala Lumpur Convention Centre
16.	22 & 23 November 2019	Bengkel Perancangan Program B20 dan Pemantapan Naziran Penguatkuasaan Biobahan Api tahun 2020	Hotel Lexis, Port Dickson

Jadual 5: Aktiviti / Perbincangan / Konsultasi Pelaksanaan Program B10/B20 Tahun 2019

MESYUARAT-MESYUARAT JAWATANKUASA BERKAITAN PELAKSANAAN PROGRAM B10/B20 SEPANJANG TAHUN 2019

Mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa yang telah berlangsung sepanjang 2019 adalah seperti berikut:

BIL	TARIKH	AKTIVITI / PERBINCANGAN / KONSULTASI	LOKASI
1.	29 April 2019	Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan Biobahan Api Bil. 1/2019	MPI, Putrajaya
2.	21 Jun 2019	Mesyuarat Jawatankuasa Pengecualian Adunan Biobahan Api Bil. 1/2019	MPI, Putrajaya
3.	1 Julai 2019	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Program Biodiesel B20 Bil. 1/2019	MPI, Putrajaya
4.	11 Julai 2019	Mesyuarat Jawatankuasa Pengecualian Adunan Biobahan Api Bil. 2/2019	MPI, Putrajaya
5.	7 Ogos 2019	Mesyuarat Jawatankuasa Pengecualian Adunan Biobahan Api Bil. 3/2019	MPI, Putrajaya
6.	16 Ogos 2019	Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pelaksanaan Program B20 di Sektor Pengangkutan Bil 1/2019	MPI, Putrajaya
7.	12 September 2019	Mesyuarat Jawatankuasa Pengecualian Adunan Biobahan Api Bil. 4/2019	MPI, Putrajaya
8.	17 September 2019	Mesyuarat Jawatan Kuasa Pelesenan Biobahan Api Bil. 2/2019	MPI, Putrajaya

AKTIVITI BERKAITAN PROGRAM B10/B20/B30 DAN LAWATAN KERJA 2019

Sepanjang 2019, aktiviti-aktiviti berkaitan B10/B20/B30 dan lawatan kerja telah dijalankan dengan kerjasama pelbagai pihak dan turut melibatkan pengurusan tertinggi kementerian. Antaranya:



Rajah 8: MPOB-FMM 2nd Seminar On Biodiesel (B7) Implementation in Industrial Sector pada 5 Septemer 2019 di The Northam All Suite Hotel, Georgetown, Pulau Pinang



Rajah 9: Majlis Pelancaran Program Biodiesel B7 di Sektor Industri Seluruh Malaysia pada 29 Jun 2019 di Menara Kidurong, Lembaga Pelabuhan Bintulu, Bintulu, Sarawak



Rajah 10: Majlis Pertukaran Dokumen Perjanjian Projek Usahasama Kajian Biodiesel Sawit B30 antara MPOB dan Universiti Tempatan dan Majlis Flag Off Kenderaan Euro 5 Menggunakan B20 Usahasama MPOB-JAMA pada 10 Oktober 2019 di Ibupejabat MPOB, Bangi



Rajah 11: Majlis Pertukaran Dokumen Perjanjian Mengenai Reka Bentuk Kejuruteraan bagi Menaik Taraf Depoh Sistem Pengadunan Biodiesel B20 dan B30 antara MPOB dan Syarikat Petroleum pada 21 November 2019 di Kuala Lumpur Convention Centre

AKTIVITI BERKAITAN NAZIRAN PENGUATKUASAAN DAN PELESENAN BAHAGIAN BIOBAHAN API 2019

Pada tahun 2019, naziran penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh Unit Penguatkuasaan dan Pendakwaan, Bahagian Biobahan Api, MPI ke atas pemilik-pemilik lesen yang menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan biobahan api di Semenanjung Malaysia termasuk di Sarawak. Antaranya:



Rajah 12: Lawatan Setiausaha Bahagian Biobahan, YBrs. Ts. Dr Sang Yew Ngin Api ke syarikat FIMA Biodiesel Sdn. Bhd., Pelabuhan Klang.



Rajah 13: Naziran Penguatkuasaan di syarikat CSA Terminals Sdn Bhd, Pelabuhan Kuantan, Pahang.




Rajah 14: Salah satu naziran yang dijalankan di loji pengeluar biodiesel.

GETAH

PRESTASI KOMODITI 2019

SUMBANGAN INDUSTRI GETAH KEPADA KDNK 2019 (RM JUTA)



Rajah 1: Prestasi Industri Getah 2019

Tahun 2019 menunjukkan aktiviti komoditi getah masih memberikan sumbangan yang signifikan kepada KDNK negara dengan peningkatan di sektor huluan getah sebanyak 6.1% berbanding tahun 2018. Di sektor hiliran pula, berlaku peningkatan sebanyak 6.9% berbanding tahun 2018.

HARGA

Harga purata getah asli iaitu gred SMR 20 (FOB) merekodkan peningkatan sebanyak 6.3% ke paras 577.68 sen sekilogram (se kg) pada tahun 2019 berbanding 543.56 sen se kg pada tahun 2018.

Harga tertinggi yang direkodkan bagi tahun 2019 ialah 644 sen per kg pada 28 Mei 2019, manakala harga terendah adalah pada paras 516 sen per kg pada 4 Oktober 2019.

Harga purata lateks pekat pada tahun 2019 juga menunjukkan peningkatan kepada 452 sen sekilogram berbanding tahun 2018 pada kadar 429 sen sekilogram. Harga purata getah kentalan atau *cuplump* pada kadar 100% kandungan getah kering (KGK) juga menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya iaitu 437 sen sekilogram pada tahun 2019 dan 401 sen sekilogram pada tahun 2018.




Carta 1: Pergerakan Harga SMR 20 (FOB) dan Cuplump (50% KGK) pada Tahun 2019



Carta 2: Pergerakan Harga Purata Bulanan SMR 20 (FOB) dan Lateks Pukul (100% KGK) pada Tahun 2018 sehingga 2019

PENGELUARAN

Pada tahun 2019 pengeluaran getah asli mencatatkan peningkatan sebanyak 6.1% dengan pengeluaran sebanyak 639.83 ribu tan berbanding 603.32 ribu tan pada tahun 2018.



Rajah 2: Jumlah Pengeluaran Getah Asli Malaysia

Pekebun kecil menjadi penyumbang utama pengeluaran getah domestik iaitu 90.4% daripada jumlah pengeluaran getah pada tahun 2019 berbanding estet sebanyak 9.6%.

WILAYAH/ SEKTOR	2018 (TAN)	2019 (TAN)
Semenanjung		
Estet	52,295	57,864
Pekebun Kecil	512,099	535,733
Jumlah	564,394	593,597
Sabah		
Estet	3,090	3,317
Pekebun Kecil	29,569	35,679
Jumlah	32,659	38,996
Sarawak		
Estet	67	35
Pekebun Kecil	6,209	7,202
Jumlah	6,276	7,237
Seluruh Malaysia		
Estet	55,452	61,216
Pekebun Kecil	547,877	578,614
Jumlah	603,329	639,830


Sumber: LGM

Jadual 1: Pengeluaran Getah Malaysia, 2018 dan 2019 Mengikut Wilayah & Sektor

PENGGUNAAN

Secara amnya, penggunaan getah asli Malaysia dipelopori oleh industri produk lateks iaitu 86.9% atau 846,816 tan yang mana berkurangan berbanding 855,029 tan pada tahun 2018. Bagi sektor industri tayar dan tiub dalaman, penggunaan getah asli meningkat sebanyak 404 tan atau 0.6% berbanding penggunaan pada tahun 2018.

PENGGUNAAN GETAH MENGIKUT SEKTOR BARANGAN (TAN)



Sumber: DOSM

Rajah 3: Pecahan Penggunaan Getah Mengikut Sektor Barangan Tahun 2018 dan 2019

PERDAGANGAN

i) PRESTASI EKSPORT

Jumlah eksport getah asli dalam kuantiti pada tahun 2019 meningkat sebanyak 1.2% kepada 1,033,712 tan (RM6.06 bilion) berbanding tahun 2018 iaitu sebanyak 1,020,940 tan (RM6.52 bilion).


JENIS	2018		2019		PERBEZAAN (%)
	Nilai (RM Billion)	% daripada Eksport Negara	Nilai (RM Billion)	% daripada Eksport Negara	
Getah Asli	6.52	0.65	6.06	0.62	(7.06)
Barangan Getah	23.79	2.37	23.34	2.37	(1.93)
Lain-lain Getah**	1.33	0.13	1.52	0.15	14.29
Jumlah	31.64		30.92		(2.32)

**Termasuk getah sintetik, getah kompaun, *reclaimed rubber*, *waste rubber* & *unvulcanised rubber*
 Sumber: LGM & DOSM

Jadual 2: Eksport Industri Getah 2018-2019

Antara destinasi eksport utama getah asli Malaysia ialah China, Jerman, Finland, Iran dan Amerika Syarikat dengan jumlah eksport ke China sebanyak 711,767 tan atau RM4.1 bilion, menjadikan China negara tertinggi mengimport getah asli Malaysia dengan nilai pasaran 67.7% daripada keseluruhan eksport getah asli Malaysia.

NEGARA UTAMA EKSPORT GETAH ASLI MALAYSIA (TAN)



Sumber: DOSM

Rajah 4: Destinasi Eksport Utama Getah Asli Malaysia 2019

Sarung tangan getah merangkumi 91.7% atau RM17.4 billion daripada jumlah eksport barangan lateks pada tahun 2019.


Barangan Lateks	Nilai RM ('000)	
	2018	2019
Sarung tangan pembedahan	1,554,844	1,565,023
Sarung tangan lain	16,268,175	15,788,481
Bebenang getah	591,112	560,090
Kondom	338,027	322,132
Catheter	357,522	425,920
Barangan lateks lain	239,083	271,977
Jumlah	19,348,763	18,933,622

Sumber: DOSM

Jadual 3: Eksport Barangan Lateks Malaysia 2019

ii) PRESTASI IMPORT

Nilai import getah asli Malaysia juga menunjukkan tren penurunan dalam kuantiti terutamanya lateks pekat yang menunjukkan penurunan import lateks pekat sebanyak 6.4% pada tahun 2019 iaitu sebanyak 312,006 tan berbanding 333,427 tan pada tahun 2018. Antara import getah asli utama Malaysia adalah dalam bentuk getah asap berbunga (*Ribbed Smoke Sheets*, RSS), getah berpiawaian (*Standard Rubber*, SR) dan lain-lain jenis getah asli.



Sumber: DOSM

Rajah 5: Import Getah Asli Malaysia 2019

Nilai import getah asli meningkat 3.2% kepada RM5.46 bilion pada tahun 2019 berbanding RM5.29 bilion pada tahun 2018. Import barangan getah pula menurun 10.1% kepada RM7.52 bilion berbanding RM8.36 bilion pada tahun 2018. Pada tahun 2019 juga, Malaysia mengimport 1.082 juta tan getah asli berbanding 1.014 juta tan pada tahun sebelumnya dengan peningkatan sebanyak 6.7%. Thailand merupakan pengeksport utama getah asli ke Malaysia sejak tahun 2011 dengan jumlah 486,099 tan getah asli pada tahun 2019.

DASAR/ PROGAM/ INISIATIF

1. PELANCARAN RRIMNIAGA BAGI MEMUDAHKAN PENYALURAN IPG

Dalam usaha mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan, RRIMniaga telah diperluaskan penggunaannya sejak Februari 2019 oleh LGM dalam memodenkan kaedah jual beli getah oleh pelesen. Aplikasi RRIMniaga membolehkan resit dikeluarkan oleh alat pencetak mudah alih, data-data disimpan di dalam server LGM dan laporan jual beli getah dijana secara automatik.

Ini dapat menangani isu yang sering dibangkitkan oleh pekebun kecil berkaitan penyaluran/pembayaran Insentif Pengeluaran Getah (IPG) kerana sistem RRIMniaga yang dibangunkan ini bukan sahaja dapat menjimatkan masa dan memendekkan proses permohonan tetapi juga dapat mengekalkan data pekebun kecil melalui server yang diintegrasikan dengan sistem IPG sedia ada.



2. **PELAKSANAAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI CUPLUMP MODIFIED BITUMEN (CMB) DI DALAM PENYELENGGARAAN DAN PEMBINAAN JALAN**



Rajah 6: Pelaksanaan CMB

Bahagian Pembangunan Industri Getah dan Jatropha (GET) juga telah turut terlibat dalam penyelarasan pelaksanaan dasar melibatkan penggunaan CMB dalam pembinaan dan penyelenggaraan jalan yang mula dilaksanakan sejak tahun 2014. Sehingga kini penggunaan teknologi CMB telah berada di peringkat pengujian. Beberapa lokasi jalan di seluruh Malaysia telah dipilih untuk dijadikan *pilot test* sebelum penggunaan teknologi tersebut diperluaskan oleh Kerajaan.

Sehingga akhir tahun 2019, sepanjang 46.1 km jalan dalam projek rintis dengan kerjasama agensi lain telah diturap menggunakan CMB. Seterusnya penggunaan teknologi CMB diperluaskan pada tahun 2019 dengan penyelenggaraan jalan sepanjang 202.68 km daripada peruntukan RM100 juta (di bawah peruntukan Inisiatif Pembiayaan Swasta) yang diumumkan kerajaan pada Belanjawan 2019 dan telah siap sepenuhnya pada Mei 2020. Usaha ini juga secara tidak langsung membantu untuk jangka masa tertentu dalam meningkatkan pendapatan pekebun kecil melalui permintaan terhadap bekalan getah domestik.

BIL.	NEGERI	PANJANG JALAN (km)
1	SELANGOR	7.80
2	TERENGGANU	11.50
3	PAHANG	42.45
4	KELANTAN	10.08
5	PERLIS	1.00
6	PERAK	9.20
7	KEDAH	12.85
8	P.PINANG	2.00
9	N.SEMBILAN	58.90
10	MELAKA	5.40
11	JOHOR	41.50
JUMLAH		202.68

Sumber: JKR dan LGM

Jadual 4: Pelaksanaan Projek Jalan Berasaskan Getah (Rubberised Road) Di Bawah Peruntukan RM100 Juta Tahun 2019

3. INSENTIF PENGELUARAN GETAH

(i) Latar Belakang Insentif Pengeluaran Getah



Sumber: LGM dan KPPK

Rajah 7: Paras Harga Pengaktifan IPG 2015-2019

Insentif Pengeluaran Getah (IPG) telah mula dilaksanakan pada tahun 2015. IPG merupakan salah satu langkah untuk menjamin kebajikan pekebun kecil getah tempatan

terutama ketika krisis kejatuhan harga getah di samping memastikan pengeluaran getah domestik yang berterusan.

Paras Harga Pengaktifan (PHP) IPG akan diaktifkan sekiranya harga getah asli lebih rendah daripada RM6.10 sekilogram bagi SMR20 (FOB) atau RM2.50 sekilogram bagi *cuplump* (50% KGK). Tuntutan IPG dibuat menerusi agensi pelaksana iaitu Lembaga Getah Malaysia (LGM) bagi Semenanjung Malaysia, Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) bagi negeri Sabah dan Jabatan Pertanian Sarawak (JPS) bagi negeri Sarawak.

IPG diperuntukkan kepada pekebun kecil getah warganegara Malaysia yang memiliki Permit Autoriti Transaksi Getah (PAT-G) dengan keluasan kebun tidak melebihi 40.46 hektar (100 ekar) yang menjual getah sama ada dalam bentuk *cuplump*, *unsmoked sheet* atau lateks. Dari September 2015 hingga Disember 2019, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM238,767,088 bagi 399,016,825 kilogram getah yang dihasilkan, merangkumi sebanyak 1,781,447 tuntutan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak

Perincian pembayaran IPG adalah seperti berikut:

NEGERI	BIL. TUNTUTAN	BERAT KERING (KG)	JUMLAH PEMBAYARAN (RM)
Perlis	23,294	10,576,314	5,574,253
Kedah	159,558	49,768,003	25,155,381
Pulau Pinang	457	156,674	84,619
Perak	67,513	17,943,542	8,892,069
Selangor	13,918	1,495,188	791,548
N. Sembilan	151,382	54,362,235	27,950,474
Melaka	39,307	11,078,369	4,842,085
Johor	115,695	29,528,395	14,586,203
Kelantan	326,672	93,737,929	46,826,480
Terengganu	41,078	12,469,212	5,912,518
Pahang	126,775	38,267,421	18,564,085
SEMENANJUNG	1,065,649	319,383,281	159,179,714
Sarawak	8,521	2,566,794	2,051,716
Sabah	707,277	77,066,750	77,535,658
JUMLAH	1,781,447	399,016,825	238,767,088

Sumber: LGM

Jadual 5: Pembayaran Terkumpul IPG Dari September 2015 Hingga Disember 2019

(ii) Pemantauan Pelaksanaan Insentif Pengeluaran Getah

Selaras dengan pelaksanaan IPG, satu Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan IPG (JPPIPG) di peringkat Kementerian telah dibentuk dan satu Jawatankuasa Audit Dalaman Khas IPG (JADKIPG) bagi memastikan pelaksanaan IPG teratur dan mencapai sasaran objektifnya diwujudkan.

(iii) Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Insentif Pengeluaran Getah

JPPIPG ditubuhkan untuk merangka dasar pelaksanaan IPG, memantau dan menilai pelaksanaan IPG dan menyediakan laporan berkala kepada Kerajaan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama (MPI), diurusetia oleh Bahagian GET, MPI dan dianggotai oleh wakil daripada Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah (KPLB), LGM, RISDA, Lembaga Industri Sabah (LIGS) dan Jabatan Pertanian Sarawak (JPS). Mesyuarat JPPIPG telah diadakan sebanyak 2 kali pada tahun 2019.

(iv) Jawatankuasa Audit Dalaman Khas Insentif Pengeluaran Getah


JADKIPG telah ditubuhkan pada tahun 2016 bertujuan untuk menilai sama ada pelaksanaan IPG oleh agensi pelaksana telah diurus dengan teratur, berhemat, mematuhi peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun, jawatankuasa ini telahpun dibubarkan dalam Mesyuarat JPPIPG Bilangan 1 Tahun 2019 pada 19 April 2019 susulan pemerhatian audit yang mendapati pelaksanaan IPG berjalan dengan baik hasil penambahbaikan berterusan oleh agensi pelaksana. Fungsi pengauditan IPG ini diletakkan di bawah Unit Audit Dalam (UAD), LGM sebagai kesinambungan pengauditan dan penambahbaikan pelaksanaan IPG.

KERJASAMA GETAH DI PERINGKAT GLOBAL

1. *International Tripartite Rubber Council (ITRC)*

ITRC merupakan rangka kerjasama tiga-hala dalam sektor getah di antara Thailand, Indonesia dan Malaysia yang dimeterai pada 12 Disember 2001 di bawah Deklarasi Bersama Peringkat Menteri (*Joint Ministerial Declaration*) yang juga dikenali sebagai Deklarasi Bali. Kerangka kerjasama ini bertujuan mengimbangi bekalan dan permintaan serta menyediakan platform bagi ketiga-tiga negara bekerjasama dalam mengukuhkan harga getah asli dan memastikan pulangan remuneratif kepada pengusaha tanaman getah terutamanya pekebun kecil. Kerjasama ini juga susulan daripada tren harga getah asli yang merudum pada sekitar tahun 1995 yang berlanjutan hingga ke tahun 2001.



Rajah 8: Kerangka Kerja ITRC

Sepanjang tahun 2019, ITRC bergerak aktif dalam usaha untuk terus menstabilkan harga getah asli melalui tindakan berikut:

- i. Pelaksanaan *Agreed Tonnage Eksport Scheme* (AETS) ke-6 selama **4 bulan mulai 1 April 2019** bagi menangani harga getah asli yang rendah bermula pada penghujung tahun 2018;

- ii. Memperkukuh kolaborasi penyelidikan dan pembangunan, terutamanya dalam *Rubberised Road* di antara Institut Penyelidikan negara-negara anggota ITRC, yang mana pelaksanaannya akan meningkatkan penggunaan getah asli dan secara tidak langsung akan memberikan impak positif kepada harga getah asli;
- iii. Menubuhkan *ASEAN Rubber Council (ARCo)* sebagai platform kerjasama bagi pembangunan industri NR dengan negara-negara ASEAN lain dan rakan dialog ASEAN; dan
- iv. Mematuhi pelaksanaan ketetapan *Supply Management Scheme* iaitu kawalan keluasan tanaman dan pengeluaran getah oleh negara anggota ITRC.

Pelaksanaan *Agreed Export Tonnage Scheme* di bawah kerangka ITRC

Agreed Export Tonnage Scheme (AETS) merupakan mekanisme jangka pendek bagi membantu ketiga-tiga negara mengawal ketidakseimbangan antara bekalan dengan permintaan terhadap getah asli, sekaligus membantu menstabilkan harga getah asli di pasaran dunia dengan mengawal jumlah kuota eksport yang dipersetujui oleh ketiga-tiga negara ITRC. Pada 2019, TIM bersetuju untuk melaksanakan AETS ke-6 bagi membantu meningkatkan harga getah.

- i. Thailand, Indonesia dan Malaysia telah bersetuju melaksanakan AETS ke-6 selama 4 bulan mulai 1 April 2019. Namun pelaksanaannya adalah secara berperingkat, yang mana Malaysia dan Indonesia memulakan pelaksanaannya pada 1 April 2019 sehingga 31 Julai 2019, manakala Thailand bermula pada 20 Mei 2019 sehingga 19 September 2019. Perbezaan tarikh pelaksanaan adalah mengambil kira pilihanraya umum Thailand pada 24 Mac 2019.
- ii. Secara keseluruhannya, TIM telah berjaya melaksanakan AETS ke-6 dan ketiga-tiga negara telah mematuhi kuota eksport yang telah ditetapkan. Butiran prestasi pelaksanaan adalah seperti berikut:

Negara	TAN METRIK				-/+	Nota	% (-/+)
	Eksport Sebenar 2018	Peruntukan AETS	Kuota Export	Eksport Sebenar 2019			
Thailand Fasa 2: 20 May–19 Sep	1,367,477	126,240	1,241,237	1,102,591	- 138,646	Patuh	- 11.2%
Indonesia Fasa 1: 1 Apr–31 Jul	1,047,317	98,160	949,157	944,984	- 4,173	Patuh	- 0.4%
Malaysia Fasa 1: 1 Apr–31 Jul	380,681	15,600	365,081	344,765	- 20,316	Patuh	- 5.6%
Jumlah TIM	2,795,475	240,000	2,555,475	2,392,340	- 163,135	Patuh	- 6.8%

Sumber: IRCo

Jadual 5: Prestasi pelaksanaan AETS ke-6

ITRC turut mengambil langkah bagi mewujudkan sentimen positif terhadap pasaran dengan mengeluarkan kenyataan-kenyataan media yang memberangsangkan terutamanya pada setiap kali mesyuarat ITRC diadakan. Ini membantu dalam membetulkan persepsi pasaran terutamanya dalam membendung kejatuhan harga getah yang disebabkan oleh aktiviti spekulasi pasaran fizikal dan pasaran hadapan.

Pada 2019, mesyuarat ITRC telah diadakan 4 kali termasuk 2 mesyuarat khas bagi membincangkan mekanisme menstabilkan harga getah asli yang rendah. Senarai mesyuarat adalah seperti berikut:

TARIKH	MESYUARAT/ LAWATAN/ PERSIDANGAN	TEMPAT
21 – 22 Feb 2019	Special ITRC Ministerial Meeting	Bangkok, Thailand
4 – 5 Mac 2019	Special ITRC Meeting	Bangkok, Thailand
17 – 21 Jun 2019	32 nd ITRC Meeting	Krabi, Thailand
2 -5 Dis 2019	33 rd ITRC Meeting	Jakarta, Indonesia

Sumber: NTRC/ITRC

Jadual 6: Mesyuarat ITRC pada 2019

(i) **Mesyuarat Khas Peringkat Menteri ITRC di Bangkok, Thailand pada 21 – 22 Feb 2019;**

Mesyuarat Khas Peringkat Menteri telah dihadiri oleh Menteri-Menteri ITRC iaitu:

- i. H.E. Grisada Boonrach, Menteri Pertanian dan Kooperasi Thailand;
- ii. H.E. Darmin Nasution, Menteri Koordinator Bidang Perekonomian Indonesia; dan
- iii. YB Teresa Kok, Menteri Industri Utama Malaysia.

Delegasi Malaysia terdiri daripada Ketua Setiausaha MPI, YBhg Dato' Dr. Tan Yew Chong, pegawai-pegawai MPI, wakil RISDA dan Lembaga Getah Malaysia. Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan tren kejatuhan harga getah asli sejak penghujung tahun 2018 dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk membantu menaikkan dan menstabilkan harga getah asli. Menerusi mesyuarat tersebut, ketiga-tiga negara ITRC bersetuju untuk melaksanakan *Agreed Export Tonnage Scheme (AETS) ke-6* selama 4 bulan mulai 1 April 2019.



Mesyuarat Khas Peringkat Menteri ITRC di Bangkok, Thailand pada 21 – 22 Feb 2019

(ii) Mesyuarat Khas ITRC di Bangkok, Thailand pada 4 – 5 Mac 2019

Pelaksanaan AETS ke-6 yang telah diputuskan untuk dilaksanakan oleh Menteri-menteri ITRC telah dibincangkan dengan lebih terperinci semasa Mesyuarat Khas ITRC yang melibatkan Pegawai-pegawai Kanan ITRC oleh ketiga-tiga negara dan delegasi Malaysia diketuai oleh YBrs Encik Ravi Muthayah, Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi), MPI.

Antara isu yang diberi perhatian ialah pematuhan dan pemantauan bagi memastikan pelaksanaan AETS yang berkesan dengan menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian AETS yang dianggotai oleh pasukan teknikal daripada ketiga-tiga negara.



Mesyuarat Khas ITRC di Bangkok, Thailand pada 4 – 5 Mac 2019

(iii) Mesyuarat ITRC ke 32 di Krabi, Thailand pada 27 – 28 Jun 2019

Mesyuarat ini merupakan mesyuarat berkala ITRC yang disertai oleh Pegawai-pegawai Kanan ITRC dan delegasi Malaysia diketuai oleh YBrs Encik Toisin Gantor, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) MPI.

Pada mesyuarat ke 32 ini, antara perkara utama yang dibincangkan ialah status terkini pelaksanaan AETS oleh Indonesia dan Malaysia. Turut dibincangkan ialah Terma Rujukan Penubuhan *ASEAN Rubber Council (ARCo)* dan pengantungan *The Expert Group on the Establishment of Regional Rubber Market (EGERRM)*.



Mesyuarat ITRC ke 32 di Krabi, Thailand pada 27 – 28 Jun 2019

(iv) Mesyuarat ITRC ke 33 di Jakarta, Indonesia pada 2 -5 Dis 2019

Mesyuarat ini juga merupakan mesyuarat berkala ITRC dan delegasi Malaysia diketuai oleh YBrS Encik Ravi Muthayah, Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi), MPI.

Perbincangan kali ini lebih tertumpu hasil pelaksanaan AETS oleh Thailand, Indonesia dan Malaysia serta cadangan penambahbaikan oleh Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian AETS. Turut dibincangkan ialah strategi untuk menggerakkan ARCo dengan menjadikannya Agenda di dalam *ASEAN Ministers on Agriculture and Forestry (AMAF)* dan penubuhan *Committee on Sustainability of NR (CSNR)*.



Mesyuarat ITRC ke 33 di Jakarta, Indonesia pada 2 -5 Dis 2019

2. Association of Natural Rubber Producing Countries (ANRPC)

ANRPC merupakan pertubuhan yang dianggotai oleh Kerajaan daripada 13 buah negara pengeluar getah asli dunia iaitu China, India, Indonesia, Filipina, Kemboja, Malaysia, Papua New Guinea, Singapura, Sri Lanka, Thailand, Vietnam, Bangladesh dan Myanmar. Objektif utama ANRPC adalah untuk menyelaraskan pengeluaran dan pemasaran getah asli, termasuk menggalakkan kerjasama teknikal serta membantu negara-negara ahli dalam usaha mendapatkan harga getah asli yang lebih menarik dan stabil di pasaran dunia.

Pengeluaran getah asli oleh negara-negara pengeluar getah asli yang berdaftar dengan ANRPC menunjukkan pengurangan sebanyak 0.4% kepada 11.91 juta tan pada tahun 2019 berbanding 12.21 juta tan pada tahun 2018. Thailand, Indonesia dan Vietnam kekal sebagai negara pengeluar utama berbanding Malaysia yang kini merupakan negara ke-6 terbesar sebagai pengeluar getah asli.

Negara	Tahun				
	2015	2016	2017	2018	2019
Thailand	4,473	4,347	4,429	4,973	4,852
Indonesia	3,145	3,358	3,680	3,630	3,301
Vietnam	1,013	1,035	1,095	1,142	1,185
China	794	774	798	818	812
India	575	624	713	660	702
Malaysia	722	674	740	603	639
Kemboja	127	145	193	220	287
Filipina	100	91	102	105	107
Sri Lanka	89	79	83	82	74
Jumlah- ANRPC	11,038	11,127	11,833	12,233	11,959
Lain-lain Negara	1,216	1,360	1,536	1,594	1,863
Jumlah - Dunia	12,254	12,487	13,369	13,827	13,822
<i>Peningkatan (%)</i>	<i>1.0</i>	<i>1.9</i>	<i>7.1</i>	<i>3.4</i>	<i>0.0</i>

Sumber: ANRPC

Jadual 7: Pengeluaran getah asli negara-negara ANRPC 2015 - 2019
(‘000 tan)

Pada tahun 2019, permintaan getah asli dunia berkurang sebanyak 0.9% kepada 13.76 juta tan berbanding 13.89 juta tan pada tahun 2018. China kekal sebagai negara yang memerlukan bekalan getah asli hasil perkembangan sektor industri dan perdagangan di China.

Negara	Tahun				
	2015	2016	2017	2018	2019
India	993	1,033	1,082	1,220	1,144
Thailand	601	650	653	627	774
Indonesia	541	601	618	625	640
Malaysia	487	506	518	541	528
Vietnam	176	194	214	225	230
Sri Lanka	127	142	128	135	112
Filipina	30	32	35	40	36
Jumlah ANRPC	7,735	8,169	8,634	9,083	9,013
Jumlah Bukan-ANRPC	4,521	4,566	4,698	4,812	4,751
Jumlah - Dunia	12,256	12,735	13,332	13,895	13,764
<i>Peningkatan (%)</i>	<i>0.2</i>	<i>3.9</i>	<i>4.7</i>	<i>4.2</i>	<i>-0.9</i>

Sumber: ANRPC

Jadual 8: Permintaan getah dunia daripada negara-negara ANRPC ('000 tan)

Secara umumnya, Malaysia diwakili oleh MPI dan LGM di dalam beberapa siri bengkel, seminar dan mesyuarat yang telah diadakan sepanjang tahun 2019 oleh ANRPC.

Bil	Program	Tarikh / Tempat
1	<i>6th Meeting of Expert Group on Natural Rubber (NR) Price Stabilization</i>	6 - 8 Mac 2019 Bangkok, Thailand
2	<i>Seminar Rubberised Road 2019</i>	26 - 28 Ogos 2019 Kuala Lumpur
3	Perhimpunan Tahunan ANRPC Ke-42 dan Mesyuarat-Mesyuarat Peringkat Jawatankuasa ANRPC	7 - 12 Oktober 2019 Jogjakarta, Indonesia

Sumber: ANRPC

Jadual 9: Program ANRPC Tahun 2019

AKTIVITI-AKTIVITI PENGLIBATAN BAHAGIAN GET SEPANJANG TAHUN 2019

1. Misi Ekonomi dan Pelaburan Sawit dan Getah di India

YB Menteri Industri Utama telah mengetuai Misi Ekonomi dan Pelaburan Sawit dan Getah di India daripada 29 Julai hingga 2 Ogos 2019. Misi ini disertai oleh Pegawai-pegawai Kementerian, Agensi dan Majlis yang berkenaan. Antara program yang terlibat ialah seperti berikut:

- i. Penganjuran *Malaysia – India Palm Oil Trade Fair and Seminar (POTS) 2019* oleh Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di Mumbai, India;
- ii. Pertemuan dua hala bersama Menteri Perdagangan India;
- iii. Wawancara oleh beberapa saluran televisyen dan radio India seperti BTVi, Zee Business dan CNBC India;
- iv. Perjumpaan dengan lebih kurang 70 diaspora Malaysia di Malaysia termasuk pelajar-pelajar Malaysia di India serta ahli dewan perniagaan; dan
- v. Penganjuran International Gloves Seminar.



Menteri Industri Utama merasmikan *Educational Seminar to Increase Awareness on Infection Control* di Shangri-la's Eros Hotel, New Delhi pada 2 Ogos 2019

2. Global Rubber Conference 2019

Satu persidangan *Global Rubber Conference (GRC) 2019* telah diadakan di Hainan, China pada 12 hingga 14 Disember 2019. GRC 2019 yang bertemakan '*Natural Rubber 2.0 – The Game Changer*' adalah platform untuk wakil-wakil dari semua negara terlibat membincangkan isu-isu berkaitan faktor penentuan pasaran dan strategi pembangunan dalam industri serta produk getah di peringkat antarabangsa.

Seramai tiga orang wakil GET telah hadir ke persidangan ini bagi mendapatkan maklumat terkini berkaitan isu-isu getah semasa. Antara isu yang dibincangkan adalah:


- i. *Global Rubber Outlook: Demand, Supply and Price Forecast for 2019-2020;*
- ii. *Rubber Under The Belt and Road Initiative;*
- iii. *Agriculture 4.0: The Future of Crop Science and Agronomy;*
- iv. *The Industry 4.0: Boon or Bane for Rubber Industries; and*
- v. *The Emerging 100 Technologies to Define The Next-Gen Rubbers.*



Wakil MPIC (3 orang pegawai wanita) bersama peserta *Global Rubber Conference 2019*

3. MRB Business and Technical Mission to Shanghai, China

Misi perniagaan dan teknikal ke Shanghai, China ini telah diadakan pada 16 hingga 21 September 2019 yang dianjurkan oleh *Malaysian Rubber Exchange* (MRE), LGM. Objektif misi ini adalah untuk menerokai pasaran getah di China dengan lebih meluas lagi. Selain itu, misi ini adalah medan untuk berbincang dan menyelesaikan isu-isu perdagangan getah semasa yang wujud di antara syarikat pemproses/pengeksporth getah Malaysia dengan pembeli-pembeli China. Seorang wakil GET telah turut serta di dalam misi ini bagi memahami isu-isu berkaitan perdagangan antara Malaysia dan China.



4. Lawatan Projek Berimpak Tinggi (HIP) Tanam Baru Getah Sarawak

Satu sesi lawatan ke projek tanam baru di bawah Projek Berimpak Tinggi (HIP) di Sarawak telah diadakan pada 23 – 24 Oktober 2019. Lawatan tersebut diketuai oleh YBr. Encik Ravi Muthayah, Timbalan Ketua Setiausaha MPI dengan disertai pegawai Bahagian GET dan PPK. Tujuan lawatan ini diadakan adalah bagi membuat pemantauan dan mengenal pasti isu pelaksanaan projek pembangunan HIP tersebut.

Semenjak tahun 2017, MPI menyelaras pembangunan dan pelaksanaan HIP Tanam Baru di Sarawak. Projek HIP Tanam Baru tersebut terus dilaksanakan pada tahun 2019 dengan peruntukan berjumlah RM42,445,221 seperti berikut:

- i. Tanam Baru Getah Secara Berkelompok (Sarawak) - Projek Sambungan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10) dengan jumlah peruntukan RM12,032,489; dan
- ii. Tanam Baru Getah Secara Berkelompok (Sarawak) - Projek Baru Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) dengan jumlah peruntukan RM30,412,732.

Pada tahun 2019, seluas 27,600.73 hektar kawasan tanaman getah telah dibangunkan (projek tanam baru dan penyelenggaraan) di bawah program ini oleh JPS Sarawak.



Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi), YBr. Encik Ravi Muthayah melawat Projek Berimpak Tinggi (HIP) Tanam Baru Getah Sarawak



5. Lawatan Projek Tanam Baru Dan Tanam Semula Di Bawah HIP Getah, Sabah

Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) mula melaksanakan projek tanam baru dan tanam semula getah di bawah NKEA/HIP Getah sejak tahun 2012 sehingga 2019 yang melibatkan kawasan seluas 39,963 hektar. Satu sesi lawatan ke projek tanam baru dan tanam semula di bawah HIP Sabah telah diadakan pada 11 -13 November 2019. Sesi lawatan tersebut telah diketuai oleh Setiausaha Bahagian GET, Encik Wan Ahmad Asmady Wan Md Din dan disertai pegawai daripada Bahagian GET dan Bahagian PPK, MPI. Tujuan lawatan ini diadakan bagi membuat pemantauan dan mengenal pasti isu pelaksanaan projek pembangunan HIP tersebut.



Lawatan Projek Tanam Baru Dan Tanam Semula Di Bawah HIP Getah, Sabah

6. **Bengkel *Focus Group* Sektor Getah Bagi Penyediaan Kertas Strategi Rancangan Malaysia Ke-12**

Bengkel *Focus Group* Sektor Getah Bagi Penyediaan Kertas Strategi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) telah diadakan pada 20 dan 21 Ogos 2019 di Hotel Pulse Grande, Putrajaya. Objektif bengkel ini diadakan adalah bagi mendapatkan input, pandangan dan cadangan bagi membantu Kementerian menggubal strategi di bawah RMKe-12 bertemakan *Delivering Economic And Social Prosperity Through Agri-Commodity*.



Ketua Setiausaha MPI bersama Timbalan Ketua Setiausaha bergambar bersama peserta Bengkel *Focus Group* Sektor Getah Bagi Penyediaan Kertas Strategi Rancangan Malaysia Ke-12

KOMODITI KAYU, KENAF DAN TEMBAKAU

INDUSTRI PERKAYUAN MALAYSIA

Pembangunan industri perkayuan Malaysia dilaksana berpandukan kepada Dasar Industri Perkayuan Negara (*National Timber Industry Policy-NATIP*) yang menggariskan perancangan bersepadu pembangunan industri perkayuan negara bagi tempoh 2009-2020. NATIP mensasarkan peralihan struktur dari satu industri yang tertumpu kepada pengeluaran produk huluhan kepada perusahaan yang menitik beratkan pengeluaran produk hiliran bernilai tambah pada nisbah 60%:40%.



Nilai eksport produk kayu-kayan Malaysia pada tahun 2019 berjumlah RM22.5 bilion mencatatkan peningkatan sebanyak 1.04% berbanding RM22.26 bilion bagi tempoh yang sama pada tahun 2018. Kebanyakan produk kayu-kayan telah mencatatkan penurunan dari segi nilai eksport, kecuali produk seperti papan gentian, kayu kumai, kayu serpai dan lain-lain produk mencatatkan sedikit kenaikan. Tiga jenis produk utama yang menyumbang kepada nilai eksport ialah perabot kayu, papan lapis dan kayu bergergaji dengan nilai eksport masing-masing berjumlah RM9.14 bilion, RM3.40 bilion dan RM3.37 bilion.


Pertumbuhan nilai eksport terbesar direkodkan adalah lain-lain kayu iaitu sebanyak 61.5% kepada RM2.30 bilion, diikuti oleh produk kayu kumai sebanyak 7.4% kepada RM1.03 bilion dan produk *frame* kayu sebanyak 14.1% kepada RM 127.0 juta. Tiga (3) destinasi utama pengeksportan kayu dan produk kayu Malaysia ialah Amerika

Syarikat (USA), Jepun dan China dengan nilai masing-masing sebanyak RM4.96 bilion, RM3.46 bilion dan RM1.83 bilion.

Jadual 1: Perbandingan Prestasi Nilai Eksport Produk Kayu bagi Tahun 2018 dan 2019

Jenis Produk	2018 (RM juta)	2019 (RM juta)	Jumlah Perbezaan (RM juta)	Perubahan (%)
Kayu Balak	923.88	759.56	-164.32	-17.8
Kayu Gergaji	3,651.61	3,373.79	-277.82	-7.6
Papan Lapis	4,566.15	3,403.63	-1162.52	-25.5
Venir	304.58	171.79	-132.79	-43.6
Kayu Kumai	874.01	872.28	-1.73	-0.2
Kayu Serpai	482.45	367.23	-115.22	-23.9
Papan Gentian	1,185.28	1,059.89	-125.39	-10.6
Kayu Tanggam	1,058.48	1,036.73	-21.75	-2.1
Bingkai Kayu	123.76	127.07	3.31	2.7
Perabot Kayu & Rotan	7,789.28	9,144.22	1,354.94	14.81
Lain-lain Produk	1,304.03	2,179.15	875.12	67.1
Jumlah Eksport	22,263.51	22,495.34	231.83	1.04

Sumber : MTIB



Sumbangan Industri Primer Berbanding Industri Bernilai Tambah

Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP) menasarkankan peningkatan nilai eksport produk kayu bernilai tambah kepada 60% daripada nilai eksport, berbanding 40% produk primer. Nilai eksport produk perkayuan 2019 mencatatkan Malaysia telah mengeksport 55% produk bernilai tambah berbanding primer 45%. Kedudukan industri bernilai tambah di Sabah dan Sarawak masih berada di tahap yang rendah kerana aktiviti pengeksportan produk primer seperti pengeksportan kayu balak dan papan lapis masih merupakan aktiviti utama.

Jadual 2: Perbandingan Eksport Produk Primer dan Nilai Tambah Malaysia 2019 (RM juta)

Tahun 2019	Semenanjung	Sabah	Sarawak	Malaysia	% Eksport
Produk Primer	4,713.66	1,034.62	4,248.88	9,997.18	45%
Produk Nilai Tambah	12,322.01	65.67	110.48	12,498.16	55%
Jumlah	17,035.67	1,100.29	4,359.36	22,495.34	100%

Sumber: MTIB

PROGRAM-PROGRAM PENGGALAKAN PERDAGANGAN INDUSTRI KAYU - KAYAN

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) selaku peneraju industri kayu-kayan meneruskan usaha menjalankan program-program dan aktiviti-aktiviti galakan perdagangan untuk memastikan kemajuan industri kayu-kayan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Program-program yang dilaksanakan melalui penyertaan pameran, ekspo perdagangan, seminar serta penyertaan pertandingan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Pada tahun 2019, MTIB telah menyertai sebanyak 26 pameran, karnival jualan dan ekspo perdagangan yang dianjurkan oleh pelbagai pihak. Aktiviti ini bertujuan untuk membantu usahawan produk perkayuan untuk mempamerkan dan mewujudkan peluang perniagaan yang seterusnya meningkatkan hasil jualan produk keluaran usahawan terlibat. Seramai 235 orang usahawan produk perkayuan telah terlibat dalam aktiviti tersebut dengan mempamerkan pelbagai produk perkayuan seperti perabot rumah, perabot kabinet dapur, produk panel, produk bio-komposit, produk hutan bukan kayu seperti produk berasaskan buluh, gaharu, produk ukiran serta produk kraf tangan.



Pameran Produk-Produk Kayu

PEMBANGUNAN INDUSTRI BULUH MALAYSIA

MTIB juga telah menjalankan beberapa aktiviti berkaitan buluh pada 2019 seperti pengajuran seminar dan penglibatan dalam Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA), pameran produk berasaskan buluh, Sambutan Hari Buluh Sedunia, program buluh bersama komuniti setempat dan kolaborasi kajian R&D bersama agensi kerajaan dan IPTA. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan ini adalah bertepatan dengan hasrat MPI untuk mengetengahkan buluh

sebagai sumber bahan mentah alternatif selain kayu dengan mempromosikan kepelbagaian kegunaan buluh dan produk buluh, selari dengan Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh Malaysia.

Antara aktiviti-aktiviti berkaitan buluh yang telah dilaksanakan dalam tahun 2019 adalah:

1) Ekspo dan Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarangsa (PECIPTA'19)

PECIPTA merupakan program anjuran Kementerian Pengajian Tinggi yang dihoskan oleh Universiti Tun Onn Malaysia (UTHM). Program ini telah diadakan pada 22-23 September 2019 yang bertujuan untuk mempamerkan ciptaan dan produk serta perkhidmatan inovatif dari Institusi Pengajian Tinggi tempatan dan Antarabangsa serta dari Agensi Kerajaan mahupun Institut Penyelidikan. MTIB telah menyertai pameran ini dengan mempamerkan produk-produk berasaskan buluh selain turut berkongsi dapatan awal bagi kajian kerjasama antara MTIB dan UTHM dalam pengekstrakan gentian buluh. Selain itu, MTIB turut menganjurkan Seminar Inovasi Buluh dalam Teknologi Tekstil bersempena penganjuran PECIPTA 2019.



Pameran produk buluh dan inovasi gentian di PECIPTA 2019

2) Pameran Produk Berasaskan Buluh di Bangunan Utama Parlimen

Pameran ini telah diadakan pada 8-9 Oktober 2019 dan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada umum mengenai potensi buluh yang versatil dan mesra alam selain dilihat sebagai pendapatan sumber ekonomi baharu yang boleh diterokai. Pameran ini telah berjaya menarik perhatian Ahli-Ahli Parlimen dan kakitangan Parlimen dalam mendekati potensi kegunaan buluh dan kepelbagaian penghasilan produk buluh bernilai tambah tinggi.



Penerangan terhadap proses penghasilan papan komposit buluh dan pengekstrakan gentian buluh

3) Sambutan Hari Buluh Sedunia (WBD 2019)

Sambutan Hari Buluh Sedunia telah diadakan pada 11-12 Oktober 2019 di Ipoh, Perak. Majlis perasmian telah disempurnakan pada 12 Oktober 2019 oleh YB Puan Teresa Kok, Menteri Industri Utama dan turut dihadiri oleh YAB Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu, Menteri Besar Perak. Pelbagai aktiviti telah dijalankan bersempena sambutan ini seperti Pertandingan Rekacipta Produk Kincir Air Buluh, Pertandingan Penulisan Esei, Demonstrasi Pembuatan Minyak Wangi Buluh, Program Penanaman Buluh dan sebagainya.



Perasmian Hari Buluh Sedunia 2019



Aktiviti Penanaman Buluh

4) Program Buluh bersama Komuniti Setempat

Program ini telah diadakan pada 16 November 2019 bertempat di Behrang, Perak yang bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada komuniti setempat berkenaan peranan MTIB dalam membantu industri buluh di Malaysia serta program-program yang telah dan sedang dijalankan oleh MTIB. Program ini turut dihadiri oleh YB Aminuddin bin Zulkifli, Ahli Dewan Undangan Negeri Behrang. Antara output yang telah dicapai oleh komuniti adalah cadangan penubuhan ladang buluh melalui permohonan pinjaman Program Pembangunan Ladang Buluh serta cadangan pembangunan dapur pembuatan arang buluh.



Program Promosi Produk Berasaskan Buluh



Sebahagian dari peserta Sambutan Hari Buluh Sedunia 2019



Sesi pembentangan dan pameran buluh dan produk buluh

Selain dari program-program yang dinyatakan di atas, terdapat juga aktiviti penyelidikan yang sedang dan akan dijalankan secara kolaborasi bersama agensi kerajaan dan IPTA iaitu:

- a) Kajian awal sifat-sifat kimia dan fizikal buluh Malaysia untuk pengekstrakan gantian;
- b) Pembangunan rekabentuk dan penghasilan sampel produk perabot dan cenderamata premium menggunakan buluh tempatan; dan
- c) Kajian *Bonding Shear Strength of laminated bamboo bonded with phenolic resin.*

PEMBANGUNAN MODAL INSAN INDUSTRI PERKAYUAN

Bagi memperkasa pembangunan modal insan dalam industri perkayuan, MTIB melalui Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu (WISDEC) telah melaksanakan pelbagai program latihan kepada pihak industri. Lebih daripada 1000 orang peserta telah terlibat dalam program latihan yang dilaksanakan oleh MTIB. Bagi program latihan belia, WISDEC telah melaksanakan program latihan kepada belia-belia tempatan dan graduan institusi pengajian tinggi (IPT) yang mana lebih daripada 50 orang belia telah mendapat manfaat dari program latihan MTIB dan mendapat pekerjaan. Di samping itu, WISDEC telah mengadakan bekerjasama dengan Bahagian Pendidikan Teknik

dan Vokasional (BPTV) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam pelaksanaan program latihan kemahiran Kolej Vokasional (KV). Seramai 15 orang pelajar telah terlibat dalam program Teknologi Pemprosesan Perabot (Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3). Selain daripada program-program dan aktiviti latihan, WISDEC juga telah melaksanakan beberapa program seperti program latihan antarabangsa, rekabentuk dan pembangunan produk, pertandingan kemahiran (WorldSkills Malaysia Belia, ASEAN Skills Competition dan World Skills Competition), inkubator dan lain-lain lagi. Semua program berkenaan yang dilaksanakan oleh MTIB bertujuan untuk melahirkan lebih ramai lagi tenaga kerja mahir untuk sektor industri per kayu.

PEMBANGUNAN PRODUK BIOKOMPOSIT

1) Program 'Technology Acquisition And Familiarisation for Palmwood Plywood'

Palmholz Co. Ltd. sebuah syarikat pengeluar produk kayu di Jepun dan inventor untuk teknologi tekanan panas (*compress*). Palmholz Co. Ltd telah melawat FIDEC dan dua kilang pengeluar papan lapis batang kelapa sawit (OPT) pada 28-30 Ogos 2018 untuk memperkenalkan teknologi terkini mereka bagi menghasilkan papan lapis OPT yang berkualiti tinggi.

Lawatan teknikal ke Jepun bersama pengusahaan papan lapis OPT iaitu Profina Plywood Sdn. Bhd. dan Alaf Hijau Sdn. Bhd. Telah diadakan pada 21-28 Julai 2019. Tujuan lawatan adalah untuk:

- (i) Menjalankan survei dan pengumpulan maklumat mengenai penggunaan teknologi dan mesin yang terlibat dalam pemprosesan papan lapis OPT untuk penghasilan produk kayu yang digunakan dalam industri perabot dan pembinaan kepada pegawai MTIB dan pengusaha OPT tempatan.
- (ii) Meningkatkan pengetahuan mengenai teknologi terbaru Jepun bagi pemprosesan OPT terutamanya dalam proses tekanan panas dan *chemical modification* dan seterusnya dapat diaplikasi dalam industri kayu-kayan Malaysia.
- (iii) Mengembangkan lagi ilmu pengetahuan berkaitan aspek teknikal dan pengeluaran dengan mengaplikasikan teknologi terkini yang bersesuaian dengan pegilang produk kayu Malaysia.
- (iv) Mendapat idea dan memberi cadangan bagi melaksanakan projek pembangunan produk OPT di peringkat nasional dengan meninjau potensi produk yang boleh dihasilkan dari papan lapis OPT seperti *flooring, outdoor furniture, panel dinding*, pintu dan sebagainya.
- (v) Membuat perbincangan bersama Palmholz Co.Ltd.

mengenai pemindahan teknologi dan pelaksanaan projek ini di Malaysia pada tahun 2020-2021 dimana telah disasarkan dalam Mesyuarat Kebangsaan Pembangunan OPT.

Melalui lawatan ini, pegawai MTIB dan pengusaha papan lapis tempatan dapat mempelajari teknologi terbaru Jepun yang dihasilkan oleh Palmholz Co. Ltd. bagi pemprosesan OPT kepada papan lapis menggunakan proses tekanan panas yang berteknologi tinggi dan *chemical modification*. Seterusnya teknologi ini dapat diaplikasi dalam industri pembinaan. Papan lapis OPT yang dihasilkan adalah berkualiti tinggi dari segi kekuatan dan fizikal disebabkan penggunaan tekanan dan suhu yang tinggi. Papan lapis ini juga tidak memerlukan penggunaan resin dimana struktur OPT veneer telah berubah semasa tekanan dan suhu yang tinggi dikenakan.



Bangku dibuat dari OPT plywood yang menggunakan teknologi compression



Jambatan menggunakan papan lapis OPT di Taman Hotel Gero



Panel papan lapis OPT dengan Sugi veneer sebagai bahan binaan yang diaplikasikan dalam projek pembinaan hotel.



Bingkai tingkap yang dibuat dari OPT plywood dengan Sugi veneer sebagai permukaan terletak di Hotel Gero.

Hasil lawatan tersebut, Syarikat Palmholz Co. Ltd. bersedia untuk membuat pemindahan teknologi/*knowhow* ke Malaysia dengan kos yang telah ditetapkan dan akan mendapatkan pelabur dari Malaysia untuk pengeluaran produk papan lapis OPT yang bergred tinggi untuk sektor pembinaan.

Palmholz Co. Ltd. Juga telah menyertai Malaysian Wood Expo pada 19-21 November 2019 dengan kerjasama syarikat Alaf Hijau Sdn. Bhd dan FIDEC, MTIB. YB Menteri MPI telah melawat booth Alaf Hijau Sdn. Bhd. dan melihat produk-produk papan lapis OPT yang berkualiti tinggi hasil dari teknologi ini.



Lawatan YB Menteri ke tapak pameran Alaf Hijau Sdn. Bhd. Yang mempamerkan produk papan lapis OPT menggunakan teknologi baru (*Compression*)

2) **Projek "Development Of Innovative Product – Metal-Reinforce Wood Plastic Composite (WPC) Through Co-Extruder Process For Load Bearing Application"**

Projek ini dilaksanakan pada tahun 2019 dengan kerjasama pihak industri untuk menggunakan bahan mentah alternatif kayu untuk penghasilan produk bertambah nilai dibawah Program Peningkatan Penggunaan Bahan Mentah Alternatif Kayu dalam Penghasilan Produk Kayu dan Biokomposit yang Bernilai Tambah Tinggi RMK-11, skop

kajian peningkatan kualiti, kapasiti pengeluaran & recovery rate bagi produk kayu & biokomposit.

Projek ini dijalankan dengan kerjasama Syarikat **Perceptive Profile Sdn. Bhd.** yang merupakan salah satu pengeluar WPC utama di Malaysia. Kajian telah dijalankan selama 2 tahun dalam pemprosesan produk inovatif metal-reinforce WPC dan *pilot trial* untuk menghasilkan produk inovatif ini untuk pengkomesilan produk. FIDEC bersama Syarikat Perceptive Profile Sdn. Bhd. telah menjalankan kerja R&D dan *pilot trial* berhubung dengan kaedah, bahan mentah, additive

dan formulasi yang sesuai untuk penghasilan produk metal reinforce WPC dengan menggunakan teknik co-extrusion (*own design*).

FIDEC dan Perceptive Profile Sdn. Bhd. telah menfokuskan pembangunan formulasi untuk metal-reinforce WPC bagi skop seperti berikut:-

- a. Kajian kesesuaian fomulasi/campuran bahan polimer dan fiber dengan besi dan menentukan formula yang sesuai untuk kegunaan yang lebih spesifik seperti column bangunan.
- b. Menjalankan pengujian fizikal dan mekanikal di makmal pengujian dan dalam *industrial production line*.
- c. Membuat modifikasi formula bagi memenuhi piawaan dan permintaan dari industri yang berlainan.

- d. Memasarkan produk dengan kerjasama MTIB setelah berjaya melaksanakan *pilot tial* di industri.

Projek pembangunan Produk ini dapat memberi impak positif kepada industri WPC dengan meluaskan penggunaan WPC dalam sektor pembinaan melibatkan kekuatan *load bearing* seperti tiang rumah, tiang pondok, *structural frame*.

Pengusaha WPC juga dapat meningkatkan pengeluaran produk WPC yang bernilai tambah dengan menggunakan bahan mentah alternatif kayu yang terdapat di Malaysia. Ini akan menambahkan pendapatan negara melalui pemasaran produk WPC yang bernilai tambah dari bahan mentah alternatif sebagai bahan mentah mesra alam dan bersifat hijau.

Projek-projek pembinaan yang menggunakan metal reinforce WPC adalah seperti berikut.



PROGRAM PEMBANGUNAN LADANG HUTAN

Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) telah bermula pada tahun 2005. Antara objektif penubuhannya adalah bagi memastikan bekalan bahan mentah berasaskan kayu mencukupi bagi kegunaan industri hiliran negara. PPLH diterajui oleh MPI dan dilaksanakan melalui Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dan anak syarikat milik MTIB iaitu Forest Plantation Development Sdn. Bhd. (FPDSB).



Ladang PPLH - Timber Latex Clone Di Sabah, Kelantan dan Rawang

Prestasi Pencapaian

Sehingga 31 Disember 2019 sebanyak **77** perjanjian pinjaman PPLH yang terdiri daripada **65** buah syarikat dan agensi kerajaan telah diluluskan oleh MPI dengan keseluruhan kawasan ladang hutan seluas **124,766.81 hektar** daripada jumlah keseluruhan seluas **130,000 hektar**. Gambar rajah di bawah menunjukkan pecahan kawasan pembangunan ladang hutan di Malaysia.



International Rubber Consortium (IRC)
-Secretariat-

IRCo Board of Directors

Skala PPLH

Pembangunan Ladang Hutan dikategorikan kepada tiga (3) skala seperti berikut:

Bil.	Jenis Skala	Keluasan (ha)
1.	Kecil	4 hingga 40
2.	Sederhana	41 hingga 2,499
3.	Besar	2500 ke atas

Sumber: MTIB dan FPDSB

Isu dan Cabaran PPLH

1. Kekangan Peruntukan PPLH

Pada 2 Mac 2005, Jemaah Menteri telah memutuskan MPIC melaksanakan PPLH dengan peruntukan dasar berjumlah RM1.045 bilion dengan sasaran keluasan berjumlah 375,000 hektar. Walau bagaimanapun, berdasarkan kadar nilai pinjaman baru pada tahun 2010, hanya 130,000 hektar ladang hutan sahaja yang dapat dibangunkan.

2. Pembangunan Berterusan PPLH Sebagai Sumber Bahan Mentah Industri Hiliran Kayu Negara

Dijangkakan sebanyak 22 juta m³ kayu dapat dihasilkan di bawah PPLH. Dana berjumlah RM1.045 bilion di bawah PPLH dicadangkan untuk dijadikan *Revolving Fund* supaya pembangunan ladang hutan dapat dilaksanakan secara berterusan di masa akan datang.

3. Pemantauan Pelaksanaan PPLH

Pemantauan PPLH telah diperkemas melalui penggunaan teknologi terkini iaitu *satellite image* dan *drone*. Kerjasama dengan pihak Agensi *Remote Sensing Malaysia* (ARSM) merupakan salah satu inisiatif bagi strategi pemantauan yang lebih efisien.

4. Pematuhan Dasar

Pembangunan ladang hutan perlu mematuhi semua dasar sedia ada termasuk dasar berkaitan ekologi dan biodiversiti perhutanan. Oleh yang demikian,

pendekatan yang bersesuaian perlu dilaksanakan bagi membolehkan aktiviti pembangunan berjalan dengan lancar tanpa mengesampingkan ekosistem dan biodiversiti di kawasan berkenaan.

PERSIDANGAN DAN MESYUARAT ANTARABANGSA

1) SESI KE-55 INTERNATIONAL TROPICAL TIMBER COUNCIL (ITTC) AND ASSOCIATED SESSIONS OF COMMITTEES

Malaysia menyertai *International Tropical Timber Organization* (ITTO) sejak ia ditubuhkan pada tahun 1983. ITTO ditadbir oleh *International Tropical Timber Council* (ITTC) yang dianggotai oleh 73 buah negara pengeluar dan pengguna kayu tropika di dunia di bawah *International Tropical Timber Agreement 2006*. Peranan Malaysia dalam ITTO adalah untuk menjaga kepentingan negara dalam:

- (i) polisi berkaitan pengurusan hutan secara mampan dan konservasi alam sekitar dalam meningkatkan perdagangan kayu tropika;
- (ii) mendapatkan maklumat mengenai pasaran antarabangsa dan perkongsian maklumat dan kerjasama yang telus dalam kalangan negara-negara ahli ITTO dalam menangani isu-isu berkaitan perhutanan dan industri kayu;
- (iii) merancang strategi meningkatkan eksport kayu dan produk kayu tropika dari sumber yang diurus secara mampan; dan
- (iv) rundingan, kerjasama antarabangsa dan pembangunan polisi berkaitan perhutanan dan industri kayu.

Pada tahun 2019, Malaysia telah menghadiri Sesi Ke-55 ITTC pada 2 hingga 7 Disember 2019 di Lomé, Togo. Dalam sesi ini, ITTC antara lain telah membincangkan dan bersetuju dengan cadangan pelanjutan tempoh *ITTO Biennial Work Programme 2018-2019* sehingga tahun 2020, selaras dengan pengemaskinian Pelan Strategik ITTO yang juga akan dilanjutnya sehingga tahun 2020. Mesyuarat juga membincangkan perkara berkaitan *Progress Report on the Implementation of the ITTO Thematic Programmes* dan laporan pengukuhan pengurusan kewangan ITTO serta pemilihan calon jawatan Pengarah Eksekutif ITTO. Selain itu, Malaysia turut memberi pandangan berkaitan pembangunan sektor kayu-kayan tropika, pengurusan hutan tropika semula jadi secara mampan serta perdagangan kayu-kayan tropika.



Delegasi Malaysia ke Sesi Ke-55 ITTC di Lome, Togo pada 2 hingga 7 Disember 2019

2) MESYUARAT KE-15 DAN KE-16 ASIA-PACIFIC ECONOMIC COOPERATION (APEC) EXPERTS GROUP ON ILLEGAL LOGGING AND ASSOCIATED TRADE (EGILAT)

EGILAT telah ditubuhkan pada tahun 2011 sebagai platform bagi negara anggota untuk mengukuhkan dasar dalam memerangi pembalakan dan perdagangan kayu-kayan serta produk-produk kayu-kayan haram. Selain itu, EGILAT juga menyediakan platform kepada negara anggota untuk berkongsi maklumat dan amalan terbaik dalam membangun dan melaksanakan sistem jaminan kesahan (*legality assurance system*) dalam usaha memastikan supaya produk kayu-kayan adalah daripada sumber yang sah.

Pada tahun 2019, APEC EGILAT telah menganjurkan dua siri mesyuarat iaitu Mesyuarat Ke-15 APEC EGILAT pada 26-27 Februari 2019 di Santiago, Chile dan Mesyuarat Ke-16 APEC EGILAT pada 16 dan 17 Ogos 2018 di Puerto Varas, Chile.

Bersempena dengan Mesyuarat Ke-15 APEC EGILAT, *Workshop to Share Experience, Knowledge and Challenges on Implementation of Tools for Combatting and Preventing Illegal Logging Activities and Associated Trade* telah dianjurkan oleh EGILAT pada 23 dan 24 Februari 2019. Malaysia turut mengambil bahagian dalam bengkel tersebut dengan membentangkan pelaksanaan *Forest Monitoring Using Remote Sensing* sebagai salah satu langkah pemantauan dalam pengurusan hutan di Semenanjung Malaysia. Antara perkara yang dibincangkan dan

dipersetujui semasa Mesyuarat Ke-15 APEC EGILAT termasuklah Pelan Strategik EGILAT 2018-2022, pembentangan mengenai inisiatif memerangi pembalakan haram dan penggalakan perdagangan kayu-kayuan yang sah serta pembangunan EGILAT *Timber Legality Guidance Template* oleh negara anggota. Malaysia telah membentangkan EGILAT *Timber Legality Guidance Template for Malaysia* dan dokumen tersebut telah dikemukakan kepada urus setia EGILAT untuk dimuat naik ke dalam portal EGILAT sebagai rujukan kepada negara anggota.

Pada Mesyuarat Ke-16 APEC EGILAT, Malaysia telah menyampaikan penerangan ringkas berkenaan penganjuran APEC 2020, di mana Malaysia adalah tuan rumah. MPI akan menganjurkan Mesyuarat Ke-17 dan Ke-18 APEC EGILAT yang akan diadakan pada bulan Februari dan Ogos 2020. Perkara lain yang turut dibincangkan dalam mesyuarat tersebut termasuklah EGILAT 2020 *Annual Work Plan* dan pelaksanaan aktiviti di bawah EGILAT *Policy Theme "Advancing the Trade and Distribution of Legally Harvested Forest Products in the APEC Region"* yang telah dipersetujui semasa Mesyuarat Ke-15 APEC EGILAT.



Delegasi Malaysia semasa Mesyuarat Ke-15 APEC EGILAT pada 26 dan 27 Februari 2019 di Santiago, Chile



Delegasi Malaysia semasa Mesyuarat Ke-16 APEC EGILAT pada 16 dan 17 Ogos 2018 di Puerto Varas, Chile

3) MESYUARAT KE-8 FOREST AND TIMBER TECHNICAL WORKING GROUP (FTTWG) DI BAWAH MALAYSIA-AUSTRALIA AGRICULTURAL COOPERATION WORKING GROUP (MAACWG)

Malaysia-Australia Agricultural Cooperation Working Group (MAACWG) telah diwujudkan di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) Dalam Bidang Pertanian antara Kerajaan Malaysia dan Australia yang ditandatangani pada 8 Mac 2006. MoU tersebut merangkumi skop kerjasama di bawah bidang-bidang pertanian, perikanan, ternakan dan perhutanan.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) merupakan *focal point* kebangsaan bagi MAACWG manakala Kementerian Industri Utama (MPI) merupakan *focal point* bagi salah satu kumpulan kerja teknikal di bawah MAACWG iaitu *Forestry and Timber Technical Working Group* (FTTWG). Setiausaha Bahagian

Kanan, Bahagian Kemajuan Industri Kayu-kayan, Tembakau dan Kenaf (KTK) merupakan Pengerusi Bersama bagi FTTWG.

Malaysia telah menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Ke-11 MAACWG pada 18 Mac 2019 bertempat di Hotel Le Meridien, Putrajaya. Mesyuarat tersebut diadakan secara dwitahunan yang dianjurkan secara bergilir di antara Malaysia dan Australia. MPI telah menganjurkan Mesyuarat Ke-8 FTTWG pada 18 Mac 2020 yang membincangkan perkembangan semasa industri perhutanan dan kayu-kayan di kedua-dua buah negara selain membincangkan versi baharu dokumen *Malaysia Country Specific Guideline* (MCSG). Selain itu, mesyuarat turut membincangkan isu berkaitan pembalakan haram dan perdagangan kayu yang sah.

Bersempena Mesyuarat Ke-8 FTTWG, MPI melalui Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) turut menganjurkan satu sesi *engagement* pihak industri perकayuan Malaysia bersama delegasi Australia bertempat di Ibu Pejabat MTIB dan lawatan ke kilang perabot pada 19 Mac 2019.



Mesyuarat Ke-8 FTTWG yang telah berlangsung pada 18 Mac 2019 bertempat di Hotel Le Meridien, Putrajaya

SKIM PENSIJILAN KAYU MALAYSIA

Skim pensijilan hutan nasional iaitu *Malaysian Timber Certification Scheme* (MTCS) merupakan satu skim sukarela yang menyediakan penilaian bebas untuk pensijilan pengurusan hutan dan rantai jagaan bagi memastikan pengurusan hutan asli dan ladang hutan yang mampan di Malaysia. MTCS yang dilaksanakan oleh MTCC sejak 2001 bertujuan untuk:

- (i) menggalakkan amalan pengurusan hutan secara mampan di Malaysia melalui pensijilan pengurusan hutan; dan
- (ii) memudahkan pengeluaran dan pengeksportan produk kayu bersijil yang memenuhi keperluan pasaran antarabangsa.

SENARAI SEMINAR / BENGKEL / PERSIDANGAN / PAMERAN / SESI *ENGAGEMENT* (MTIB)

BIL	PROGRAM	TARIKH / LOKASI	PENGLIBATAN
1.	<i>Malaysian International Furniture Fair (MIFF) 2019</i>	8 Mac 2019 Malaysia International Trade & Exhibition Centre (MITEC)	YBM
2.	<i>Export Furniture Exhibition (EFE) 2019</i>	9 Mac 2019 Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)	YBTM
3.	Majlis Perhimpunan MPI Bil. 4 Tahun 2019 dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MTIB 2018	24 April 2019 Dewan Cempaka Menara PGRM, Cheras	YBM
4.	Sayangi Komoditiku Bual Bicara Latihan & Kerjaya	3 Julai 2019 Dewan Canselor, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	YBTM
5.	Archidex 2019	4 Julai 2019 Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)	YBM
6.	<i>International Conference on Agarwood, Incense and Fragrances 2019</i>	10 Julai 2018 The Westin Hotel Kuala Lumpur	YBM
7.	<i>Malaysian Timber Conference 2019</i>	25 Julai 2019 Hilton, Kuala Lumpur	YBM

BIL	PROGRAM	TARIKH / LOKASI	PENGLIBATAN
8.	<i>International Business Conference: Bamboo as A Driver for Economic Growth Forest Beyond Timber New Wealth Creation for The Nation</i>	5 Ogos 2019 Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur	YBM
9.	Sayangi Komoditiku Bual Bicara Latihan & Kerjaya	17 September 2019 UiTM Mukah, Sarawak	TPM/ YBTM
10.	<i>MTCC 20th Anniversary Conference</i>	24 September 2019 Sunway Putra Hotel, Kuala Lumpur	YBM
11.	Sambutan Hari Buluh Sedunia 2019	13 Oktober 2019 Hotel Casuarina@Meru, Ipoh, Perak	YBM
12.	Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara MTIB dan Invest Perak dan CWSB Sdn Bhd dan Perak Corporation sempena Perak International Expo (PIEX)	16 November 2019 Stadium Indera Mulia Ipoh, Perak	YBM
13.	<i>Malaysian Wood Expo 2019</i>	19 November 2019 Putra World Trade Centre, Kuala Lumpur	YBM
14.	Simposium Usahawan Perabot Bumiputera Kebangsaan 2019	25 November 2019 UPM, Serdang	YBM
15.	Kuala Lumpur & Wood & Lifestyle Fair 2019 dan Malaysian Furniture & Furnishings Fair (MF3)	13 Disember 2019 Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)	YBTM

INDUSTRI KENAF DAN TEMBAKAU NEGARA

Pengenalan Industri

Tanaman Kenaf telah dikenal pasti oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pada tahun 2000 sebagai tanaman jangka pendek yang berpotensi untuk dikomersialkan dan seterusnya menjadi 'Sumber Pertumbuhan Baharu' negara. Dalam hal ini, tanaman kenaf telah dipilih sebagai tanaman alternatif bagi menggantikan tanaman tembakau berikutan polisi Kerajaan bagi mengurangkan penggunaan tembakau dan pematuhan kepada Rangka Kerja Kawalan Tembakau (FCTC) Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Prestasi Industri Kenaf

Pencapaian tanaman kenaf pada tahun 2019 ialah 1,730.1 hektar meliputi 1,364 hektar tanaman bagi pengeluaran batang dan 366.1 hektar bagi pengeluaran benih kenaf. Bilangan keseluruhan penanam kenaf yang terlibat adalah berjumlah 1,122 orang.

Nilai jualan kenaf meningkat sebanyak 30.46% kepada RM7.11 juta pada tahun 2019 berbanding RM5.45 juta pada tahun 2018. Peningkatan ini disokong oleh pengeksporan fiber dan produk berasaskan kenaf ke Republik Rakyat China selain permintaan pasaran tempatan.

LKTN telah meneruskan lima (5) aktiviti utama seperti *Integrated Kenaf Industrial Park* (1KIP), Program Sejuta Kenaf, Satu Kenaf Untuk Rakyat (1KUR), Program Industri Kenaf Rakan Rakyat (IKRaR), Bicara Kenaf dan Skim Pendapatan Rakyat melalui Kenaf (SPARK) dan Kenaf Industry Update. Program-program di atas dilaksanakan bagi memperkasa pembangunan industri kenaf di peringkat hulu, pertengahan dan hiliran. Program tersebut turut bertujuan membantu pekebun kecil dan isi rumah pekebun kecil selaras dengan komitmen kerajaan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah terutamanya bagi golongan B40. Di samping itu, LKTN juga meneruskan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) melalui kerjasama strategik dengan institusi awam dan swasta sepanjang tahun 2019.

Penggunaan Kenaf dalam Industri Pembinaan

LKTN dengan kerjasama strategik Syarikat Affordable Abodes Sdn Bhd telah berjaya menghasilkan *kenafcrete* iaitu bahan binaan komposit melalui teknik sistem binaan industri (IBS). Teknologi ini menggunakan 90% empulur kenaf dan 10% pengikat atau *binder* mempunyai ketahanan api selain berfungsi sebagai penebat haba yang baik. Teknologi ini juga mampu menjimatkan kos penggunaan batu-bata sebanyak 40% selain 60% lebih

ringan berbanding panel konkrit sedia ada di pasaran. Pada tahun 2019, LKTN telah membina rumah IBS kenafcrete dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di Kg. Solok Punggai, Ayer Molek, Melaka. Ini adalah salah satu inisiatif bagi mempromosikan penggunaan IBS Kenaf dalam industri pembinaan. Rumah dengan keluasan 600 kaki persegi ini hanya mengambil masa selama 30 hari untuk disiapkan dengan anggaran kos sebanyak RM55,000. Rumah yang dibina adalah rumah batu 3 bilik dengan keluasan 660 kaki persegi, menggunakan pelan yang telah diluluskan oleh KPLB.



Penyerahan Rumah PPRT Yang Dibuat Menggunakan Kenaf Kenafcrete

Pembangunan Teknologi Pemrosesan Kenaf

Teknologi pemrosesan komersial yang lebih efisien dan mapan perlu dibangunkan di peringkat pertengahan bagi menghasilkan fiber kenaf yang khusus dan premium. Dalam hubungan itu, LKTN telah membangunkan kilang perintis dalam pemrosesan *non-woven thermobonding fiber* yang terletak di Setiu, Terengganu dan akan beroperasi sepenuhnya pada pertengahan tahun 2019. Kilang ini dijangka mampu mengeluarkan 2,400 metrik tan produk *non-woven* setahun dengan nilai RM16 juta untuk pasaran eksport dan domestik. Kilang ini juga bakal menyokong pembangunan tanaman kenaf sehingga 1,000 hektar di kawasan sekitar melibatkan pekebun-pekebun kecil di Kelantan dan Terengganu. Ini merupakan salah satu usaha yang dijalankan oleh Kementerian ini melalui peruntukan pembangunan di bawah Projek Rancangan Malaysia Ke-10 dan Ke-11 yang disediakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan rantaian nilai dan mewujudkan permintaan bagi produk berasaskan kenaf.



Majlis Perasmian Pusat Pemprosesan Dan Pengeluaran Produk Kenaf

Pembangunan Pusat Industri Kenaf

Dalam usaha memperkasa industri kenaf, Kementerian melalui LKTN telah merangka pelbagai inisiatif dan menyediakan infrastruktur termasuklah fasiliti pemprosesan kenaf lebih efisien bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan pendapatan penanam kenaf melalui aktiviti nilai tambah. Justeru, LKTN telah membangunkan Pusat Industri Kenaf di Tebu Hitam, Rompin, Pahang yang berfungsi sebagai sebuah kilang perintis bagi mengeluarkan produk-produk berasaskan fiber dan core kenaf. Kilang ini dilengkapi dengan Mesin Pemprosesan Berkapasiti Tinggi untuk menghasilkan fiber bersih selain dilengkapi dengan Mesin Pemprosesan Pulpa dan Kertas untuk menghasilkan produk *brown paper*.

Pusat Pemprosesan ini turut memainkan peranan penting di peringkat *midstream* melalui aktiviti pemprosesan yang bertujuan memberi nilai tambah dan seterusnya menjana pendapatan tambahan kepada pekebun kecil yang terlibat. Pembangunan pusat ini melibatkan perkongsian strategik awam dan swasta bernilai RM6 juta. Ia merangkumi fasiliti pemprosesan fiber bernilai RM 4 juta oleh LKTN dan mesin pemprosesan pulpa dan kertas bernilai RM 2 juta melalui pelaburan pihak swasta. Pusat ini dibangunkan di atas tanah berkeluasan 2.02 hektar yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Pahang kepada LKTN. Pusat Industri Kenaf ini juga mampu memproses 10,000 tan batang kenaf kering setahun meliputi kawasan penanaman sehingga 1,000 hektar. Secara tidak langsung, pembangunan tanaman ini akan memberi manfaat ekonomi kepada 800 orang penanam.



Majlis Perasmian Pusat Industri Kenaf

Isu dan cabaran

- Penerimaan petani terhadap kenaf sebagai tanaman komoditi baru;
- Produktiviti yang masih rendah;
- Risiko dan keyakinan pelabur terhadap komoditi baru;
- Pulangan kepada kumpulan sasaran; dan
- Penawaran bahan mentah kenaf yang terhad.

Prospek Industri Kenaf

Selaras dengan garis panduan yang ditetapkan oleh Dasar Komoditi Negara (DKN), 2011-2020, jumlah pengeluaran kenaf pada tahun 2020 dijangka meningkat kepada 10,000 hektar di mana sasaran ini akan dicapai melalui peningkatan keluasan tanaman dan kadar produktiviti. Aktiviti perluasan tanaman kenaf ini akan terus dipergiat ke seluruh negara.

PRODUK-PRODUK KENAF



Kenafcrete



Produk Biodegradable

Prestasi Industri Tembakau

Komitmen negara terhadap instrumen kawalan tembakau di bawah Rangka Kerja Kawalan Tembakau (FCTC), Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menjurus kepada usaha-usaha mengurangkan tabiat merokok. Selain itu, pelaksanaan sepenuhnya Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) telah mengubah senario industri tembakau negara. Daya saing industri tembakau terjejas memandangkan permintaan daun tembakau tempatan menyusut apabila pengilang rokok mempunyai pilihan untuk mengimport daun tembakau dengan harga yang lebih kompetitif dari lain-lain negara di rantau ASEAN. Ini disebabkan oleh penurunan duti import tembakau pada kadar 0% hingga 5% mulai tahun 2010. Memandangkan harga tembakau keluaran tempatan tidak kompetitif berbanding tembakau yang diimport, pengilang-pengilang tempatan telah mengurangkan kuota tembakau tempatan.

Pada tahun 2019 sebanyak 1.89 juta kg tembakau import untuk pasaran tempatan telah diluluskan berbanding 0.56 juta kg pada tahun 2018. Manakala bagi pasaran eksport, sebanyak 10.84 juta kg tembakau import telah diluluskan berbanding sebanyak 11.12 juta kg pada tahun 2018. Nilai import tembakau dan produk tembakau pada tahun 2019 adalah berjumlah RM1.06 bilion berbanding RM1.14 bilion pada tahun 2018. Nilai pendapatan ke atas eksport tembakau dan produk tembakau bagi tahun 2019 telah menurun kepada RM0.57 bilion berbanding RM0.68 bilion untuk tahun 2018. Penurunan ini dipengaruhi oleh penutupan semua pengilangan rokok oleh 3 syarikat utama antarabangsa iaitu BAT, PMM dan JTI dan dijangkakan situasi penurunan ini akan berlarutan jika pengilang tempatan mengecilkan operasi pengilangan mereka di masa hadapan.

KOMODITI KOKO

1. Prestasi Komoditi Koko

Pada tahun 2019, industri koko Malaysia telah mengalami pertumbuhan yang sederhana diterajui oleh kedua-dua sektor hulu dan hilir. Sektor hulu meliputi sektor pekebun kecil dan estet dengan jumlah keluasan 15,008 hektar dan pengeluaran sebanyak 1,005 tan biji koko kering pada tahun 2019. Sektor hilir pula telah menunjukkan prestasi yang lebih baik dengan nilai pengeksportan semula biji koko dan produk koko bernilai RM6.6 bilion. Hasil pengisaran biji koko sebanyak 343,727 tan telah menjadikan Malaysia sebagai negara ke-tujuh terbesar dalam senarai pengisar koko dunia (*world ranking*) untuk tahun 2019.




Sumber : *Commodities Fact Sheet Q2/2020 (Kemaskini 25 Ogos 2020)*,
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK)

2. Keluasan Tanaman Koko

Pada tahun 2019, keluasan tanaman koko di Malaysia kekal 15,008 hektar dari tahun 2018. Sarawak menyumbang sebanyak 45.7% (6,858 hektar) daripada jumlah keseluruhan keluasan tanaman koko diikuti oleh Sabah 38.5% (5,780 hektar) dan Semenanjung Malaysia 15.8% (2,370 hektar). Penurunan keluasan tanaman koko adalah disebabkan oleh saingan guna tanah oleh tanaman-tanaman lain.


KELUASAN TANAMAN KOKO MENGIKUT WILAYAH PADA TAHUN 2019 (HEKTAR)



Sumber: Lembaga Koko Malaysia (LKM)

3. Trend Harga Pasaran Koko

Trend harga biji koko kering Malaysia adalah tertakluk kepada harga koko di pasaran koko London dan New York. **Pada tahun 2019**, harga biji koko kering adalah sekitar **RM6,541** bagi setiap tan metrik **iaitu peningkatan sebanyak 6.98%** daripada purata harga pada tahun **2018 iaitu RM6,114**. Harga biji koko kering paling tinggi bagi tahun 2019 dicatatkan di **Raub pada bulan Oktober** iaitu **RM7,220** bagi setiap tan metrik. Harga biji koko tempatan turut dipengaruhi oleh kos pengangkutan, penyimpanan serta pengendalian.



Trend Harga Bulanan Koko bagi Tempoh Januari hingga Disember 2019 (RM/Tan) Mengikut Kawasan

Sumber: Lembaga Koko Malaysia (LKM)

4. Prestasi Eksport Koko

Nilai eksport biji koko dan produk-produk berasaskan koko pada tahun 2019 adalah berjumlah RM6.60 bilion iaitu meningkat sebanyak 18.87% berbanding RM5.55 bilion pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, nilai eksport semula biji koko pada tahun 2019 menunjukkan penurunan sebanyak 24.63% iaitu berjumlah RM1.08 bilion berbanding RM1.43 bilion pada tahun 2018. Manakala lemak koko kekal sebagai penyumbang utama pendapatan eksport pada tahun 2019 dengan peningkatan sebanyak 61.16% daripada RM1.58 bilion pada tahun sebelumnya kepada RM2.5 bilion. Nilai eksport bagi serbuk koko, pes koko, kek koko, kulit biji koko dan coklat masing-masing juga mencatatkan peningkatan sebanyak 24.15%, 12.16%, 50.30%, 7.14% dan 10.55% dengan jumlah nilai keseluruhan sebanyak RM2.98 bilion.

Komoditi Koko	Kuantiti ('000T)		Nilai (RM'000)		
	2018	2019	2018	2019	Peningkatan/ Penurunan
*Biji Koko	155.57	110.89	1,426.80	1,075.37	-24.63 %
Lemak Koko	89.24	124.59	1,576.34	2,540.41	61.16 %
Serbuk Koko	164.80	184.63	1,030.67	1,279.55	24.15 %
Pes Koko	31.84	33.39	439.9	492.83	12.16 %
Kek Koko	7.83	10.76	46.82	70.37	50.30 %
Kulit Biji Koko	0.29	0.51	0.14	0.15	7.14 %
Coklat	53.28	63.95	1,031.04	1,139.77	10.55 %
JUMLAH			5,551.20	6,598.45	18.87 %


Perbandingan Kuantiti dan Nilai Eksport Biji Koko dan Produk-Produk Koko Tahun 2018 & 2019

*Jumlah nilai eksport termasuk nilai eksport semula (*re-export*) biji koko

Sumber: Department of Statistics Malaysia (DOSM)

5. Destinasi Utama Eksport Koko dan Produk Koko

DESTINASI EKSPORT KOKO DAN PRODUK KOKO MALAYSIA



NEGARA	PERATUS (%)	NILAI (RM JUTA)
Singapura	19.40	1,279.91
Amerika Syarikat	12.35	814.86
Jepun	10.92	720.61
China	7.50	495.01
Kesatuan Eropah	6.66	439.74
Indonesia	6.06	399.81
Lain-lain negara	37.11	2,448.51
JUMLAH		6,598.45

Destinasi Utama Eksport Koko dan Produk Koko Tahun 2019

Sumber: Department of Statistics Malaysia (DOSM)

6. Persidangan dan Mesyuarat Antarabangsa

(i) *International Cocoa Organization (ICCO)*

ICCO adalah sebuah organisasi antarabangsa yang terdiri daripada 52 negara anggota iaitu 30 negara pengguna dan 22 negara pengeluar biji koko kering. ICCO ditubuhkan pada tahun 1973 untuk menguatkuasakan Perjanjian Koko Antarabangsa pertama yang telah dimeterai di *United Nations International Cocoa Conference*, Geneva. Perjanjian Koko Antarabangsa Ketujuh, yang dirundingkan pada tahun 2010 di Geneva, mula berkuatkuasa pada Oktober 2012. Malaysia telah menjadi ahli ICCO sejak tahun 1994 dan telah memperbaharui keahliannya sebagai negara pengeluar ICCO dengan menandatangani dan meratifikasi Perjanjian Koko Antarabangsa 2010 masing-masing pada 5 Ogos 2013 dan 30 Ogos 2013. Peranan dan fungsi ICCO adalah:

- (a) menggalakkan pembangunan dan pengukuhan kerjasama antarabangsa bagi perkembangan perdagangan koko dunia;
- (b) menggalakkan penyelidikan saintifik dan pembangunan dalam bidang koko; dan
- (c) menyediakan forum bagi membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan ekonomi koko dunia.

Mesyuarat *The International Cocoa Council and Its Subsidiary Bodies* merupakan mesyuarat berkala yang diadakan dua (2) kali setahun yang dihadiri oleh negara-negara anggota ICCO. Tujuan mesyuarat ini adalah untuk mendapatkan persetujuan dan pertimbangan negara-negara anggota bagi meluluskan usul-usul yang dikemukakan oleh pelbagai pihak yang berkepentingan dalam ICCO.

Sepanjang tahun 2019, Malaysia telah menghadiri Mesyuarat ke-99 *The International Cocoa Council And Its Subsidiary Bodies* pada 8 hingga 13 April 2019 dan Mesyuarat ke-100 dari 9 hingga 12 September 2019 di Abidjan, Côte d'Ivoire.



Mesyuarat ke-99
The International Cocoa Council And Its Subsidiary Bodies
 dan Mesyuarat Ad Hoc Panel On Fine Or Flavour Cocoa di Abidjan, Côte d'Ivoire dari 8 hingga 13 April 2019



Mesyuarat ke-100
The International Cocoa Council And Its Subsidiary Bodies
 di Abidjan, Côte d'Ivoire dari 9 hingga 12 September 2019

(ii) **ASEAN Cocoa Club (ACC)**

ASEAN Cocoa Club (ACC) telah ditubuhkan berdasarkan Memorandum Persefahaman (MoU) *ASEAN Cooperation and Joint Approaches in Agriculture and Forest Products Promotion Scheme* yang ditandatangani oleh Menteri-Menteri Pertanian ASEAN pada tahun 1994. Melalui MoU tersebut, 11 kumpulan kerja telah diwujudkan merangkumi kumpulan kerja sektor koko, perhutanan dan minyak sayuran. Kumpulan-kumpulan kerja ini bertujuan meneroka pasaran di peringkat antarabangsa dan ASEAN di samping menyelesaikan isu-isu berkaitan produk-produk tersebut secara kolektif.

Lanjutan daripada itu, ACC telah dilancarkan pada Julai 1996, di Kota Kinabalu, Sabah dengan keahlian negara-negara ASEAN iaitu negara Brunei, Cambodia, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. Mesyuarat ACC ini akan melibatkan pihak-pihak yang berurusan dalam industri koko seperti pengusaha tanaman koko, pengisar, pengeksport, pengilang, pengeluar coklat dan produk-produk koko dan juga pihak Kerajaan. Dalam hal ini, Lembaga Koko Malaysia (LKM) telah dilantik sebagai urus setia tetap Mesyuarat ACC.

Malaysia merupakan *focal point* bagi Kerjasama ASEAN dan pendekatan bersama dalam Skim Promosi Produk Pertanian dan Perhutanan (*ASEAN Cooperation and Joint Approaches in Agriculture and Forest Products Promotion Scheme*). Pendekatan ini bertujuan untuk berkerjasama dan berkongsi pemindahan teknologi antara negara anggota ASEAN dengan pertubuhan-pertubuhan serantau serta sektor swasta di peringkat antarabangsa.

Mesyuarat ke-22 *The National Focal Point For The Asean Cocoa Club On Asean Cooperation And Joint Approaches In Agriculture And Forest Products Promotion Scheme* dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong, Ketua Setiausaha MPI telah diadakan di Hotel Pulse Grande, Putrajaya dari 15 hingga 17 Julai 2019. Mesyuarat ini dihadiri oleh seramai 50 orang delegasi telah membincangkan status dan kemajuan bagi program komoditi koko sepanjang tempoh 2016-2020 seperti berikut:

- (a) mengadakan perundingan dan kerjasama untuk merumuskan kedudukan ASEAN di forum antarabangsa mengenai isu-isu yang berkaitan koko;
- (b) mewujudkan pakatan strategik dan pendekatan bersama dengan sektor swasta dalam mempromosi keselamatan makanan, peluang pelaburan, promosi produk-produk pertanian dan akses pasaran;
- (c) memperkukuh dan mempertingkatkan perdagangan produk-produk koko di rantau ASEAN; dan
- (d) menggalakkan usaha sama penyelidikan dan teknologi pemindahan produk pertanian, makanan dan perhutanan.



YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong, Ketua Setiausaha MPI merasmikan Mesyuarat ASEAN Cocoa Club (ACC) Ke-22 di Pulse Grande Hotel, Putrajaya pada 17 Julai 2019

(iii) ***The 7th Indonesian International Cocoa Conference (IICC) and Dinner 2019***

The 7th Indonesian International Cocoa Conference (IICC) and Dinner 2019 diadakan di Nusa Dua, Bali, Indonesia dari 14 hingga 16 November 2019 merupakan inisiatif *Indonesian Cocoa Association (ASKINDO)* yang bertujuan menghubungkan semua pihak yang terlibat dalam industri koko bagi membincangkan dan menyelesaikan isu-isu semasa industri koko khususnya isu pengeluaran biji koko global yang mampan. YBrs. Encik Ravi Muthayah, Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi) MPI telah membentangkan kertas bertajuk *Malaysian Cocoa Industry Dynamics: Challenges and Solutions* pada persidangan tersebut. Persidangan ini juga memberi ruang bagi perkongsian maklumat dan penjanaaan idea baharu daripada wakil-wakil negara yang terlibat seterusnya menyumbang dan meningkatkan pencapaian dalam industri koko pada masa akan datang. Objektif persidangan ini diadakan adalah untuk:

- (a) berkongsi maklumat mengenai pembangunan dan amalan kestabilan koko global;
- (b) mempromosikan kesedaran mengenai koko dan produk koko yang melibatkan pengeluar, pengisar, penanam dan pengguna koko; dan
- (c) menghimpunkan pedagang, pengilang, pengisar, penyelidik dan pihak lain yang berkaitan secara langsung dalam komuniti koko di seluruh dunia.



Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi) MPI, YBrs. En. Ravi Muthayah, menghadiri *The 7th Indonesian International Cocoa Conference (IICC) and Dinner* di Bali, Indonesia dari 14 hingga 15 November 2019

7. Promosi Produk Koko Di Dalam Negara

Sebagai usaha untuk menyebarkan luas dan mendedahkan masyarakat kepada fakta yang tepat mengenai khasiat, kegunaan serta kebaikan koko, pelbagai strategi telah diambil untuk meningkatkan promosi di pasaran domestik termasuk mengadakan pameran-pameran promosi secara fizikal, menyertai ekspo industri yang bersesuaian dan juga promosi menerusi media cetak dan elektronik. Berikut merupakan antara aktiviti promosi produk koko di dalam negara sepanjang tahun 2019:

(i) Pameran Produk Komoditi, 24-25 Jun 2019

YB Puan Teresa Kok, Menteri Industri Utama telah mengadakan lawatan rasmi yang merangkumi lawatan ke kebun lada, lawatan ke kilang coklat dan aktiviti lain pada tahun ini. Pada masa yang sama, satu pameran juga diadakan di perkarangan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai Johor bagi tujuan mempromosikan produk-produk koko dan lada Malaysia. YB Menteri telah merasmikan pameran tersebut serta melancarkan produk/perkhidmatan yang dihasilkan oleh agensi MPI. Pameran tersebut berlangsung selama 2 hari iaitu dari 24 hingga 25 Jun 2019. Majlis ini disempurnakan oleh YB Puan Teresa Kok dan turut hadir ialah YB Datuk Seri Shamsul Iskandar, Timbalan Menteri Industri Utama serta YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong, Ketua Setiausaha MPI. Produk koko yang dilancarkan ialah produk ubat gigi berasaskan koko MISMIS dan *'Hulu Selangor Single Origin Chocolate Bar'*.



YB Puan Teresa Kok merasmikan Pameran Produk Komoditi pada 24 Jun 2019 di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai Johor

(ii) **Pameran Produk Koko, 4 Julai 2019**

Dalam usaha mempromosikan produk agrikomoditi khususnya produk berasaskan koko dalam kalangan pihak berkepentingan, MPI telah mengadakan Pameran Produk Koko di Bangunan Utama Parlimen pada 4 Julai 2019. Pameran sehari ini bertujuan memberi pendedahan kepada rakyat Malaysia mengenai kebaikan dan khasiat produk berasaskan koko tempatan dan seterusnya meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia terhadap produk koko buatan tempatan khususnya yang dibangunkan menggunakan teknologi yang dibangunkan oleh LKM. Pameran yang diadakan sebagai usaha mempromosikan produk agrikomoditi khususnya produk berasaskan koko dalam kalangan pihak berkepentingan ini juga turut dilawati oleh YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri.



MPI mengadakan Pameran Produk Koko di Bangunan Utama Parlimen pada 4 Julai 2019



YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri melawat Pameran Produk Koko pada 4 Julai 2019 di Bangunan Utama Parlimen

(iii) **Halal Fiesta Malaysia (Halfest) 2019, 4 hingga 8 September 2019**

Penyertaan LKM di dalam program Halal Fiesta Malaysia (Halfest) 2019 anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dari 4 hingga 8 September 2019 di Mines Exhibition Centre (MIECC), Selangor bagi mempromosikan produk koko Malaysia

Halal Fiesta Malaysia (Halfest) 2019 di Mines Exhibition Centre (MIECC),
Selangor dari 4 hingga 8 September 2019

(iv) **Program Sayangi Komoditiku, 17 September 2019**

Majlis Perasmian Program Sayangi Komoditiku peringkat negeri Sarawak telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Wan Azizah binti Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri bertempat UiTM Mukah pada 17 September 2019. Pelbagai produk komoditi negara termasuk produk koko telah dipamerkan dalam program ini. Antara objektif utama penganjuran program ini adalah untuk sesi penambahan ilmu kepada pelajar-pelajar dan jemputan yang hadir berhubung produk-produk komoditi negara selain menghebahkan keperluan guna tenaga serta menggalakkan belia menceburi bidang latihan dan kerjaya di sektor perladangan dan komoditi.



YAB Dato' Seri Dr. Wan Azidah binti Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri melawat pameran LKM bersempena dengan program Sayangi Komoditiku di Mukah Sarawak pada 17 September 2019

(v) **Pameran Produk Komoditi, 5 November 2019**

Pameran Produk Komoditi telah diadakan di Lobi Utama, Wisma Sri Pahang, Kuantan pada 5 November 2019 bersempena lawatan kerja YB Puan Teresa Kok, Menteri Industri Utama ke Pahang untuk satu sesi menandatangani dokumen perjanjian di antara LKM dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pahang. Perjanjian ini mengenai persetujuan pajakan tanah seluas 364 ekar di Mukim Jerantut dan 150 ekar di Mukim Lipis kepada LKM bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan tanaman koko telah disaksikan oleh YB Menteri Industri Utama dan YAB Menteri Besar Pahang. Kerjasama di antara Kerajaan Negeri Pahang dan MPI adalah amat penting bagi meningkatkan pengeluaran koko di Pahang.



YB Puan Teresa Kok, Menteri Industri Utama melawat Pameran Produk Komoditi Koko pada 5 November 2019 di Lobi Utama di Wisma Sri Pahang, Kuantan

8. Promosi Produk Koko Di Luar Negara

(i) **24th Gulfood 2019 dari 16 hingga 21 Februari 2019 di Dubai World Trade Centre (DWTC), United Arab Emirates (UAE)**

Gulfood merupakan eksposisi perdagangan bagi pengusaha minuman, makanan, perkhidmatan makanan dan industri hospitaliti untuk berkongsi maklumat dan pengetahuan serta mengambil peluang mewujudkan jalinan kerjasama dalam rangkaian perhubungan perdagangan terutamanya di wilayah Timur Tengah, Afrika Utara dan Asia Selatan. Eksposisi tahun ini berjaya menarik penyertaan lebih daripada 5,000 syarikat dari 92 buah negara dengan lebih daripada 97,000 orang pengunjung berdaftar daripada 185 buah negara telah mengunjungi eksposisi pameran yang telah berlangsung selama lima hari. *Gulfood 2019* merupakan penyertaan LKM kali ke-13.




24th Gulfood 2019 dari 17 hingga 21 Februari 2019 di Dubai World Trade Centre (DWTC), Dubai, United Arab Emirates (UAE)

(ii) ***Expo Africa's Big 7* di Gallagher Convention Centre, Johannesburg, South Africa, 23 hingga 25 Jun 2019**

Eksposisi ini merupakan pameran antarabangsa yang terkemuka di wilayah Afrika bagi produk makanan dan minuman serta perkhidmatan runcit. *Africa's Big 7* juga merupakan landasan antarabangsa dan pusat pertemuan global bagi industri makanan dan konfeksi termasuk produk coklat, produk berasaskan gula, biskut dan makanan snek. Penganjuran eksposisi tersebut memberi peluang kepada pihak industri koko untuk memperkenalkan dan mempromosikan kepelbagaian produk-produk koko Malaysia di wilayah Afrika. Penyertaan LKM ke *Africa's Big 7* merupakan penyertaan yang julung kalinya dengan menyediakan ruang pameran bagi penggiat industri koko dengan keluasan 36 meter persegi. Pameran ini turut disertai oleh dua pengisar koko iaitu JB Cocoa Sdn. Bhd. dan KI-Kris Food

Industries Sdn. Bhd. dan dua pengilang coklat iaitu GCB Specialty Chocolate Sdn. Bhd. dan Franccastle Confectioneries Sdn Bhd.



Expo Africa's Big 7 dari 23 hingga 25 Jun 2019
di Gallagher Convention Centre, Johannesburg, South Africa

(iii) **Eksposisi Yummex Middle East 2019 dari 29 hingga 31 Oktober 2019, di Dubai, UAE**

Eksposisi *YUMMEX* yang dahulunya dikenali *Sweets and Snacks Middle East* merupakan eksposisi khusus bagi coklat dan industri berasaskan gula, konfeksi, bakeri, makanan snek dan aiskrim di wilayah Timur Tengah. Eksposisi ini dianjurkan setiap tahun dan merupakan anjuran bersama Koelnmesse GmbH, Jerman dan Dubai World Trade Centre. Penyertaan LKM bersama syarikat pengeluar coklat dan konfeksi coklat serta usahawan coklat bimbingan LKM dalam eksposisi tersebut telah berjaya memperoleh 291 pertanyaan perdagangan daripada 32 buah negara dan telah berjaya menghasilkan nilai jualan semasa sebanyak RM2.89 juta dan nilai jualan berpotensi sebanyak RM9.23 juta.



Eksposisi Yummex Middle East 2019 dari 29 hingga 31 Oktober 2019
di Dubai, United Arab Emirates (UAE)

9. Mesyuarat, Lawatan Kerja Dan Bengkel

(i) Sesi Libat Urus Industri Koko dan Dialog Bersama YB Menteri Industri Utama, 14 Januari 2019

Sesi Libat Urus Industri Koko dan Dialog Bersama YB Menteri Industri Utama telah diadakan pada 14 Januari 2019 bertempat di Hotel Tenera, Bandar Baru Bangi, Selangor. Sesi libat urus (engagement) YB Menteri Industri Utama bersama penggiat industri (stakeholder) adalah bagi merangka dan membincangkan pelan transformasi dan hala tuju strategik jangka panjang industri koko. Sesi ini bertujuan untuk menilai semula rangka dasar dan strategi serta program-program pembangunan industri koko yang praktikal dan berterusan berdasarkan senario dan keperluan industri semasa. Seramai 80 orang peserta terlibat dalam sesi ini yang terdiri daripada pekebun kecil, estet, pedagang dan pengisar koko, pengilang coklat dan konfeksi coklat, persatuan usahawan coklat serta wakil-wakil dari jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan.



Sesi Libat Urus Industri Koko dan Dialog Bersama YB Menteri Industri Utama pada 14 Januari 2019 di Hotel Tenera, Bangi

(ii) Sesi Dialog YB Timbalan Menteri Industri Utama bersama Pekebun Kecil Koko di Serian, Sarawak pada 23 Februari 2019

YB Datuk Seri Shamsul Iskandar Bin Mohd Akin, Timbalan Menteri Industri Utama telah mengadakan lawatan kerja ke Kuching, Sarawak yang merangkumi sesi dialog bersama dengan pekebun kecil sawit dan koko di Serian, Sarawak pada 23 Februari 2019. Objektif utama program dialog bersama pekebun kecil ini adalah untuk menyediakan ruang interaksi secara terus bersama kumpulan sasar dengan berbincang mengenai isu-isu semasa, bertukar pendapat serta berkongsi cadangan penambahbaikan terutamanya dalam hal-hal yang melibatkan industri komoditi di Malaysia. Selain itu juga, YB Timbalan Menteri turut melawat ke kebun pengusaha koko untuk melihat sendiri klon-klon koko yang telah dihasilkan oleh pengusaha koko tersebut serta lawatan ke pusat pemprosesan dan pengeringan biji koko.



YB Datuk Seri Shamsul Iskandar Bin Mohd Akin, Timbalan Menteri Industri Utama mengadakan lawatan ke kebun milik Encik Cyril Anak Langin (Kebun Koko Contoh) di Kampung Muara Ahi, Serian, Sarawak pada 23 Februari 2019

(iii) **Lawatan YB Menteri Industri Utama ke Chocolate Muzium, 18 April 2019**

YB Puan Teresa Kok, Menteri Industri Utama telah memenuhi jemputan ke Chocolate Museum di Kota Damansara pada 18 April 2019 yang mana muzium ini merupakan sebahagian inisiatif di bawah Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) oleh syarikat DR Group Holding Sdn Bhd. Muzium coklat ini menggunakan konsep '3E' di mana pengunjung dapat memperolehi pengetahuan secara interaktif (*education interactive*), pengalaman membuat coklat (*experience chocolate making*) dan keseronokan membeli-belah (*enjoyable shoppings*).



YB Puan Teresa Kok, Menteri Industri Utama mengadakan lawatan ke Chocolate Museum di Kota Damansara, Selangor pada 18 April 2019

(iv) **Perjumpaan YB Menteri Industri Utama Bersama Delegasi Syarikat Harriston Signature, 2 Mei 2019**

Perjumpaan YB Puan Teresa Kok, Menteri Industri Utama bersama delegasi dari Syarikat Harriston Signature telah diadakan pada 3 Mei 2019 untuk membincangkan cadangan kerjasama antara Kementerian dan Harriston Signature dalam mempromosikan koko Malaysia dengan lebih menyeluruh.



Perjumpaan YB Puan Teresa Kok, Menteri Industri Utama bersama delegasi dari Syarikat Harriston Signature pada 2 Mei 2019

(v) **Lawatan YB Menteri Industri Utama ke Kilang Coklat Koko Budi, 24 Jun 2019**

YB Puan Teresa Kok, Menteri Industri Utama telah mengadakan lawatan ke kilang coklat Koko Budi, Guan Chong Manufacturer di Pasir Gudang, Johor pada 24 Jun 2019 yang bertujuan untuk memberikan pengalaman mengenai proses pembuatan coklat serta pemasaran produk koko di peringkat industri. YB Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin Timbalan Menteri Industri Utama dan YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong, Ketua Setiausaha MPI turut hadir bersama di dalam lawatan ini yang turut meliputi lawatan sekitar kilang di mana pelbagai proses pembuatan ditunjukkan selain memberi pendedahan kepada kelebihan produk koko.



YB Puan Teresa Kok, Menteri Industri Utama mengadakan lawatan ke Kilang Coklat Koko Budi (Guan Chong Manufacturer) di Pasir Gudang, Johor pada 24 Jun 2019

(vi) **Majlis Pelancaran Program Pengkomersilan Hasil Penyelidikan LKM, Innovation to Market (I2M), 18 Julai 2019**

YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong, Ketua Setiausaha MPI telah merasmikan Program Pengkomersialan Hasil Penyelidikan LKM, *Innovation to Market* (I2M) pada 18 Julai 2019 di Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) Technology Centre, Serdang, Selangor. Program ini merupakan satu usaha kolaborasi strategik di antara LKM dan MTDC bagi meningkatkan pengkomersialan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) LKM.



Majlis Pelancaran Program Pengkomersilan Hasil Penyelidikan LKM, *Innovation to Market* (I2M) yang diadakan pada 18 Julai 2019 di Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) Technology Centre, Serdang, Selangor

(vii) **Sesi Konsultasi Bersama Industri: Dialog MPI 2019, 6 Ogos 2019**

YB Puan Teresa Kok, Menteri Industri Utama mempengerusikan Sesi Konsultasi Bersama Industri: Dialog MPI 2019 bagi komoditi koko, lada dan kenaf pada 6 Ogos 2019 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya. Sesi ini diadakan bagi mendapatkan input serta maklum balas mengenai syor penambahbaikan serta cabaran semasa daripada pihak industri koko, lada dan kenaf.



YB Puan Teresa Kok, Menteri Industri Utama mempengerusikan Sesi Konsultasi Bersama Industri: Dialog MPI 2019 bagi komoditi koko, lada dan kenaf pada 6 Ogos 2019 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya

(viii) **Lawatan Kerja Rasmi YBhg. Ketua Setiausaha MPI ke Beryl's Chocolate & Confectionery Sdn. Bhd, 25 Julai 2019**

YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong, Ketua Setiausaha MPI telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke Beryl's Chocolate & Confectionery Sdn. Bhd. pada 25 Julai 2019. Sesi lawatan ini selaras dengan keutamaan yang diberikan oleh Kementerian terhadap aktiviti hiliran koko bagi memastikan industri koko tempatan kekal berdaya saing. Lawatan tersebut menjadi platform bagi Beryl's Chocolate & Confectionery Sdn. Bhd. menerangkan proses pembuatan coklat serta pemasarannya di samping memperkenalkan syarikat dan menerangkan pencapaiannya serta pelan hala tuju syarikat.



YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong, Ketua Setiausaha MPI mengadakan Lawatan Kerja Rasmi ke Beryl's Chocolate & Confectionery Sdn. Bhd. di Seri Kembangan, Selangor pada 25 Julai 2019

(ix) **12th Malaysian Plan Focus Group Discussion for Technical Working Group (TWG)-Cocoa Industry, 24 hingga 25 Ogos 2019**

12th Malaysian Plan Focus Group Discussion for Technical Working Group (TWG)-Cocoa Industry telah diadakan dari 24 hingga 25 Ogos 2019 di Hotel Zenith, Putrajaya bertujuan mengumpul pandangan dan idea baharu pakar-pakar industri koko daripada sektor awam dan swasta bagi memacu hala tuju dan visi untuk kemajuan pembangunan industri ini. Selain itu bengkel ini juga telah diadakan untuk menganalisa prestasi industri komoditi koko dalam tempoh RMKe-11 dan mengenal pasti isu dan cabaran serta merangka pendekatan dan strategi baharu dalam menyediakan pelan tindakan di bawah RMKe-12. YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong, Ketua Setiausaha MPI telah menyampaikan amanat berkenaan hala tuju industri koko negara bagi RMKe-12 semasa sesi penutup pada 25 Ogos 2019.



12th Malaysian Plan Focus Group Discussion for Technical Working Group (TWG)-Cocoa Industry di Hotel Zenith, Putrajaya dari 24 hingga 25 Ogos 2019

- (x) **Lawatan ke Northport Pelabuhan Utara Klang serta Bengkel Kumpulan Kerja Semakan Prosedur Kerja Pengimportan Biji Koko ke Malaysia dan, 19 hingga 20 September 2019**

Satu lawatan kerja ke Pelabuhan Klang telah diadakan dari 19 hingga 20 September 2019 bagi melihat proses kerja yang dijalankan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS). Lawatan kerja ini diketuai oleh YBrs. Encik Ravi Muthayah, Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi) MPI, selaku Pengerusi Jawatankuasa *Task Force* Fasilitasi Pengimportan Biji Koko. Lawatan ini bertujuan untuk memberi gambaran sebenar proses pemerhatian dan proses pemeriksaan ke atas konsaimen/persampelan. Sempena lawatan ini, Bengkel Kumpulan Kerja Semakan Prosedur Kerja Pengimportan Biji Koko ke Malaysia turut diadakan. Lawatan dan bengkel ini turut dihadiri oleh wakil daripada Lembaga Pelabuhan Klang (PKA) serta pemain industri koko.



Bengkel kumpulan kerja semakan prosedur kerja pengimportan biji koko ke Malaysia dan lawatan ke Northport Pelabuhan Utara Klang dari 19 hingga 20 September 2019

(xi) **Mesyuarat YBhg. Ketua Setiausaha MPI Bersama DR Group, 27 September 2019**

YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong, Ketua Setiausaha MPI telah mempengerusikan Mesyuarat bersama DR Group Holdings Sdn. Bhd. pada 27 September 2019 sebagai susulan daripada lawatan kerja YB Menteri Industri Utama ke Chocolate Museum di Kota Damansara pada 18 April 2019.



YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong, Ketua Setiausaha MPI mempengerusikan Mesyuarat bersama DR Group Holdings Sdn. Bhd. pada 27 September 2019

(xii) **Lawatan Kerja Rasmi YBrs. Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi) MPI ke Pahang Cocoa Belt di Kuala Lipis, Pahang, 30 September hingga 1 Oktober 2019**

Lawatan Kerja Rasmi YBrs. Encik Ravi Muthayah, Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi) MPI ke *Pahang Cocoa Belt* di Kuala Lipis, Pahang telah diadakan dari 30 September hingga 1 Oktober 2019. Lawatan ini bertujuan bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh LKM dalam melaksanakan Projek Pembangunan Rangkaian Kluster Koko di Pahang. Selain daripada melawat tapak lokasi yang dicadangkan untuk pembinaan Kluster Koko di Pahang, beliau turut melawat ladang koko Encik Ong Chong Lim di Bera, Pahang. Semasa di ladang tersebut, Encik Ong turut menunjukkan mekanisasi yang digunapakai dalam menangani masalah serangga perosak dan penyakit buah koko.



YBrs. En. Ravi Muthayah, Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi) MPI melawat ladang koko milik Encik Ong Chong Lim di Bera, Pahang pada 1 Oktober 2019

(xiii) **Sesi Sumbang Saran (Brainstorming) dan Libat Urus bersama LKM, 17 Oktober 2019**

Sesi Sumbang Saran (*Brainstorming*) dan Libat Urus bersama LKM telah diadakan pada 17 Oktober 2019 di Hotel Zenith, Putrajaya bertujuan untuk mendapatkan maklumat asas, pandangan serta cadangan LKM dalam usaha menetapkan hala tuju baharu agensi berkenaan.



Sesi Sumbang Saran (Brainstorming) dan Libat Urus bersama LKM pada 17 Oktober 2019 di Hotel Zenith, Putrajaya

(xiv) **Lawatan Tapak Projek Pembangunan Rantaian Kluster Koko di Ranau, 10 hingga 12 Disember 2019**

Lawatan tapak projek pembangunan Rantaian Kluster Koko di Ranau, Sabah telah diadakan dari 10 hingga 12 Disember 2019 bertujuan untuk memantau status pembangunan projek ini dan mengenalpasti masalah-masalah berkaitan yang boleh merencatkan perjalanan projek. Rantaian Kluster Koko dibangunkan untuk melaksanakan aktiviti berkonsepkan 'Farms to Table' iaitu segala aktiviti berasaskan koko yang bermula daripada peringkat nurseri koko kepada penghasilan produk akhir koko (coklat) di tempat atau tapak kluster koko itu sendiri. Lawatan ini turut dihadiri oleh wakil daripada Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR Sarawak) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan Negeri Sarawak (ICU Sarawak).



Lawatan Tapak Projek Pembangunan Rantaian Kluster Koko, Ranau
dari 10 hingga 12 Disember 2019

KOMODITI LADA

1. Prestasi Komoditi Lada Pada Tahun 2019



DESTINASI EKSPORT LADA MALAYSIA



Jepun



China



Taiwan



Vietnam



Korea Selatan




Singapura

Sumber : Commodities Fact Sheet Q2/2020 (Kemaskini 25 Ogos 2020),
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK)

2. Trend Harga Pasaran

Komoditi lada hitam dan lada putih pernah merekodkan harga tertinggi sebanyak **RM9,365** dan **RM15,756** se tan pada bulan Januari hingga Mac 2019. Ketidakstabilan harga lada di Malaysia dipengaruhi oleh pengeluaran lada global yang melebihi permintaan yang menyebabkan kejatuhan harga lada dunia.



Trend Harga Bulanan Lada Bagi Tempoh Januari Hingga Disember 2019 (RM/Tan)

Sumber: Lembaga Lada Malaysia (MPB)

3. Prestasi Eksport

Pada tahun 2019, jumlah eksport lada adalah sebanyak **RM145.54 juta** di mana Jepun merupakan destinasi eksport utama iaitu sebanyak 41.45% atau RM60.33 juta. Selain itu, nilai eksport ini mencatatkan penurunan sebanyak 27.57% daripada **RM200.95 juta** yang direkodkan pada tahun 2018.

Produk	2018 ('000T)	2019 ('000T)
Lada Hitam	9.88	8.29
Lada Putih	1.78	1.50
Lada Hijau	0.05	0.03
Jumlah	200.95	145.54

Nilai Eksport Lada (RM'000) (Cantikkan jadual)

Sumber: Department of Statistics Malaysia (DOSM)

Berdasarkan laporan *International Pepper Community* (IPC), jumlah pengeluaran lada dari negara-negara pengeluar utama yang direkodkan pada tahun 2019 adalah **sebanyak 601,886 tan** dan mencatatkan peningkatan 6.87% berbanding **563,179 tan** yang direkodkan pada tahun 2018. Walaupun terdapat peningkatan dalam pengeluaran stok lada, namun masih terdapat lebih bekalan lada dunia sebanyak **390,885 tan** di pasaran global yang disebabkan oleh penggunaan yang rendah terhadap lada dunia pada tahun 2019 yang dianggarkan sebanyak **211,355 tan**, peningkatan **sebanyak 33,511 tan** berbanding pada tahun sebelumnya.

Tahun	Pengeluaran	Penggunaan	Lebihan
2018	563,179	208,805	354,374
2019	601,886	211,355	390,885

Pengeluaran dan Penggunaan Lada Dunia (tan)

Nota: ^a anggaran

Sumber: *International Pepper Community* (IPC)

4. Destinasi Utama Eksport Lada Malaysia Pada Tahun 2019



Negara	Peratus (%)	Kuantiti ('000 T)	Nilai (RM juta)
Jepun	41.45	3.60	60.33
China	18.38	1.99	26.75
Taiwan	9.23	1.17	13.43
Vietnam	6.30	0.82	9.17
Korea Selatan	6.09	0.64	8.86
Singapura	5.50	0.55	8.01
Thailand	3.34	0.15	4.86
Lain-lain	9.71	0.90	14.13
Jumlah	100	7.01	145.54

Sumber: Department of Statistics Malaysia (DOSM)

5. Persidangan Dan Mesyuarat Antarabangsa

Kementerian Industri Utama (MPI) melalui Lembaga Lada Malaysia (MPB) juga terlibat secara aktif dalam mesyuarat di peringkat antarabangsa pada tahun 2019 yang membincangkan perkembangan semasa industri lada di negara-negara pengeluar utama. Antara mesyuarat antarabangsa yang khususnya MPI menyertai sepanjang tahun 2019 adalah mesyuarat anjuran *International Pepper Community* (IPC).

i. *The 8th Meeting of The IPC Committee On R&D*

MPI menghadiri mesyuarat *IPC Committee On R&D* yang ke-8 yang diadakan lada pada 2 hingga 3 Mei 2019 di MPB, Kuching. Hasil perbincangan yang telah dicapai dalam mesyuarat ini adalah seperti berikut:

- (a) kolaborasi antara negara-negara ahli dalam menyelesaikan masalah berkaitan amalan penanaman lada yang merangkumi pembangunan teknologi lada baharu dan penerapan inovasi bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti tanaman lada melalui R&D;
- (b) pengemaskinian maklumat mengenai kaedah baru kawalan penyakit dan perosak utama lada dan amalan penanaman lada di Malaysia sebagai salah satu sumbangan yang akan diterbitkan dalam buku '*IPC Book on GAP*' dan '*IPC Book on Disease and Pests for Black Pepper*';
- (c) penubuhan pembangunan pangkalan data racun perosak yang dibenarkan dalam lada hitam dan lada putih mengikut *Maximum*

- Residue Limits* (MRLs) yang telah ditetapkan berpandukan kepada Akta Makanan 1983, Lembaga Racun Perosak;
- (d) pengemaskinian kandungan *IPC Farmer Apps* yang telah diwujudkan oleh IPC untuk berkongsi maklumat/data mengenai industri lada dunia; dan
 - (e) cadangan memilih India sebagai tuan rumah bagi Mesyuarat *IPC Committee on R&D* ke-9 yang akan diadakan pada tahun 2020.



The 8th Meeting of The IPC Committee On R&D dari 2 hingga 3 Mei 2019 di Ibu Pejabat Lembaga Lada Malaysia, Kuching, Sarawak

ii. ***The 2nd Meeting of The IPC Technical Training On Quality***

The 2nd Meeting Of The IPC Technical Training On Quality merupakan latihan yang diadakan dengan bertujuan untuk memberikan panduan dan kaedah dalam menghasilkan lada yang lebih berkualiti untuk dipasarkan dan memenuhi kehendak pasaran antarabangsa. Selain itu, latihan ini juga diadakan untuk mendapatkan perkembangan trend kualiti dan piawaian bagi tujuan penambahbaikan kualiti lada yang sedia ada.



The 2nd Meeting of The IPC Technical Training On Quality dari 18 hingga 19 Jun 2019 di Ho Chi Minh City, Vietnam

iii. *The 5th Meeting Of The IPC Committee On Marketing*

Mesyuarat *IPC Committee On Marketing* yang ke-5 diadakan adalah bertujuan untuk membincangkan perkara dan tindakan negara-negara ahli dalam memperkukuhkan kerjasama dan memberi khidmat nasihat dalam aktiviti perdagangan dan pemasaran produk berasaskan lada. Selain itu juga, mesyuarat ini merupakan salah satu platform terbaik bagi Malaysia untuk berkongsi cara dan maklumat dalam mempromosikan lada keluaran negara masing-masing di pasaran tempatan dan antarabangsa.



The 5th Meeting Of The IPC Committee On Marketing pada 11 Julai 2019 di Kochi, India

iv. *The 25th Meeting of The IPC Committee On Quality*

Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan perkara dan tindakan negara-negara ahli dalam memperkukuhkan kerjasama di samping menyuarakan pendapat dan idea mengenai *trend* dan piawaian kualiti lada dunia. Selain itu, mesyuarat ini juga merupakan platform terbaik bagi Malaysia, selaku ahli Jawatankuasa Kualiti IPC untuk berkongsi cara dan maklumat terkini dalam perkembangan teknologi dunia berkaitan kualiti lada bersama negara-negara pengeluar lada yang lain bagi memastikan kualiti yang dikeluarkan dapat memenuhi kehendak pasaran semasa.



The 25th Meeting of The IPC Committee On Quality dari 27 hingga 28 Ogos 2019 di Ho Chi Minh City, Vietnam

v. *The 47th Annual Session and Meetings of International Pepper Community Quality*

Mesyuarat IPC ke-47 ini merupakan platform terbaik bagi negara-negara anggota khususnya Malaysia, selaku ahli penuh IPC untuk membincangkan masalah berkaitan komoditi lada serta berkongsi maklumat terkini dalam pembangunan teknologi berkaitan kualiti lada bagi memastikan kualiti yang dikeluarkan dapat memenuhi kehendak pasaran semasa. Selain itu, mesyuarat ini juga membincangkan hal-hal berkaitan ekonomi lada khususnya statistik pengeluaran semasa, penggunaan domestik, eksport dan import serta masalah berkaitan komoditi lada.



YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong, Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama mengetuai delegasi Malaysia ke The 47th Annual Session And Meetings of International Pepper Community Quality dari 27 hingga 28 Ogos 2019 di Vung Tau City, Vietnam

6. Misi Ekonomi Dan Teknikal

Kementerian Industri Utama juga menyertai misi ekonomi dan teknikal dalam usaha meluaskan pasaran produk-produk lada selain memperkukuhkan hubungan dua hala di beberapa buah negara. YB Puan Teresa Kok, Menteri Industri Utama telah mengadakan lawatan kerja dan misi promosi komoditi sawit dan lada ke Shenzen dan Guangzhou, China dari 17 hingga 21 Oktober 2019. Lawatan kerja dan misi ini bertujuan untuk mempromosikan minyak sawit merah dan lada Sarawak kepada pelabur yang berpotensi di negara China memandangkan China adalah destinasi eksport lada kedua negara dengan nilai eksport sebanyak RM21.82 juta.



YB Puan Teresa Kok, Menteri Industri Utama mengetuai lawatan kerja dan misi promosi komoditi sawit serta lada ke Shenzen dan Guangzhou, China dari 17 hingga 21 Oktober 2019

7. Promosi Produk Lada

i. Promosi Produk Lada Di Dalam Negara

Dalam usaha memperluaskan pasaran dalam negara serta memberi kesedaran kepada pengguna terhadap produk lada keluaran Malaysia, MPI telah mempergiatkan pelbagai promosi di dalam negara. Tujuannya adalah untuk meningkatkan permintaan lada di dalam negara dan mengurangkan pergantungan kepada pasaran eksport. Antara pameran dan ekspso yang telah disertai sepanjang tahun 2019 adalah:

- (a) Malaysia Halal Expo 2019 pada 24 hingga 26 Januari 2019 di Kuala Lumpur *Convention Centre*;
- (b) Pameran Produk Komoditi pada 24 hingga 25 Jun 2019 di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor;

- (c) Program Sayangi Komoditiku pada 3 Julai 2019 di UTeM, Melaka;
- (d) *Sarawak Export Day* pada 5 hingga 6 September 2019 di Hotel Pullman Kuching, Sarawak;
- (e) Program Sayangi Komoditiku pada 17 September 2019 di UiTM Mukah, Kuching; dan
- (f) *Putrajaya Open Day@MPI* pada 5 Oktober 2019 di Kementerian Industri Utama (MPI), Putrajaya

ii. Promosi Produk Lada Di Luar Negara

Bagi mempergiatkan usaha untuk meningkatkan eksport lada dan produk-produk lada Malaysia ke negara-negara pengguna, MPI juga menyertai promosi-promosi luar negara. Berikut merupakan promosi luar negara yang disertai oleh MPI:

- (a) *5th Halal Trade Expo Korea (HTEK) 2019* pada 1-3 Ogos 2019 di Seoul, Korea Selatan; dan
- (b) *Sarawak-Singapore Business Forum & Expo (SSBF&E 2019)* pada 16 Ogos 2019 di Singapura

8. Seminar, Lawatan Kerja dan Bengkel

i. Seminar Penggiat Industri Lada Bahagian Sibul

Seminar Penggiat Industri Lada Bahagian Sibul yang diadakan pada 26 April 2019 di Kanowit, Sarawak bertujuan untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan yang lebih mendalam mengenai penanaman lada kepada pekebun dan penggiat industri lada. Selain itu, melalui program ini para peserta dapat berinteraksi secara langsung dengan pegawai-pegawai kanan MPB melalui sesi soal jawab dan seminar yang akan dianjurkan. Pihak MPB juga dapat memberikan maklumat yang tepat dan terkini berkaitan penanaman dan penyelenggaraan kebun lada agar lebih ekonomik dan produktif. Seminar ini telah dihadiri oleh YBr. Encik Ravi Muthayah, Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi), Kementerian Industri Utama.



YBrs. Encik Ravi Muthayah, Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi), Kementerian Industri Utama menyertai Seminar Penggiat Industri Lada Bahagian Sibu yang diadakan pada 26 April 2019 di Kanowit, Sarawak

ii. Lawatan Kerja Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama

Lawatan kerja YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong, Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama ke Ibu Pejabat Lembaga Lada Malaysia (MPB) di Kuching, Sarawak telah diadakan pada 28 Jun 2019. Lawatan ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan yang lebih mendalam kepada YB Menteri mengenai fungsi dan peranan MPB kepada industri lada negara. Selain itu, lawatan ini juga dapat memberi peluang kepada warga kerja MPB untuk beramah mesra dengan YBhg. Dato' Dr. KSU dan seterusnya memantapkan lagi hubungan dan rangkaian kerja di antara Kementerian dan agensi. YBhg. Dato' Dr. KSU diiringi oleh Puan Kanagadevi Pachiappan, Setiausaha Bahagian Pembangunan Industri Koko dan Lada.



Lawatan kerja YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong, Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama ke Ibu Pejabat Lembaga Lada Malaysia di Kuching, Sarawak pada 28 Jun 2019

iii. Bengkel Pemurnian Data

Bengkel Pemurnian Data Lembaga Lada Malaysia telah diadakan pada 8 hingga 9 Julai 2019 di *Islamic Information Center (IIC)*, Kuching, Sarawak. Bengkel ini bertujuan untuk memastikan kesahihan dan ketepatan data agensi yang disalurkan kepada Kementerian. Hal ini dapat membantu pihak pengurusan Kementerian untuk membuat keputusan dan menyampaikan maklumat yang berintegriti dan dipercayai apabila diperlukan dari semasa ke semasa. Selain itu, data di peringkat agensi dan Kementerian dapat diselaraskan dan dapat mengelakkan data *discrepancy* yang boleh menimbulkan kekeliruan umum serta memastikan data sentiasa dikemas kini secara berkala mengikut *Standard Operating Procedure (SOP)* yang ditetapkan.



Bengkel Pemurnian Data Lembaga Lada Malaysia pada 8 hingga 9 Julai 2019 di *Islamic Information Center (IIC)*, Kuching, Sarawak.

iv. Sesi Dialog Bersama Penanam Lada Sibuh Tahun 2019

Sesi Dialog Bersama Penanam Lada Sibuh Tahun 2019 telah diadakan pada 19 Ogos 2019 di Hotel Premier Sibuh, Sarawak. Sesi ini dijalankan bertujuan untuk mendekati dan mengenali para penggiat industri lada, pekebun, pengeksport, pelabur, usahawan yang berperanan secara langsung menghidupkan industri lada negara melalui aktiviti penanaman, perdagangan serta keusahawanan. Sesi ini juga menjadi platform kepada pemegang taruh dan penggiat industri lada untuk berkongsi input, pandangan serta aspirasi dalam membangunkan industri lada negara di Malaysia.



Sesi Dialog Bersama Penanam Lada Sibuan Tahun 2019 pada 19 Ogos 2019 di Hotel Premier Sibuan, Sarawak

v. **12th Malaysian Plan Focus Group Discussion for Technical Working Group (TWG)-Pepper Industry**

12th Malaysian Plan Focus Group Discussion For Technical Working Group (TWG)-Pepper Industry telah diadakan pada 21 dan 22 Ogos 2019 di Hotel Shaftsbury Stellar, Putrajaya. Bengkel ini dilaksanakan bertujuan untuk menyediakan dokumen kertas strategi bertajuk ***Delivering Economic and Social Prosperity Through Agricomodity*** sebagai panduan dalam menetapkan hala tuju industri komoditi negara di bawah RMKe-12 termasuk komoditi lada di samping menyedia dan mengumpul pandangan dan idea baharu daripada peneraju-peneraju utama dan pakar-pakar industri lada daripada sektor awam dan swasta bagi memacu hala tuju dan visi untuk kemajuan pembangunan industri ini.



12th Malaysian Plan Focus Group Discussion For Technical Working Group (TWG)-Pepper Industry pada 21 hingga 22 Ogos 2019, di Hotel Shaftsbury Stellar, Putrajaya

vi. Lawatan Kerja YB Menteri Industri Utama Ke Ibu Pejabat Lembaga Lada Malaysia Di Kuching, Sarawak

Lawatan kerja YB Puan Terasa Kok, Menteri Industri Utama ke Lembaga Lada Malaysia (MPB) di Kuching, Sarawak telah diadakan pada 17 September 2019 diiringi oleh Encik Ravi Muthayah, Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi). Lawatan ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan yang lebih mendalam kepada YB Menteri mengenai fungsi dan peranan MPB kepada industri lada negara. Selain itu, lawatan ini juga dapat memberi peluang kepada warga kerja MPB untuk beramah mesra dengan YB Menteri dan seterusnya memantapkan lagi hubungan dan rangkaian kerja di antara Kementerian dan agensi.



YB Puan Terasa Kok, Menteri Industri Utama ke lawatan kerja Ibu Pejabat Lembaga Lada Malaysia di Kuching, Sarawak pada 17 September 2019

vii. Sesi Retreat Lembaga Lada Malaysia Tahun 2019

Sesi *Retreat* Lembaga Lada Malaysia (MPB) Tahun 2019 telah diadakan pada 4 dan 5 Oktober 2019 di Hotel UCSI, Kuching, Sarawak. Sesi ini dijalankan bertujuan untuk membuat kajian semula terhadap hala tuju dan dasar agensi agar ia selari dengan visi dan misi Kementerian ini. Program ini juga akan dapat memberi peluang kepada pegawai-pegawai MPB terlibat secara aktif dengan memberikan pandangan dan idea untuk memastikan penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat pada tahap terbaik. Penekanan terhadap *Sustainable Development Goal* (SDG) juga dititikberatkan dalam sesi ini bagi memastikan agensi kekal relevan sebagai agensi utama dan menjadi peneraju dalam industri lada negara.



Sesi Retreat Lembaga Lada Malaysia Tahun 2019
pada 4 dan 5 Oktober 2019 di Hotel UCSI, Kuching, Sarawak

viii. Sesi Sumbang Saran (Brainstorming) dan Libat Urus (Engagement) bersama Lembaga Lada Malaysia pada 24 Oktober 2019

Sesi Sumbang Saran (Brainstorming) dan Libat Urus (Engagement) bersama Lembaga Lada Malaysia (MPB) telah diadakan pada 24 Oktober 2019 di Hotel Dorsett, Putrajaya. Sesi *Brainstorming* ini dilaksanakan bertujuan mendapatkan maklumat asas dan pandangan serta cadangan MPB dalam usaha menetapkan hala tuju baharu agensi ini. Selain itu, fungsi, peranan dan struktur MPB semasa serta sumber yang diperuntukkan merangkumi sumber manusia, kewangan, aset dan lain-lain akan dibincangkan dan ditambah baik untuk memastikan agensi kekal relevan dalam menerajui industri lada negara.



Sesi Sumbang Saran (Brainstorming) dan Libat Urus (Engagement)
bersama Lembaga Lada Malaysia pada 24 Oktober 2019
di Hotel Dorsett, Putrajaya

ix. Seminar Penggiat Industri Lada Bahagian Sarikei

Seminar Penggiat Industri Lada Bahagian Sarikei yang diadakan pada 30 November 2019 di Dewan Sri Nyilong, Sarikei, Sarawak bertujuan untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan yang lebih mendalam mengenai penanaman lada kepada pekebun dan penggiat industri lada. Selain itu, melalui program ini para peserta dapat berinteraksi secara langsung dengan pegawai-pegawai kanan MPB melalui sesi soal jawab dan seminar yang dianjurkan. Pihak MPB juga dapat memberikan maklumat yang tepat dan terkini berkaitan penanaman dan penyelenggaraan kebun lada agar lebih ekonomik dan produktif. Seminar ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Larry Sng Wei Shien, Pengerusi Lembaga Lada Malaysia.



Seminar Penggiat Industri Lada Bahagian Sarikei, pada 30 November 2019 di Dewan Sri Nyilong, Sarikei, Sarawak

x. Lawatan Tapak Projek Pembangunan Pusat Industri Lada Negara (PILN)

Lawatan tapak projek pembangunan Pusat Industri Lada Negara (PILN) telah diadakan pada 11 Disember 2019. Lawatan ini bertujuan untuk memantau status pembangunan projek ini dan mengenal pasti masalah-masalah berkaitan yang boleh merencatkan perjalanan projek. Lawatan ini turut dihadiri oleh wakil daripada Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR Sarawak) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan Negeri Sarawak (ICU Sarawak).



Lawatan tapak projek pembangunan Pusat Industri Lada Negara (PILN)
pada 11 Disember 2019

The image is a vibrant collage representing the business and financial sectors. In the upper left, there's a computer monitor displaying a line graph with fluctuating data points. Below it, a globe is shown with a hand pointing to a specific region. The bottom half of the image features a bar chart with several vertical bars of varying heights, each topped with a white arrow pointing upwards, symbolizing growth and progress. The overall color palette is dominated by reds, oranges, and purples, with a white background in the upper right corner. The text 'PENCAPAIAN SEKTOR PENGURUSAN' is prominently displayed in the center in a bold, white, sans-serif font with a slight shadow effect.

PENCAPAIAN SEKTOR PENGURUSAN

PERANCANGAN DASAR DAN ANTARABANGSA

PENCAPAIAN SEKTOR AGRIKOMODITI PADA TAHUN 2019

1. PENDAPATAN EKSPORT SEKTOR AGRIKOMODITI

Sektor agrikomoditi telah mencatatkan jumlah nilai dagangan sebanyak RM164.9 bilion dengan lebihan imbangan dagangan direkodkan sebanyak RM86.2 bilion.

Pendapatan eksport produk-produk agrikomoditi pada tahun 2019 adalah sebanyak RM125.6 bilion atau 12.7% daripada keseluruhan pendapatan eksport negara. Nilai ia menurun sebanyak 1.8% berbanding RM127.9 bilion pada tahun 2018 berikutan kejatuhan harga-harga agrikomoditi seperti harga purata minyak sawit mentah (CPO) dan getah asli (SMR20).

Eksport produk-produk agrikomoditi ke 10 negara rakan dagangan utama pada tahun 2019 adalah berjumlah RM89.8 bilion atau 71.5% daripada jumlah eksport barangan agrikomoditi. Nilai eksport meningkat sebanyak 3.7%. 10 negara rakan dagangan utama produk-produk agrikomoditi adalah:

- i. Kesatuan Eropah
RM18.7 bilion (14.9 % syer pasaran);
- ii. China
RM17.1 bilion (13.6 %);
- iii. Amerika Syarikat
RM16.3 bilion (13.0 %);

- iv. India
RM11.7 bilion (9.3 %);
- v. Jepun
RM8.4 bilion (6.7 %);
- vi. Singapura
RM5.5 bilion (4.4 %);
- vii. Turki
RM3.3 bilion (2.6 %);
- viii. Korea Selatan
RM3.3 bilion (2.6 %);
- ix. Filipina
RM3.0 bilion (2.4 %); dan
- x. Pakistan
RM2.6 bilion (2.1 %).

Infografik adalah seperti di **Lampiran 1**.

2. SUMBANGAN KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (KDNK)

Pada tahun 2019, sektor agrikomoditi yang meliputi aktiviti di peringkat hulu (*upstream*) dan hiliran (*downstream*) telah merekodkan jumlah KDNK sebanyak RM86.49 bilion, peningkatan sebanyak 1.58% berbanding tahun 2018. Sektor agrikomoditi menyumbang sebanyak 6.08% kepada jumlah keseluruhan KDNK Negara.


Sektor pertanian mencatatkan nilai KDNK sebanyak RM101.29 bilion

pada tahun 2019. Daripada jumlah ini, subsektor sawit di peringkat hulu merupakan penyumbang terbesar dengan nilai sebanyak RM38.24 bilion atau 37.75% daripada jumlah KDNK sektor pertanian. KDNK sektor pembuatan pula adalah sebanyak RM316.36 bilion. Industri berasaskan sawit di peringkat hiliran menyumbang sebanyak RM11.77 bilion atau 3.72%. Infografik adalah seperti di **Lampiran 2**.

3. KELUASAN TANAMAN AGRIKOMODITI

Pada tahun 2019, keluasan tanaman agrikomoditi adalah seluas 7.05 juta hektar. Jumlah keluasan ini adalah 21.33% daripada jumlah keseluruhan guna tanah negara iaitu seluas 33.05 juta hektar seperti di rajah di bawah.

JUMLAH KELUASAN TANAMAN AGRIKOMODITI 7 JUTA HEKTAR



4. STATISTIK PEKEBUN KECIL PERSendirian

Pada tahun 2019, terdapat seramai 743,604 orang pekebun kecil persendirian yang mengusahakan tanaman agrikomoditi dengan keluasan tanaman seluas 1.76 juta hektar atau 24.98% daripada jumlah keluasan tanaman agrikomoditi. Infografik taburan pekebun kecil persendirian adalah seperti di **Lampiran 3**.

5. STAKEHOLDERS CONSULTATION BERSAMA YAB MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI DI SETIAP NEGERI YANG DIKETUAI OLEH YB PUAN TERESA KOK SUH KIM DAN YB DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN

Sektor agrikomoditi yang merangkumi komoditi sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada dan kenaf merupakan penyumbang utama dalam pertumbuhan ekonomi Negara terutamanya pembangunan ekonomi luar bandar melalui pelaksanaan program dan aktiviti di peringkat hulu dan hiliran. Menyedari akan peranan dan kepentingan industri agrikomoditi ini, Kementerian ini telah mengadakan beberapa siri lawatan dan sesi konsultasi ke negeri-negeri bagi menyampaikan inisiatif-inisiatif bagi memperkasakan industri agrikomoditi dan pada masa yang

sama menyelesaikan isu-isu yang berbangkit di peringkat negeri.


Daripada Januari hingga Disember 2019, sebanyak enam sesi yang diketuai oleh YB Menteri dan YB Timbalan Menteri telah diadakan seperti berikut:

Bil	Negeri	Tarikh
1.	Sabah	30 Mac hingga 2 April 2019
2.	Sarawak	17-18 September 2019
3.	Selangor	7 Oktober 2019
4.	Pahang	5 November 2019
5.	Kelantan	2 Disember 2019
6.	Negeri Sembilan	6 Disember 2019

Program-program yang telah dijalankan semasa sesi tersebut adalah merangkumi pertemuan YB Menteri/ YB Timbalan Menteri dengan YAB Menteri Besar/ Ketua Menteri, Program Kempen Sayangi Sawitku, Dialog bersama Pengusaha Sawit dan program-program agrikomoditi yang lain (Bio Bahan Api, Kayu, Getah, Koko, Lada dan Kenaf)

Bagi Sesi pertemuan YB Menteri/ YB Timbalan Menteri dengan YAB Menteri Besar/ Ketua Menteri, isu-isu yang dibincangkan antaranya adalah pelaksanaan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan (MSPO), Insentif Pengeluaran Getah (IPG), program-program pembangunan komoditi

koko dan lada serta isu-isu berkaitan industri kayu-kayan di Sarawak dan Sabah. Melalui sesi pertemuan berkenaan, hubungan dan kerjasama erat antara Kementerian dan Kerajaan Negeri dapat terus diperkukuhkan demi memastikan pertumbuhan industri perladangan dan agrikomoditi di negeri-negeri khususnya serta Malaysia amnya dapat dipertingkatkan untuk terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.



Sesi pertemuan YB Menteri dengan YAB Ketua Menteri Sabah pada 30 Mac - 2 April 2019





Sesi pertemuan YB Menteri dengan YAB Ketua Menteri Sarawak pada 17-18 September 2019



Sesi pertemuan YB Menteri dengan YAB Menteri Besar Pahang pada 5 November 2019

6. UNITED NATIONS CLIMATE CHANGE CONFERENCE

Pada tahun 2019, wakil Kementerian bersama-sama wakil Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah menyertai delegasi Malaysia ke *United Nations (UN) Climate Change Conference* yang diadakan pada 17 hingga 27 Jun 2019 di Bonn, Jerman (persidangan pertama 2019) dan pada 2 hingga 13 Disember di Madrid, Sepanyol (persidangan kedua 2019). *UN Climate Change Conference* adalah persidangan yang diadakan oleh *United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC)* khusus untuk merunding, membincang dan memantau perkembangan dan kemajuan bagi perkara-perkara berkaitan mitigasi dan adaptasi perubahan iklim oleh negara-negara anggota Konvensyen berkenaan. Penglibatan wakil Kementerian dan MPOB dalam persidangan ini adalah bagi membincang dan merundingkan agenda berkaitan *Koronivia Joint Work on Agriculture (KJWA)*. KJWA adalah satu-satunya agenda yang membincangkan isu-isu perubahan iklim dalam sektor pertanian secara eksklusif dalam *UN Climate Change Conference*. Melalui KJWA, isu-isu perubahan iklim yang kritikal berkaitan sektor pertanian dikenal pasti melalui pelaksanaan bengkel, mesyuarat dan kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan di bawah Konvensyen dengan memberikan fokus kepada keterancaman sektor pertanian terhadap perubahan iklim serta langkah-langkah untuk mengatasi isu-isu berkaitan *food security*. Semasa

kedua-dua persidangan ini, isu berkaitan *methods and approaches for adaptation, adaptation co-benefits and resilience of agriculture sector; improved soil health and fertility for grassland and cropland; dan improved nutrient use and manure management towards sustainable and resilient agricultural systems* telah dibincang dan dirundingkan di kalangan negara-negara anggota UNFCCC.



Sebahagian delegasi Malaysia ke Persidangan di Bonn, Jerman pada 17 hingga 27 Jun 2019 yang turut disertai oleh wakil Kementerian dan MPOB



Wakil Kementerian dan MPOB ke Persidangan di Bonn, Jerman pada 17 hingga 27 Jun 2019

7. PERJANJIAN PERDAGANGAN BEBAS (FTA)

Latar Belakang

Rundingan-rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) diketuai oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Delegasi Malaysia turut melibatkan Kementerian atau Jabatan yang berkaitan dengan bidang-bidang tertentu yang dirundingkan. Kementerian ini terlibat secara aktif dalam rundingan FTA bagi menjaga dan memelihara kepentingan perdagangan produk-produk agrikomoditi Negara. Penglibatan Kementerian dalam kumpulan-kumpulan kerja adalah seperti berikut:

Trade in Goods (TIG)/Market Access (MA)

- Kumpulan kerja mengenai liberalisasi perdagangan barangan, antara lain dari segi pengurangan / penghapusan duti import / eksport dan *Tariff Rate Quota*, penghapusan halangan bukan tarif dan subsidi; dan
- Rundingan di bawah TIG melibatkan dua bahagian iaitu Jadual Pengurangan Tarif dan teks perundangan.

Peraturan Tempasal/Rules of Origins (ROO)

- Kumpulan kerja bagi penetapan peraturan tempasal sesuatu

produk supaya produk berkenaan menerima pengurangan tarif di bawah FTA yang ditandatangani;

- Peraturan Tempasal bagi sesuatu produk boleh dikira sama ada melalui kandungan bahan tempatan (*regional value content*) atau perubahan proses yang dikenal pasti melalui perubahan kod HS (*Change in Tariff Classification*); dan
- Rundingan bawah ROO melibatkan dua bahagian iaitu Jadual *Product Specified Rules* (PSR) dan teks perundangan.

Kelestarian (*Sustainability*)

- Kumpulan kerja kelestarian merundingkan jenis kerjasama yang berhubung kait dengan perdagangan dan kelestarian dalam FTA selain peranan perdagangan untuk membantu memelihara dan meningkatkan kesedaran masyarakat berhubung isu kelestarian.

Status FTA

- Sebanyak 13 FTA telah ditandatangani oleh Malaysia sehingga tahun 2018, dengan 7 perjanjian di peringkat dua hala (*bilateral*) dan 6 perjanjian di peringkat pelbagai hala (*multilateral*)
- Rundingan sedang dijalankan bagi FTA berikut:

- (i) *Malaysia-European Free Trade Area Economic Partnership Agreement* (MEEPA)

Jemaah menteri telah bersetuju untuk menyambung semula rundingan MEEPA yang telah tertangguh sejak tahun 2017. Rundingan akan datang dijangka akan dimulakan pada tahun 2020.

- (ii) *Malaysia-Korea Free Trade Agreement*

Jemaah Menteri telah bersetuju untuk mengadakan perjanjian perdagangan dua hala dengan Korea (Korea Selatan) bermula bulan Jun 2019. Walau bagaimanapun, susulan permintaan kedua-dua pihak tidak dapat dipenuhi kerana melibatkan isu sensitif negara. FTA ini telah ditangguhkan sehingga dimaklumkan kelak.

- (iii) *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP)

- o RCEP adalah perjanjian bagi pembentukan sebuah kawasan perdagangan bebas yang melibatkan 10 buah negara anggota ASEAN dan 6 buah negara rakan dagang ASEAN iaitu China, India, Jepun, Korea Selatan, Australia dan New Zealand.

- o Jumlah eksport agrikomoditi ke negara RCEP bagi tahun 2019 (tidak termasuk India) adalah sebanyak RM48.0 bilion dengan jumlah eksport tertinggi ke China diikuti Jepun.
- o Sehingga akhir tahun 2019, sebanyak 28 pusingan rundingan RCEP telah diadakan.
- o Beberapa kumpulan kerja di bawah RCEP telah berjaya dimuktamadkan tahun ini. Sasaran RCEP adalah untuk menyelesaikan rundingan pada Februari 2020.
- o Semasa *RCEP Leaders Summit* pada 4 November 2019, India telah keluar daripada perjanjian RCEP. India berpandangan struktur semasa RCEP tidak menyelesaikan atau menengahkan isu dan kebimbangan India.

8. KEANGGOTAAN SEKTOR AGRIKOMODITI MALAYSIA DALAM BADAN-BADAN ANTARABANGSA

Common Fund for Commodities (CFC)

- *Common Fund for Commodities (CFC)* adalah sebuah institusi kewangan di bawah rangka kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) yang ditubuhkan pada tahun 1980 dan mula beroperasi pada tahun 1989 dengan keanggotaan sebanyak 101 buah negara ahli dan 9 buah institusi.
- Objektif CFC adalah untuk menambah baik pembangunan sosio-ekonomi pengeluar-pengeluar komoditi dan memfokuskan kepada penghasilan komoditi, pemprosesan, perkilangan dan perdagangan bagi memanfaatkan golongan miskin / kurang berkemampuan. Perkara ini direalisasikan melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti berkaitan dan sumbangan dana sukarela dan *capital subscription* yang disalurkan oleh negara-negara ahli.
- Majlis Gabenor (*Governing Council*) adalah badan tertinggi yang membuat keputusan bagi CFC. Semua negara ahli menganggotai Majlis Gabenor dengan gelaran jawatan sebagai Gabenor CFC. Malaysia diwakili oleh Ketua Setiausaha Kementerian sebagai *Governor* dan Setiausaha Bahagian Kanan, Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa sebagai *Alternate Governor*.
- Negara-negara ahli CFC dibahagikan mengikut Konstituensi. Terdapat 24 buah Konstituensi dalam CFC. Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea dan Singapura diletakkan di bawah Konstituensi 22. Malaysia dan Indonesia yang merupakan dua buah negara pengeluar komoditi terbesar dalam Konstituensi ini mempunyai jumlah undi yang terbesar dan bergilir-gilir menyandang

jawatan *Executive Director* (ED) dan *Alternate Executive Director* (AED) setiap dua tahun. Kini, Malaysia memegang jawatan sebagai AED dan Indonesia sebagai ED bagi tahun 2020 hingga 2021.

- Bagi membolehkan peranan CFC selari dengan perubahan semasa, pindaan terhadap Perjanjian Penubuhan CFC telah dibuat bagi memperkukuhkan lagi fungsi dan objektif CFC. Pindaan ini sepatutnya dijadualkan untuk dikuatkuasakan pada 10 Januari 2020 di atas permintaan dan kekangan beberapa negara ahli.

9. PROGRAM PEMUKIMAN 2019 KEMENTERIAN

- Program Pemukiman 2019 Kementerian telah diadakan pada 4 hingga 6 Januari 2019 bertempat di Avillion Port Dickson, Port Dickson, Negeri Sembilan.
- Seramai 58 orang peserta telah menghadiri Program Pemukiman 2019 yang terdiri daripada Anggota Pentadbiran, Pengurusan Tertinggi, Setiausaha Bahagian/Ketua Unit serta pegawai-pegawai Kementerian. Selain dari pegawai-pegawai Kementerian, Pemukiman 2019 turut dihadiri oleh Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah, Ketua Pengarah dan Pegawai-pegawai kanan

Agensi dan Majlis di bawah Kementerian.

- Program Pemukiman 2019 memberi tumpuan kepada perbincangan dan pembentangan mengenai penetapan hala tuju kementerian bagi tahun 2019/2020. Turut diadakan satu sesi taklimat bertajuk *Agricultural Diversification Plan for New Malaysia* yang telah disampaikan oleh Prof Sayed Azzam Ali, Ketua Pegawai Eksekutif, *Crop for the Future Research Centre*. Sesi ini memberi pendedahan mengenai tanaman-tanaman yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai komoditi negara.
- Selain itu, kesemua peserta turut mengikuti aktiviti *One Spirit One Team* bersama YB Menteri dan YB Timbalan Menteri. Aktiviti ini dijalankan bagi memupuk semangat kerja berpasukan di kalangan pegawai dan Pengurusan Tertinggi.





cadangan pihak industri. Input yang diperoleh daripada sesi ini akan membantu Kementerian mengenal pasti strategi dan inisiatif yang diperlukan untuk memudah cara pembangunan industri bagi dipertimbangkan sebagai input Belanjawan 2020 serta perancangan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).



10. KONSULTASI INDUSTRI BERSAMA KEMENTERIAN, 6 DAN 8 OGOS 2019, PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC)

Sesi Konsultasi Industri Bersama Kementerian 2019 (Dialog 2019) telah diadakan pada 6 dan 8 Ogos 2019 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Sesi ini adalah sebuah platform interaksi yang diwujudkan selaras dengan prinsip libat urus awam (*public engagement*) antara Kementerian dengan wakil-wakil industri untuk mendengar dan mendapatkan pandangan dan

Sesi Konsultasi Industri Bersama Kementerian 2019

LAMPIRAN 1



TRADE PERFORMANCE OF AGRICOMMODITY SECTOR JANUARY – DECEMBER 2019



**TOTAL EXPORT
OF COMMODITY PRODUCTS**




**TOTAL IMPORT
OF COMMODITY PRODUCTS**



Source : Department of Statistics, Malaysia
Tabulated by : Ministry of Primary Industries
Note: Sub-totals may not add up exactly to totals due to rounding



LAMPIRAN 2



AGRICOMMODITY SECTOR

GDP of agricommodity sector contracted by 9.1% (y-o-y) to RM21.5 billion mainly due to slow growth in oil palm upstream activities. Agricommodity sector contributed 5.8% to national GDP



Source: Department of Statistics Malaysia (DOSM)
Prepared by: Strategic Planning and International Division, Ministry of Primary Industries (MPI)

[f](#) @MYMPIMalaysia
 [t](#) @my_mpi
 [i](#) @mpi_my
[yt](#) MPI Commodity Channel TV (CCTV MPI)
 <https://www.mpi.gov.my>

LAMPIRAN 3

TABURAN PEKEBUN KECIL PERSENDIRIAN SEKTOR AGRIKOMODITI 2019



Sumber: POPA, IPPK
Jumlah pekebun kecil adalah seramai 743,604 orang dengan keluasan tanaman 1.76 juta hektar
Wilayah Persekutuan – 2,109 orang pekebun kecil dengan keluasan 9 hektar

PENGURUSAN KEWANGAN DAN PENTADBIRAN

Pengenalan

Bahagian Pengurusan Pembangunan dan Kewangan (PPK) terdiri daripada tiga unit utama iaitu Unit Pembangunan, Unit Kewangan dan Unit Pentadbiran. Bahagian ini bertanggungjawab ke atas semua perkara yang berkaitan dengan urusan pembangunan, kewangan dan juga pentadbiran Kementerian bagi memastikan semua urusan tersebut berjalan dengan lancar dan teratur.

1.0 PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN

1.1 Belanja Mengurus


Bagi tahun 2019, MPI telah diluluskan peruntukan belanja mengurus sebanyak RM177,598,600.00 (tetapi mendapat sekatan Peruntukan berjumlah RM11,597,209.00 menjadikan peruntukan kemaskini adalah RM166,001,391.00) berbanding peruntukan kemaskini bagi tahun 2018 sebanyak RM172,884,525.00 iaitu pengurangan sebanyak 3% atau RM6,883,134.00. Perincian peruntukan dan perbelanjaan tahun 2019 mengikut Objek Am adalah seperti berikut:

Jadual 1.1.1 Prestasi Perbelanjaan Mengurus Mengikut Objek Am

KOD	OBJEK AM	PERUNTUKAN (RM)	PERUNTUKAN DIKEMASKINI (RM)	PERBELANJAAN	
				(RM)	PERATUS
10000	Emolumen	23,213,400	20,888,431	20,888,429.88	99.99
20000	Perkhidmatan & Bekalan	18,809,900	12,986,197	12,986,193.90	99.99
30000	Aset	221,000	197,177	197,177.00	100.00
40000	Pemberian & Kenaan Tetap	135,354,300	131,929,586	131,884,268.30	99.97
50000	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	-	-	-	-
JUMLAH		177,598,600	166,001,391	165,956,069.08	99.97

Sumber: MPI

Dari segi prestasi perbelanjaan bagi tahun 2019, sebanyak RM165,956,069.08 atau 99.97% peratus peruntukan telah dibelanjakan. Prestasi ini adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan prestasi perbelanjaan pada tahun 2018 yang mencapai peratus 97.34% disebabkan langkah-langkah mengoptimumkan perbelanjaan dengan penekanan perbelanjaan diberikan kepada program yang memberi kesan pengganda yang tinggi kepada ekonomi pada tahun 2019. Perbandingan prestasi perbelanjaan bagi tahun 2018 dan 2019 adalah seperti berikut:




Rajah 1.1.2 Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Mengurus Tahun 2018 dan 2019

Sumber: MPI

1.2 Belanja Pembangunan

Di bawah belanja pembangunan, MPIC telah diluluskan peruntukan selepas dipinda sebanyak RM325,690,060 pada tahun 2019. Prestasi perbelanjaan bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM319,797,161 (98.19%). Prestasi ini menurun jika dibandingkan dengan tahun 2018 di mana MPIC telah membelanjakan 99.42% daripada jumlah peruntukan yang diluluskan.

Perbandingan prestasi perbelanjaan bagi tahun 2018 dan 2019 adalah seperti berikut:



Rajah 1.2.1 Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Tahun 2018 dan 2019

Sumber: MPIC

Dalam memastikan impak yang segera kepada pembangunan industri komoditi negara, peruntukan pembangunan yang diluluskan telah disalurkan terus kepada Agensi MPOB, LGM, MTIB, LKTN, LKM dan MPB serta Agensi Pelaksana yang lain. Perincian peruntukan mengikut Agensi adalah seperti berikut:

Jadual 1.2.2 Perincian Peruntukan Pembangunan Mengikut Agensi

AGENSI/ PROJEK	PERUNTUKAN (RM)
MPOB	12,050,000
LGM	3,595,000
MTIB	36,580,000
LKTN	17,804,000
LKM	32,318,700
MPB	27,384,500
Pejabat MPIC	23,988,100
<i>High Impact Project (HIP)-Sawit</i>	47,157,600
<i>High Impact Project (HIP)-Getah</i>	124,812,160
JUMLAH	325,690,060

Sumber: MPI

2.0 URUSAN PEMBAYARAN


Sebanyak 2,286 baucar bayaran telah diproses pada tahun 2019 di mana

merangkumi pembayaran bil, tuntutan dan emolumen. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,123 bil (92.87%) telah dibayar dalam tempoh 1 hingga 7 hari, manakala sebanyak 163 bil (7.13%) telah berjaya dibayar dalam tempoh 8 hingga 14 hari. Oleh itu, secara keseluruhannya, 100 peratus bil MPIC telah dibayar dalam tempoh 14 hari sebagaimana ditetapkan.

MPI juga telah melaporkan kedudukan prestasi pembayaran bil bagi Kementerian dan Agensi kepada Jabatan Perdana Menteri pada setiap bulan selaras dengan Arahan Perbendaharaan 103 (a) dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 2006 berkaitan dengan bayaran dalam tempoh tidak melebihi 14 hari dari tarikh penerimaan bil yang lengkap.

Prestasi pembayaran bil sepanjang tahun 2019 adalah seperti jadual berikut:

Prestasi Pembayaran Bil



Rajah 2.0.1 Prestasi Pembayaran Bil Tahun 2019

Sumber: MPI

3.0 PROJEK PEMBANGUNAN DI BAWAH RMKe-11

3.1 Prestasi Pelaksanaan

Pada tahun 2019, sebanyak 73 projek dan program pembangunan telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Keempat Tahun 2019 (RP4, 2019), Rancangan Malaysia KeSebelas (RMKe11) untuk dilaksanakan oleh Pejabat MPIC, MPOB, LGM, LKM, MTIB, LKTN, MPB serta Agensi Pelaksana HIP.

Prestasi perbelanjaan pembangunan MPI mencapai 98.19% perbelanjaan berdasarkan peruntukan untuk tahun berkenaan iaitu seperti di jadual berikut:

Jadual 4.1.1 Prestasi Perbelanjaan Projek dan Program Pembangunan Tahun 2019

AGENSI	BIL PROJEK	PERUNTUKAN 2019	PERBELANJAAN JANM 2019	
Pejabat MPIC	7	23,988,100	22,051,672	91.93
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)	5	12,050,000	12,050,000	100.00
Lembaga Getah Malaysia (LGM)	6	3,595,000	3,595,000	100.00
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)	6	36,580,000	36,580,000	100.00
Lembaga Koko Malaysia (LKM)	17	32,318,700	32,318,700	100.00
Lembaga Tembakau Dan Kenaf Negara (LKTN)	5	17,804,000	17,804,000	100.00
Lembaga Lada Malaysia (MPB)	7	27,384,500	27,384,164	100.00
HIP- Sawit	11	47,157,600	47,157,400	100.00
HIP- Getah	9	124,812,160	120,856,225	96.83
JUMLAH	73	325,690,060	319,797,161	98.19

Sumber: MPI

3.2 Pemantauan Projek

Sepanjang tahun 2019, sebanyak 33 lawatan tapak telah dilaksanakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian dan Bahagian PPK untuk mengenal pasti isu dan masalah yang dihadapi dalam menyempurnakan projek yang diluluskan di samping melihat tahap pencapaian projek tersebut.

Selain itu, pemantauan projek juga dilaksanakan dengan penglibatan pegawai MPIC di mesyuarat pembangunan Agensi. Hasil pemantauan secara fizikal dan laporan semasa khususnya melalui Sistem Pemantauan Projek II (SPPII) dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) setiap bulan.

3.3 Aktiviti Penilaian Inspektorat

Selain pemantauan oleh MPIC, Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) turut membuat pemantauan melalui Penilaian Inspektorat bagi menilai pematuhan terhadap amalan-amalan terbaik pengurusan projek pembangunan yang

dilaksanakan oleh semua Kementerian dan Agensi dengan aktiviti semakan dokumen serta lawatan tapak. Laporan penemuan oleh pihak ICU, JPM telah menunjukkan bahawa MPIC melalui satu (1) projek pembangunannya telah mencapai *Significantly Exceed Target* (ST) dengan memperoleh markah sebanyak 98.5%.

Pecahan markah bagi Aktiviti Penilaian Inspektorat yang diperolehi adalah seperti berikut :

TAJUK PROGRAM/ PROJEK	AGENSI PELAKSANA	MARKAH (Peratus)
Skim Pinjaman Bagi Program Pembangunan Ladang Hutan Bersaiz Besar Dan Sederhana (P)	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)	98.5

Sumber: ICU, JPM

3.4 Penilaian Outcome

Sebanyak lima (5) program/projek pembangunan di bawah RMKe11 yang dikategorikan sebagai Siap Sepenuhnya (SS) telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penilaian Outcome (JKPO) ICU, JPM pada tahun 2019. Sehingga laporan ini disediakan, pihak ICU masih belum memaklumkan keputusan dan pemarkahan bagi projek-projek JKPO yang telah dibentangkan kepada ICU, JPM pada 10 Oktober 2019.

Senarai program/ projek yang dinilai adalah seperti berikut:

TAJUK PROGRAM/ PROJEK	AGENSI PELAKSANA
NKEA Palm Oil & Rubber : (EPP 6) Develop Oleo Derivatives Of Palm Oil (P20940000050002)	Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Program Genom Sawit (2011101054000) (2011101053000)	Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Program Pembangunan Produk Kejuruteraan Kayu (ETP) Sebagai Struktur Di Dalam Sektor Pembinaan (P20112000010001)	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
Perolehan Peralatan & Bahan Penyelidikan Pengurusan Perosak Dan Penyakit Koko Bagi Pengeluaran Produk Biopesticide (P20001001011023)	Lembaga Koko Malaysia
Hip - Tanam Baru Getah Secara Berkelompok (Sabah) - Fasa 1 (P20940000030001)	Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS)

Sumber: ICU, JPM

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

PEMBANGUNAN ORGANISASI

MPI telah melaksanakan fungsi dan peranannya dengan kekuatan 304 perjawatan yang diluluskan di bawah Waran Perjawatan Bilangan E71 Tahun 2018. Perjawatan ini telah membentuk lima (5) Unit di bawah seliaan terus Ketua Setiausaha, lima (5) Bahagian di bawah pengurusan Timbalan Ketua Setiausaha (Perladangan dan Komoditi) serta enam (6) Bahagian di bawah pentadbiran Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan Strategik dan Pengurusan).

Pengisian Perjawatan

Sehingga 29 Februari 2020, sebanyak 272 perjawatan telah diisi iaitu 89.47% dari jumlah keseluruhan perjawatan. Pecahan perjawatan, pengisian dan kekosongan adalah seperti di Jadual 1:

Anggota Pentadbiran	Pengurusan Tertinggi	Pengurusan & Profesional	Pelaksana
Perjawatan: 4	Perjawatan: 6	Perjawatan: 146	Perjawatan: 148
Pengisian: 3	Pengisian: 6	Pengisian: 125	Pengisian: 138
Kekosongan: 1	Kekosongan: 0	Kekosongan: 21	Kekosongan: 10

Jadual 1: Pecahan Perjawatan, Pengisian dan Kekosongan di MPI sehingga 29 Februari 2020

Penyusunan Fungsi dan Pengukuhan Perjawatan

Pada tahun 2019, Kementerian telah melaksanakan lapan (8) urusan penyusunan fungsi dan pengukuhan perjawatan selaras dengan perubahan dan keperluan semasa bagi memastikan struktur dan fungsi organisasi sentiasa relevan sejajar dengan hala tuju Kementerian. Bahagian/Unit yang terlibat dengan pelaksanaan penyusunan semula fungsi dan pengukuhan perjawatan adalah seperti berikut:

- 1 Bahagian Kemajuan Industri Sawit & Sago
- 2 Bahagian Pembangunan Industri Getah & Jatropha
- 3 Bahagian Biobahan Api
- 4 Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
- 5 Bahagian Pengurusan Pembangunan & Kewangan
- 6 Bahagian Penggalakan Inovasi & Modal Insan
- 7 Unit Integriti
- 8 Unit Petunjuk Prestasi Utama

Jadual 2: Senarai Bahagian Yang Terlibat dengan Penyusunan Fungsi dan Pengukuhan Perjawatan

Program Pembangunan Organisasi

Sebanyak lapan (8) program berkaitan pembangunan organisasi telah dilaksanakan sehingga bulan Januari 2020 melibatkan semua agensi di bawah Kementerian dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam.

<p>20 - 22 Februari 2019</p> <p>Bengkel Penyediaan Deskripsi Tugas di Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia</p>	<p>20 - 22 Mac 2019</p> <p>Naziran Sumber Manusia di Lembaga Minyak Sawit Malaysia</p>
<p>22 - 24 April 2019</p> <p>Naziran Sumber Manusia di Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara</p>	<p>26 - 28 Jun 2019</p> <p>Naziran Sumber Manusia di Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia</p>
<p>2 - 4 Julai 2019</p> <p>Bengkel Penyediaan Deskripsi Tugas di Lembaga Minyak Sawit Malaysia</p>	<p>24 Julai 2019</p> <p>Bengkel Pelaksanaan Rintis Sub-modul JD HRMIS di MPI</p>
<p>5 - 6 November 2019</p> <p>Bengkel Pelaksanaan Sub-modul JD HRMIS di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani</p>	<p>29 - 31 Januari 2020</p> <p>Naziran Sumber Manusia di Lembaga Getah Malaysia</p>

PELANTIKAN PENGURUSAN TERTINGGI AGENSI DAN MAJLIS

Sebanyak sembilan (9) urusan pelantikan Pengurusan Tertinggi agensi dan majlis telah dilaksanakan oleh Kementerian sepanjang tahun 2019. Pelantikan tersebut dibuat berdasarkan peruntukan akta tubuh agensi/undang-undang tubuh majlis dan Panduan Pelantikan Pengerusi, Anggota Lembaga, Ketua Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif bagi Badan Berkanun, Majlis dan Institusi Latihan MPI serta Terma Rujukan Jawatankuasa Pemilihan Calon Jawatan Ketua Pengarah/Timbangan Ketua Pengarah Badan Berkanun dan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis dan Institusi di Bawah MPI. Senarai pelantikan baharu jawatan-jawatan berkenaan adalah seperti berikut:


Bil.	Senarai agensi/ majlis	Senarai Ketua Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif/Timbangan Ketua Pengarah	Tarikh Pelantikan
1.		YBrs. Dr. Ahmad Parveez Hj. Ghulam Kadir Ketua Pengarah	10 Ogos 2019
2.	Lembaga Minyak Sawit Malaysia	YBrs. Dr. Zainab Idris Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Pembangunan)	10 Ogos 2019
3.		Encik Balu Nambiappan Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan)	18 September 2019
4.	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia	Encik Mohd Kheirudin Mohd Rani Ketua Pengarah	1 September 2019
5.		YBhg. Dato' Dr. Mohd Puat bin Dahalan Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Operasi)	3 September 2019
6.	Lembaga Lada Malaysia	Encik Stanley Liew Joo Kong Ketua Pengarah	12 Februari 2019
7.	Majlis Promosi Minyak Sawit Malaysia	Encik Chew Jit Seng Ketua Pegawai Eksekutif	1 Januari 2019
8.	Majlis Promosi Eksport Getah Malaysia	Encik Chandran John Kasilingam Ketua Pegawai Eksekutif	1 Februari 2019 – 20 Jun 2019
9.		Encik Brandon Chan Siew Hon Ketua Pegawai Eksekutif	14 Oktober 2019

PEMBANGUNAN KERJAYA

Kenaikan Pangkat

Sehingga 29 Februari 2020, seramai 21 orang warga MPI telah diluluskan kenaikan pangkat melibatkan pelbagai gred daripada Kumpulan Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) sehingga Kumpulan Pelaksana. Pecahan jumlah kenaikan pangkat mengikut kumpulan perkhidmatan adalah seperti berikut:

Pecahan Jumlah Pegawai Yang Dinaikkan Pangkat Bagi Tahun 2019 Sehingga Bulan Februari 2020



Carta 1: Pecahan Jumlah Pegawai Yang Dinaikkan Pangkat Sehingga Februari 2020

Pertukaran Keluar dan Masuk Pegawai

Secara umumnya, jumlah pertukaran keluar dan masuk warga MPI pada tahun 2019 sehingga bulan Februari 2020 adalah lebih rendah berbanding tahun 2018 iaitu sebanyak 54 orang telah bertukar masuk dan 52 orang bertukar keluar. Lazimnya, pertukaran keluar dan masuk warga MPI adalah disebabkan oleh pusingan kerja, urusan kenaikan pangkat, persaraan dan melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi melalui Hadiah Latihan Persekutuan. Pecahan bilangan pertukaran keluar dan masuk bagi tahun 2019 sehingga bulan Februari 2020 adalah seperti Jadual 3.

Kumpulan Perkhidmatan	Bertukar masuk	Bertukar keluar
Pengurusan Tertinggi	2	2
Pengurusan & Profesional	36	28
Pelaksana	16	22
Jumlah	54	52

Jadual 3: Pertukaran Keluar dan Masuk Pegawai Bagi Tahun 2019 Sehingga Februari 2020

PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) tahun 2018 meraikan seramai 21 orang warga MPI yang telah memberikan khidmat cemerlang sepanjang tahun penilaian 2018. Majlis yang bertemakan “**Kecemerlangan Hari Ini, Kegemilangan Masa Hadapan**” telah diadakan bersekali dengan Majlis Perhimpunan MPI Bilangan 3 dan disempurnakan oleh YB Menteri pada 18 Mac 2019 bertempat di Dewan Serbaguna, Aras G, MPI. Pecahan penerima APC Tahun 2018 adalah seperti berikut:

Kumpulan Pengurusan & Profesional	Kumpulan Pelaksana	Jumlah
12	9	21

Jadual 4: Pecahan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2018

Selain APC, satu bentuk penghargaan dalaman baharu juga telah diwujudkan di MPI mulai tahun 2018 yang

dikenali sebagai **Anugerah Khas Ketua Setiausaha (AK KSU)**. Penganugerahan ini bertujuan mengiktiraf pegawai dan kakitangan Kementerian yang telah mempamerkan prestasi cemerlang dalam suatu tahun penilaian tetapi di luar APC kerana kuota yang terhad. Bagi tahun penilaian 2018, seramai 5 pegawai MPI telah dipilih sebagai penerima anugerah ini seperti berikut:

Kumpulan Pengurusan & Profesional

Puan Hariati binti Abu Kher
Pegawai Ehwal Islam, S44

Puan Fatimah binti Yahaya
Pegawai Tadbir Diplomatik, M44

Encik Hafifi Hafiz bin Zulkipli
Pegawai Tadbir Diplomatik, M41

Puan Shahazan Zuraina binti Mohd Daud
Pegawai Tadbir, N41

Kumpulan Pelaksana

Puan Norsalihan binti Zulkefle
Setiausaha Pejabat, N29

Rajah 1 : Pecahan Penerima Anugerah Khas Ketua Setiausaha Tahun 2018



Gambar 1: Penerima APC dan AK KSU Tahun 2018 bergambar kenangan bersama YB Menteri dan Pengurusan Tertinggi Kementerian.

Pingat Perkhidmatan Cemerlang

Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) merupakan suatu bentuk pengiktirafan Kerajaan selain APC yang telah dikuatkuasakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2012. Secara umumnya, PPC diberikan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang telah menunjukkan kecemerlangan luar biasa dalam tugas yang diamanahkan serta aktif dalam penglibatan dan sumbangan di luar tugas rasmi termasuk aktiviti kesukarelaan, kemasyarakatan dan sukan yang boleh mengharumkan nama organisasi dan negara.

Bagi tahun penilaian 2018, Jawatankuasa Induk PPC yang dikawal selia oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah memperakukan penganugerahan kepada Puan Suraya binti Harun, Pegawai Tadbir Gred N44 dari Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Majlis penganugerahan PPC tersebut telah diadakan bersekali dengan Majlis Perhimpunan MPI Bilangan 7 yang disempurnakan oleh YB Menteri pada 19 September 2019 bertempat di Dewan Serbaguna, Aras G, MPI.



Gambar 2: Penerima PPC bergambar bersama YB Menteri dan YB Timbalan Menteri serta Ketua Setiausaha

Majlis Persaraan Pegawai Kementerian

Pada tahun 2019, seorang pegawai Kementerian telah diluluskan persaraan pilihan mulai 1 November 2019 iaitu Encik Mohd Aznan bin Othman, Pemandu Kenderaan Gred H14 dari Bahagian Pengurusan Pembangunan dan Kewangan. Persaraan pegawai telah diraikan oleh warga Kementerian semasa program Hari Terbuka PSM2U pada 31 Oktober 2019 bertempat di Dewan Serbaguna, Aras G, MPI yang turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong, Ketua Setiausaha, Kementerian Industri Utama.



Gambar 3: Ketua Setiausaha menyampaikan sijil dan hadiah penghargaan kepada pesara MPI 2019

SESI PERBINCANGAN DENGAN PEKERJA

Sesi Libat Urus Bersama Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Pada 4 Februari 2020, satu sesi libat urus di antara Bahagian PSM bersama Kumpulan Pengurusan dan Profesional telah diadakan bertempat di Dewan Keruing, Aras 9, MPI. Sesi yang dilaksanakan dalam bentuk taklimat ini bertujuan untuk meningkatkan keseronokan bekerja di kalangan warga dan bagi mengatasi masalah kadar pertukaran keluar pegawai/kakitangan yang tinggi. Selain itu, perbincangan ini juga turut memberi tumpuan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan motivasi kerja warga Kementerian.




Gambar 4: Sesi Libat Urus BPSM bersama pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Majlis Bersama Jabatan

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) peringkat MPI yang ditubuhkan selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan (SPP) Bilangan 3 Tahun 2002 telah berjaya melaksanakan empat (4) kali mesyuarat pada tahun 2019 mengikut sukuan sebagaimana yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Sebanyak 21 usul yang dikemukakan oleh Pihak Pekerja telah dibincangkan dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut yang mana 18 daripadanya telah berjaya diselesaikan manakala 3 usul masih dalam tindakan penyelesaian. Pecahan usul yang dibincangkan dalam mesyuarat MBJ sepanjang tahun 2019 adalah seperti berikut:

Status Usul MBJ Tahun 2019




Carta 2: Pecahan usul yang dibincangkan dalam mesyuarat MBJ sepanjang tahun 2019

Dialog Awam (Town Hall) Ketua Setiausaha Bersama Warga MPI

Pihak Pekerja melalui mesyuarat MBJ Bilangan 3 Tahun 2019 telah mengutarakan usul supaya Kementerian menganjurkan sesi *Town Hall* Ketua Setiausaha bersama warga Kementerian bagi merapatkan hubungan di antara Pihak Pengurusan dengan warga kerja. Sehubungan itu, satu sesi *Town Hall* telah diadakan pada 20 September 2019 bertempat di Dewan Keruing, MPI melibatkan kehadiran 197 orang pegawai dan kakitangan. Sesi perjumpaan ini telah memberi ruang kepada warga Kementerian untuk memberikan pandangan/cadangan merangkumi isu kebijakan, laluan kerjaya dan penglibatan warga kerja dalam menentukan fokus dan hala tuju Kementerian. Semua pandangan/cadangan telah diberi maklum balas oleh Ketua Setiausaha/Pihak Pengurusan sebelum program berakhir.

PECAHAN KEHADIRAN SESI *TOWN HALL*




Carta 3: Pecahan kehadiran ke sesi *townhall*

ISU UTAMA PERBINCANGAN & TELAH DISELESAIKAN

1. Kebenaran untuk menjalankan pekerjaan luar (berniaga di lobi bangunan Kementerian);
2. Cadangan pewujudan lapisan kedua grad kenaikan pangkat bagi skim Pemandu Kenderaan;
3. Peluang menghadiri kursus/ latihan di luar negara; dan
4. Penglibatan semua komoditi dalam penentuan hala tuju kementerian.

SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT SUMBER MANUSIA

Selaras dengan hasrat JPA untuk mengoptimumkan penggunaan Sistem Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) sebagai sistem utama berkaitan sumber manusia, MPI terus komited menguatkuasakan penggunaan enam (6) modul dan submodul yang merupakan kriteria bagi penilaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) KSU. Hasil pemantauan berterusan terhadap penggunaan modul-modul tersebut, MPI telah berjaya mendapat penarafan lima (5) bintang daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi penilaian KPI KSU Tahun 2019.



Rajah 2: Kriteria KPI HRMIS KSU Tahun 2019

DASAR LATIHAN SUMBER MANUSIA

Bagi memastikan MPI mempunyai pegawai-pegawai kompeten serta mampu melaksanakan tugas dengan cemerlang, Pelan Operasi Latihan (POL) yang menyeluruh dan strategik telah disediakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005.


Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam juga telah menetapkan bahawa setiap penjawat awam perlu melengkapkan diri dengan sikap (*attitude*), kemahiran (*skills*) dan pengetahuan (*knowledge*) yang bersesuaian melalui program pembangunan sumber manusia yang terancang yang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan.



Rajah 3 : Objektif Latihan

Kursus dan Latihan

Pelaksanaan program latihan, kursus, bengkel dan ceramah ditentukan berdasarkan tiga (3) kriteria utama seperti berikut:



Rajah 4 : Kriteria pemilihan program latihan di bawah POL

Selain itu, bagi mengoptimumkan penggunaan sumber kewangan, kursus/program latihan bagi tahun ini telah dirangka dengan mengambil pendekatan seperti berikut:



Rajah 5 : Pendekatan pelaksanaan program latihan


Peruntukan Pelan Operasi Latihan

Peruntukan yang disediakan di bawah POL pada tahun 2019 adalah sebanyak **RM64,560.00**. Sejumlah **RM56,568.00** atau **88%** daripada jumlah tersebut dibelanjakan untuk penganjuran program mengikut kategori yang telah ditentukan. Perincian perbelanjaan adalah seperti jadual di bawah:

BIL.	NAMA PROGRAM	PERUNTUKAN	SUKU PERTAMA (JAN-MAC) BELANJA SEBENAR (RM)	SUKU KEDUA (APR-JUN) BELANJA SEBENAR (RM)	SUKU KETIGA (JUL-SEPT) BELANJA SEBENAR (RM)	SUKU KEEMPAT (OKT-DIS) BELANJA SEBENAR (RM)	JUMLAH BELANJA (RM)	BAKI (RM)
1.	FUNGSIAN	34,285.00	14,655.00	5,830.00	2,700.00	8,795.00	31,980.00	2,305.00
2.	GENERIK	28,275.00	2,975.00	14,830.00	4,925.00	390.00	23,120.00	5,155.00
3.	KURSUS BERBAYAR (AGENSI KERAJAAN DAN SWASTA)	2,000.00	300.00	318.00	850.00	0.00	1,468.00	532.00
	JUMLAH	64,560.00	17,930.00	20,978.00	8,475.00	9,185.00	56,568.00	7,992.00
	PERATUS	100%					88%	12%
	BAKI							7,992.00

Pelaksanaan Kursus

Pelaksanaan kursus/program latihan/sesi pembelajaran di bawah POL telah dibahagikan kepada tiga (3) kategori iaitu fungsian, generik dan berbayar. Pada tahun 2019, sebanyak **87 kursus/program latihan telah dilaksanakan** merangkumi 50 kursus/program latihan yang telah dirancang di bawah POL manakala baki 37 program adalah kursus/program yang dilaksanakan secara *ad-hoc*. Perincian bilangan kursus/program latihan yang telah dianjurkan Kementerian seperti carta di berikut:



Carta 4: Program Latihan Anjuran MPI Tahun 2019



Rajah 6 : Contoh Kursus/Program Latihan yang dilaksanakan pada tahun 2019



Sesi Perkongsian Ilmu bersama
Jabatan Perangkaan Malaysia
- Perpustakaan, MPI -



Bengkel Pemerksaan
Media Sosial
- Dewan Keruing, MPI -



Sesi Pembentangan
Kajian DPA
- Dewan Keruing, MPI -



Bengkel Pemurnian Kamus Sistem
1GFMAS Modul MyCOST
- Hotel Tenera, Bangi Selangor -



Program Familiarisasi MPI 2019
- Lembaga Kenaf dan Tembakau
Negara (LKTN) -

Gambar 4: Sekitar pelaksanaan program latihan/kursus/program kesedaran

Kajian Keberkesanan Pelaksanaan Kursus/Program Latihan

Bagi mendapatkan maklum balas peserta mengenai kursus/program latihan yang dilaksanakan, penilaian keberkesanan kursus/program latihan telah diadakan seurus selepas tamat setiap sesi program. Hasil penilaian keberkesanan kursus/program latihan adalah seperti berikut:

SEKILAS FAKTA HASIL PENILAIAN KURSUS



HASIL ANALISA ASPEK PENILAIAN KURSUS



ANALISA MAKLUM BALAS BERTULIS



Secara keseluruhannya, berdasarkan maklum balas peserta kursus/program latihan, **semua kursus/program latihan yang dilaksanakan telah mencapai objektif yang ditetapkan dan peserta berpuas hati terhadap kursus/program latihan yang dihadiri.** Walau bagaimanapun, Bahagian PSM berpandangan masih terdapat ruang penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk meningkatkan keberkesanan kursus/program latihan pada masa akan datang seperti berikut:

- i. Memastikan peruntukan bagi kursus/program latihan mencukupi berdasarkan hasil Kajian Keperluan Latihan (TNA);
- ii. Melaksanakan program latihan berdasarkan markah penilaian keseluruhan dan TNA;
- iii. Mempelbagai bentuk kursus/program latihan dan melaksanakannya dengan pendekatan *blue ocean* bersama agensi dan penyedia latihan luar; dan
- iv. Memastikan kursus/program latihan yang kurang memberi kesan diganti dengan kursus/program latihan yang lebih memberi impak serta fokus terhadap tajuk dan penceramah yang berkualiti.

Hari Terbuka PSM2U MPI 2019

Hari Terbuka PSM2U MPI 2019 telah diadakan pada 31 Oktober 2019 di Dewan Serbaguna, MPI dan dirasmikan oleh Ketua Setiausaha, YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong. Hari terbuka PSM yang merupakan program tahunan Bahagian telah dilaksanakan dalam skala yang lebih besar pada tahun ini berbanding tahun sebelumnya di mana ia turut melibatkan penyertaan daripada Jabatan Kerajaan dan swasta seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Razak School of Government (RSOG), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Pusat Zakat Putrajaya, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Karangkrak serta agensi-agensi di bawah Kementerian. Objektif pelaksanaan program ini adalah untuk memberi peluang kepada warga MPI mendapatkan khidmat nasihat dan perkhidmatan berkaitan sumber manusia secara langsung selaras dengan penyampaian perkhidmatan berkonsepkan “merakyatkan perkhidmatan”. Ia juga dapat dijadikan platform bagi mengeratkan hubungan kerjasama antara Bahagian PSM dengan warga MPI ke arah mewujudkan pengurusan sumber manusia yang proaktif, inovatif dan berdaya saing tinggi. Antara pengisian program Hari Terbuka PSM2U adalah taklimat dan konsultasi oleh wakil JPA berkaitan urusan kenaikan pangkat, persaraan dan kemudahan cuti, penyampaian anugerah dan pengiktirafan kepada pegawai, semakan Buku Rekod Perkhidmatan, pengemaskinian maklumat peribadi dalam sistem HRMIS, taklimat pengurusan tekanan, ruang pameran serta cabutan bertuah.



Gambar 5: Majlis Perasmian Hari PSM2U oleh YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong, Ketua Setiausaha MPI.



Gambar 6: Lawatan YBhg. Dato' Dr. KSU ke ruang pameran.

Program Familiarisasi

Program Familiarisasi dilaksanakan bertujuan untuk memberi pendedahan secara *hands-on* kepada pegawai baharu di Kementerian dan agensi berkaitan komoditi yang dikawal selia oleh Kementerian serta meningkatkan pemahaman mengenai peranan dan bidang tugas MPI dan agensi di bawahnya. Sepanjang tahun 2019, sebanyak lima (5) siri program Familiarisasi telah dilaksanakan di agensi-agensi terpilih melibatkan seramai 95 orang peserta masing-masing 75 orang dari MPI dan 22 orang dari agensi. Di akhir program, peserta telah menyediakan kertas renungan sebagai pengukuhan pembelajaran dan input penambahbaikan terhadap agensi yang dilawati.



Rajah 7: Senarai program familiarisasi tahun 2019



Gambar 7: Peserta sesi familiarisasi di WISDEC dan LKTN

Program Teambuilding MPI Tahun 2019

Sebanyak dua (2) program *teambuilding* telah dilaksanakan pada tahun 2019 melibatkan Kumpulan Pelaksana. Penganjuran program ini adalah susulan cadangan yang dikemukakan oleh Pihak Pekerja (wakil Kumpulan Pelaksana) melalui Majlis Bersama Jabatan yang bertujuan untuk memupuk semangat kebersamaan (*togetherness*) dan motivasi

berkerja dalam satu pasukan. Ia juga bertujuan untuk membangunkan jati diri, fizikal, mental dan rohani individu ke arah kecemerlangan diri serta organisasi. Dua siri program *teambuilding* yang telah diadakan adalah seperti berikut:



PROGRAM TEAMBUILDING TAHUN 2019

Teambuilding Siri 1
22-24 April 2019

Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara, Kelantan

Teambuilding Siri 2
23-25 Oktober 2019

Kem Lambaian Danau, Melaka



Gambar 8: Antara aktiviti yang dijalankan semasa program teambuilding

Program Kaunseling dan Psikologi

Sepanjang tahun 2019, sebanyak lapan (8) program berkaitan kaunseling dan psikologi telah dilaksanakan melibatkan warga MPI. Pelaksanaan program-program ini bertujuan untuk meningkatkan motivasi bekerja di kalangan warga Kementerian sekali gus mencegah wujudnya gejala kebimbangan, kemurungan dan tekanan di tempat kerja.

- | | | | |
|---|-------------------------------------|---|-------------------------------|
| 1 | Kursus Pengurusan Kewangan Peribadi | 2 | Kursus AKRAB Tahap I dan II |
| 3 | Program CSR 2019 | 4 | Program Pementoran |
| 5 | Program Pengurusan Tekanan | 6 | Bengkel Pelan Strategik Akrab |
| 7 | Program MPI Amazing Wellness 2019 | 8 | Seminar AKRAB 2019 |

Rajah 8: Program Kaunseling dan Psikologi Tahun 2019

Sebanyak 20 sesi kaunseling telah dilaksanakan pada tahun 2019 merangkumi 15 sesi kaunseling individu dan lima (5) sesi kaunseling secara berkelompok. Sesi kaunseling ini melibatkan lima (5) orang pegawai dari Kementerian dan agensi. Intervensi kaunseling juga turut dilaksanakan kepada pegawai agensi yang telah dikenal pasti di bawah Dasar Pemisah (Exit Policy).



Rajah 9: Program Intervensi Kaunseling dan Psikologi Tahun 2019

Kursus Pengurusan Kewangan Peribadi

Program ini telah diadakan pada 7 hingga 8 Mei 2019 bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai teknik kemahiran pengurusan kewangan yang boleh dipraktikkan oleh penjawat awam dalam mengurus kewangan harian. Selain itu, program ini juga memberi khidmat nasihat teknikal kepada warga Kementerian yang mengalami masalah dalam menguruskan kewangan persendirian.



Gambar 9: Program Pengurusan Kewangan Peribadi

Kursus Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Tahap I dan Tahap II


Kursus AKRAB Tahap I telah diadakan pada 1 hingga 3 April 2019 manakala bagi Tahap II pula diadakan pada 8 -10 Mei 2019 bertempat di Dewan Keruing, MPI. Seramai 21 orang peserta daripada Kementerian dan Agensi telah terlibat dalam program ini yang merupakan salah satu keperluan utama bagi tujuan pentauliahian sebagai ahli AKRAB. Dalam kursus ini, peserta telah diberikan pengetahuan tentang teknik - teknik kaunseling bagi membantu ahli AKRAB menjalankan bimbingan.



Gambar 10: Peserta Kursus AKRAB Tahap I dan II

Program Tanggungjawab Sosial AKRAB MPI

Program Tanggungjawab Sosial Korporat (*Corporate Social Responsibility* - CSR) AKRAB MPI telah diadakan pada 1 Ogos 2019 bertempat di Pos Betau, Cameron Highland, Pahang. Program yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada Ahli AKRAB untuk menginterpretasikan ilmu yang dipelajari semasa Kursus AKRAB Tahap I dan II ini telah disertai oleh 47 orang ahli AKRAB daripada Kementerian dan agensi. Program ini juga merupakan keperluan wajib bagi pentauliah ahli AKRAB dan kesinambungan daripada kursus-kursus AKRAB yang telah dilaksanakan sebelum ini.



Rajah 9: Program Intervensi Kaunseling dan Psikologi Tahun 2019

Peserta juga telah diberi tugas untuk menemu bual komuniti orang asli di kawasan berkenaan bagi mengetahui permasalahan mereka selain memberi pendedahan kepada Ahli AKRAB untuk mempraktikkan ilmu yang telah dipelajari.



Gambar 11: Aktiviti-aktiviti yang dijalankan semasa program CSR di Pos Betau, Cameron Highland, Pahang

Seminar AKRAB 2019

Program ini telah diadakan pada 31 Oktober 2019 bertempat di Dewan Serbaguna MPI sebagai platform perkongsian ilmu kepada ahli AKRAB dan warga MPI mengenai ilmu dan input baharu berkaitan psikologi. Antara pengisian lain program ini adalah pentauliahan ahli baharu AKRAB dan Sesi Perkongsian Ilmu bertajuk *Mind The Mindfullness*.



Gambar 12: YBhg. Dato' Dr. KSU menyampaikan Sijil Pentauliahan kepada ahli baharu AKRAB




Gambar 13: Sekitar program Seminar AKRAB 2019

Program Pementoran

Program Pementoran adalah salah satu program bimbingan kaunseling yang dilaksanakan berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan (SPP) Bil. 8 Tahun 2010. Seramai 54 peserta program telah menunjukkan prestasi kerja apabila mendapat markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) 90% dan ke atas dan seramai 4 peserta lagi telah mendapat tawaran Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) serta kursus-kursus kepimpinan pada tahun 2017 sehingga 2019.

Pada tahun 2019, Program Pementoran diteruskan dengan melibatkan penyertaan oleh 18 orang mentor dan 18 orang mentee yang terdiri daripada pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) serta Kumpulan Sokongan. Pecahan penglibatan mentor dan mentee pada tahun 2019 adalah seperti berikut:



Carta 5: Pecahan penglibatan Peserta Mentor dan Menti Tahun 2019

Program MPI *Amazing Wellness* 2019


Program MPI *Amazing Wellness* 2019 telah diadakan pada 10 November 2019 bertempat di Bangi Wonderland Theme Park, Bangi, Selangor. Program ini diadakan sempena Bulan Kaunseling Kebangsaan yang disambut pada bulan Oktober setiap tahun. Ia bertujuan untuk memberi pendedahan kepada warga MPI mengenai teknik psikologi dalam menguruskan keseimbangan dan kesejahteraan antara kerja dan keluarga (*work-life balance*). Program yang dirasmikan oleh Ketua Setiausaha MPI, YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong telah dihadiri oleh 94 orang warga Kementerian dan turut diserikan oleh YB Puan Teresa Kok, Menteri Industri Utama. Program ini telah berjaya memupuk semangat kekitaan (*togetherness*) dalam kalangan warga MPI selain merapatkan hubungan antara ahli keluarga.



Gambar 14: Ucapan Perasmian oleh YBhg. Dato' Dr. KSU



Gambar 15: YBhg. Dato' Dr. KSU melepaskan burung nuri sebagai acara gimik perasmian MPI *Amazing Wellness*



Rajah 11: Aktiviti Utama Program MPI *Amazing Wellness*



YB Menteri beramah mesra dengan warga MPI semasa program MPI *Amazing Wellness* 2019



Warga MPI bersama ahli keluarga menyertai senamrobik



YB Menteri bersama warga MPI menyertai aktiviti



Acara senamrobik



Warga MPI dan ahli keluarga menyertai aktiviti

Gambar 16: Antara aktiviti yang dijalankan semasa program MPI *Amazing Wellness* 2019

INOVASI, TRANSFORMASI DAN MODAL INSAN INDUSTRI

PROGRAM INOVASI

PENGGOMERSIALAN HASIL PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) INDUSTRI KOMODITI

Kementerian Industri Utama (MPI) sentiasa menggalakkan pelaksanaan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C) oleh setiap agensi bagi mempelbagaikan hasil produk komoditi bernilai tambah dan berteknologi tinggi. Pada tahun 2019, sebanyak 10 perjanjian pemindahan teknologi dan pengkomersialan telah dilaksanakan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan 3 perjanjian pemindahan teknologi dan pengkomersialan telah dilaksanakan oleh Lembaga Getah Malaysia (LGM).

Perjanjian pengkomersialan seperti ini berupaya memperkukuh dan meningkatkan daya saing sektor komoditi melalui peningkatan produktiviti dan kemampuan pengeluaran komoditi berkaitan serta R&D&C yang berterusan di samping menggalakkan kerjasama dan pertukaran teknologi/kepakaran di antara agensi di bawah MPI dengan pihak swasta yang secara tidak langsung dapat meningkatkan aktiviti hiliran dan pengeluaran produk bernilai tambah dan berteknologi tinggi.

SENARAI PERJANJIAN PEMINDAHAN/PELESENAN TEKNOLOGI (TOT) DAN PENGGOMERSIALAN DI BAWAH LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB) BAGI TAHUN 2019

BIL.	TAJUK PROJEK	AGENSI	SYARIKAT/ JABATAN	TARIKH KELULUSAN
1.	<i>Fertilizer Formulation (MPOB F5 & F5 Super)</i>	MPOB	Briar Resources Sdn. Bhd.	10 Januari 2019
2.	<i>Technology Transfer of BeCare – Red Palm Olein Drink</i>	MPOB	Kincirmas Sdn. Bhd.	10 Januari 2019
3.	<i>Technology Licensing of Epoxidized Methyl Oleate as Palm Based Plasticsizer</i>	MPOB	Magnechem Sdn. Bhd	13 Mac 2019
4.	<i>Extension to the Transfer of Technology Agreement on Fertilizer Formulation (MPOB F6)</i>	MPOB	Consolidated Fertiliser Corporation Sdn. Bhd.	10 Oktober 2019

**SENARAI PERJANJIAN PEMINDAHAN/PELESENAN TEKNOLOGI (TOT) DAN
PENGKOMERSIALAN DI BAWAH LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB)
BAGI TAHUN 2019**

BIL.	TAJUK PROJEK	AGENSI	SYARIKAT/ JABATAN	TARIKH KELULUSAN
5.	<i>Extension to the Transfer of Technology Agreement on Fertilizer Formulation (MPOB F4 & F4 Premium)</i>	MPOB	Sabah Softwoods Hybrid Fertiliser Sdn. Bhd.	10 Oktober 2019
6.	<i>Licensing of Biological Organic Formulation for Ganoderma Control - Gano EF Biofertilizer</i>	MPOB	Sabah Softwoods Hybrid Fertiliser Sdn. Bhd.	10 Oktober 2019
7.	<i>Technology Licensing of Apparatus and Method for Processing Nuts</i>	MPOB	SHM Machinery Enterprise	10 Oktober 2019
8.	<i>Technology Licensing of Apparatus and Method for Processing Nuts</i>	MPOB	MG Usaha Trading	10 Oktober 2019
9.	<i>Assignment of Memorandum of Agreement on Technology Transfer and Licensing on Santan Sawit Plus</i>	MPOB	Econmulia Sdn. Bhd. dan DXN Biotech Consultants Sdn. Bhd.	10 Oktober 2019
10.	<i>Second Amendment to the Technology Transfer and Licensing Agreement on Genes Related to Oil Palm Shell Trait</i>	MPOB	Sabah Orion Biosains Sdn. Bhd.	10 Oktober 2019
11.	<i>Commercialization Agreement for Bituminous Cuplump dan Cuplump Modified Bitumen</i>	LGM	Protasco Trading Sdn. Bhd.	6 November 2019
12.	<i>Commercialization Agreement for Cuplump Modified Bitumen</i>	LGM	AG Resources Sdn. Bhd.	15 November 2019
13.	<i>Commercialization Agreement for Natural Rubber Paper Adhesive (RRIM Glue™) and Natural Rubber Based Colour (RRIM Colour™)</i>	LGM	Jupiter Solution Enterprise	15 November 2019

PENYERTAAN KEMENTERIAN INDUSTRI UTAMA DI PAMERAN INTERNATIONAL GREENTECH & ECO PRODUCTS EXHIBITION & CONFERENCE MALAYSIA (IGEM 2019) DENGAN TEMA “INNOVATING SUSTAINABILITY”

Kementerian Industri Utama (MPI) telah dijemput untuk menyertai pameran di International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM 2019) yang bermula pada 9 hingga 11 Oktober 2019 bertempat di Hall 1, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). MPI telah menyediakan sebuah pavilion pameran yang disertai oleh wakil pempamer daripada Agensi dan Majlis di bawah MPI. Semasa penyertaan pameran di IGEM 2019, pavilion pameran MPI telah terpilih dan dianugerahkan *1st Runner Up* untuk *Best Creative Booth Award* in IGEM 2019.

Objektif program IGEM 2019 yang dianjurkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) diadakan adalah bertujuan untuk mewujudkan platform bagi penyedia penyelesaian dan bidang perniagaan teknologi hijau untuk menembusi pasaran ASEAN yang pesat berkembang dengan mempamerkan inovasi terkini kepada penyedia dasar, organisasi di peringkat Kerajaan, pelabur dan pasaran umum (massa).

IGEM adalah merupakan acara perdagangan terbesar di Asia Tenggara untuk teknologi hijau dan telah berjaya merekodkan penjana lebih daripada RM23.6 juta *business leads* dengan kehadiran 450,000 pelawat termasuk perwakilan antarabangsa dan syarikat dari 50 buah negara sejak pelaksanaannya pada tahun 2010. Acara IGEM 2019 turut mempamerkan inovasi, produk dan perkhidmatan teknologi hijau yang diwakili oleh 350 peserta dari 35 buah negara. Ini termasuklah penyertaan aktiviti pameran oleh wakil daripada Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan dan pihak swasta, sesi ceramah perniagaan, sesi pepadanan perniagaan oleh pihak MIDA dan MATRADE dan juga sesi persidangan hijau dengan disertai oleh jempunan penceramah dan panel daripada pelbagai industri.

Maklumat Senarai Pempamer Agensi dan Majlis MPI di Pameran IGEM 2019

BIL.	AGENSI	INISIATIF/ PERKHIDMATAN/ PRODUK	CATATAN
1.	Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)	Produk - produk yang berasaskan Teknologi Hijau, Bio-disel, Bio-gas dan lain-lain.	Pameran oleh MPOB turut mempromosikan inisiatif berkaitan kempen Sayangi Sawitku.
2.	Lembaga Getah Malaysia (LGM)	Pembangunan teknologi sistem kitar semula air terawat bagi industri pembuatan produk lateks	<p>Inisiatif ini bertujuan untuk mengurangkan penggunaan air domestik melalui teknologi kitar semula air sisa terawat dalam pembuatan produk berasaskan lateks dan juga untuk mengurangkan kesan alam sekitar dan carbon footprint melalui penggunaan teknologi hijau, pengurangan air sisa, kitar semula dan teknologi sisa sifar.</p> <p>Satu teknologi pemprosesan kitar semula air sisa telah sedia untuk diadaptasi oleh pihak industri pada skala komersial. Ianya dijangka dapat mengurangkan 25-50% daripada kos penggunaan air domestik dalam industri pembuatan produk berasaskan lateks. Manfaat ini dapat mengurangkan kos operasi, meningkatkan keuntungan industri dan produk yang lebih kompetitif.</p>
		Pembangunan kemudahan teknologi tenaga efisien dalam industri pembuatan produk lateks	<p>Inisiatif ini mengambil kira kesan penggunaan tenaga dalam industri pembuatan produk lateks terhadap alam sekitar dan <i>carbon footprint</i>.</p> <p>Inisiatif ini bertujuan untuk mengurangkan serta mengoptimalkan penggunaan elektrik dan tenaga dalam industri pembuatan produk lateks melalui perkhidmatan analisis simulasi.</p> <p>Simulasi dapat memberi maklumat penting mengenai tahap kecekapan dan pengagihan haba dalam proses pembuatan barangan, seterusnya mengenalpasti penggunaan tenaga</p>

BIL.	AGENSI	INISIATIF/ PERKHIDMATAN/ PRODUK	CATATAN
			<p>dan mendapatkan penyelesaian yang berkesan untuk digunapakai oleh industri. Inisiatif ini dapat mengurangkan kos tenaga sebanyak 10% - 25% untuk industri getah menjelang tahun 2020.</p> <p>Manfaat ini akan mengurangkan kos operasi dan meningkatkan nilai pasaran produk yang lebih kompetitif ke arah industri yang mampan dan mesra alam.</p>
3.	Lembaga Kenaf dan tembakau Negara (LKTN)	Kenaf <i>Biodegradable Utensil</i> (BDU)	<p>BDU merupakan teknologi baru yang menjimatkan tenaga kerja dan memelihara alam sekitar kerana berkualiti tinggi, selamat dan kos efektif. BDU mempunyai potensi besar untuk produk biodegradasi yang berkembang pesat dari masa ke masa. Ini kerana BDU terdiri daripada bahan- bahan semulajadi iaitu core kenaf yang mudah dilaraikan dan memerlukan tenaga yang kurang untuk mengitar semula. BDU merupakan projek pembuatan bekas makanan daripada kenaf yang mesra alam.</p>
		Kenaf <i>Industrialised Building System</i> (Kenafcrete)	<p>Kenaf IBS atau nama komersialnya Kenafcrete menggunakan 90% empulur kenaf. Kenafcrete merupakan teknologi baharu yang dihasilkan oleh sebuah syarikat tempatan yang telah mendapat pensijilan daripada SIRIM QAS International dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).</p> <p>Panel Kenafcrete ini juga telah berjaya melepasi semua syarat dan keperluan ketahanan kebakaran dan ujian <i>Stream Hose</i> mengikut piawaian pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.</p> <p>Panel ini adalah 60% lebih ringan dan 40% pengurangan kos berbanding</p>

BIL.	AGENSI	INISIATIF/ PERKHIDMATAN/ PRODUK	CATATAN
			panel IBS sedia ada. Teknologi baharu ini juga menjimatkan tenaga kerja dan memelihara alam sekitar kerana berkualiti tinggi, selamat dan kos efektif.
		Tilam Kenaf	<p>Tilam berasaskan fiber kenaf yang mempunyai ciri lebih baik berbanding tilam fiber lain, antaranya reka bentuk menyokong postur badan, pengudaraan lebih baik, bebas bahan kimia, lebih ringan dan tahan lebih lama.</p> <p>Tilam kenaf juga menghindarkan serangga seperti pepijat di samping menghasilkan ion negatif yang sangat baik untuk kesihatan.</p> <p>Gentian kenaf yang menghasilkan ion negatif membantu mengaktifkan sel-sel badan untuk mengoptimumkan kadar pengambilan oksigen dan menyingkirkan sel rosak dan merupakan produk mesra alam kerana pembuatannya bebas bahan kimia</p>
		Kenaf <i>Pet Litter</i>	<p>Kenaf pet litter direka menggunakan formula yang sangat sesuai tanpa mendatangkan kesan sampingan dan mencegah daripada jangkitan kuman dan menghalang pembiakan bakteria dan organisma patogen. Selain itu, produk ini juga dapat menyerap dan meneutralkan kelembapan serta sebarang bau yang dihasilkan dan ini secara tidak langsung dapat memulihara kesegaran kawasan.</p> <p>Produk ini tidak berdebu malah tidak melekat dan tidak merosakkan kulit lembut pada kaki haiwan serta tidak menjejaskan bulu haiwan.</p> <p>Produk ini merupakan produk semulajadi yang bebas bahan kimia dan mesra alam serta mudah terlerai.</p>

BIL.	AGENSI	INISIATIF/ PERKHIDMATAN/ PRODUK	CATATAN
		Kenaf <i>Absorbent</i>	<p>Kenaf <i>Absorbent</i> merupakan serbuk halus 100% semulajadi ini boleh menyerap sebarang kebocoran dan tumpahan dari kebanyakan jenis minyak, campuran minyak dan air larut, asid, cat, dakwat, gas, anti-pembekuan, bateri asid dan cecair hidraulik serta sos memasak di mana-mana tanpa meninggalkan sebarang kotoran.</p> <p>Kenaf <i>Absorbent</i> ini menjadikannya ideal untuk kegunaan pembersihan industri dan aplikasi kawalan tumpahan.</p> <p>Kenaf <i>Absorbent</i> mempunyai kadar penyerapan yang tinggi, mesra alam, tidak mudah terbakar, tidak kasar dan bebas silika. Ianya juga boleh digunakan beberapa kali dan boleh dikitar semula.</p>
4.	Lembaga Koko Malaysia (LKM)(MPOB F6)	E-BAC	<p>E-BAC merupakan produk agen kawalan biologi yang semulajadi untuk kawalan kulat penyakit tanaman koko di Malaysia. Produk E-BAC berasaskan teknologi hijau yang mesra alam sekitar, bebas bahan kimia berbahaya dan melibatkan kos yang rendah. Ianya mengandungi mikroorganisma endofit yang dapat menghalang serangan kulat penyakit tanaman koko dan merupakan satu kaedah yang sesuai untuk menggantikan penggunaan racun kulat mengandungi bahan kimia sintetik yang berbahaya agar mutu dan kualiti biji koko yang diperolehi adalah terbaik.</p>
		Produk <i>Biopesticides Beauveria Bassiana</i>	<p>Penggunaan kulat <i>entomopathogen B. bassiana</i> dikaji dan mendapati ia memberi kesan kawalan yang setara dengan kawalan racun kimia.</p> <p>Selain itu, strain kulat yang berbeza juga dikaji ke atas serangga perosak sayuran kobis tanah tinggi <i>P/ute/la xy/oste//a</i> (Diamond back moth) yang memberikan kesan kawalan yang baik. Ia memberi satu alternatif pilihan dalam</p>

BIL.	AGENSI	INISIATIF/ PERKHIDMATAN/ PRODUK	CATATAN
			<p>kawalan serangga secara mesra alam dan menuju kepada penghasilan produk makanan yang bebas dari kesan Sisa baki racun.</p> <p>Teknologi pengeluaran produk <i>biopesticides</i> ini telah tersedia dan berpotensi besar pada masa akan datang apabila trend semasa ke arah pengurangan penggunaan bahan kimia dalam makanan.</p>
		<i>MCB'S Bio-Control Agent</i>	<p>Agen kawalan biologi yang dihasilkan oleh LKM ini adalah merupakan teknologi hijau untuk pengurusan penyakit dan perosak koko secara bersepadu.</p> <p>Agen kawalan biologi ini adalah sebagai alternatif kepada penggunaan racun makhluk perosak. Ia merupakan formulasi yang mesra alam sekitar dan mesra pengguna. Agen kawalan biologi ini adalah merupakan kos efektif dan bertindak secara <i>synergistic</i> dan tidak toksik kepada organisma yang lain. Produk ini merupakan game <i>changer</i> dalam pengurusan penyakit dan perosak koko.</p>
5.	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)	Produk-produk yang dipamerkan adalah perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh MTIB antaranya produk biokomposit yang terhasil daripada bahan mentah alternatif seperti <i>Oil Palm Trunk (OPT)</i> , <i>Kenaf and Wood Plastic Composite (WPC)</i> serta aplikasinya.	Selain mempamerkan produk-produk, MTIB akan turut memberi pendedahan kepada pengunjung bagi perkhidmatan-perkhidmatan lain yang disediakan oleh MTIB.

BIL.	AGENSI	INISIATIF/ PERKHIDMATAN/ PRODUK	CATATAN
6.	Lembaga Lada Malaysia (MPB)	<i>Effluent Treatment For Pepper Processing Plant</i>	<i>Pepper Processing Plant discharges effluent that is high in Suspended Solids, Ammoniacal Nitrogen and Chemical Oxygen Demand (COD) which causes water contamination. It is crucial for the organic effluent to be treated before it is released into the environment.</i>
		<i>Natural Farming In Black Pepper</i>	<p><i>The Biochar – beneficial microbes – compost interaction in soils</i></p> <p><i>Microbes housed themselves in biochar for better survival.</i></p> <p><i>Composts added to feed microbes and at the same time microbes speed up natural composting process.</i></p> <p><i>End result is a naturally fertile and healthier soil.</i></p> <p><i>Natural Farming is sustainable and economically viable as it can contribute to lower production cost.</i></p>
7.	Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC)	Pameran berkaitan pensijilan mampan melalui <i>Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO)</i>	-
8.	Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC)	Pameran berkaitan kelestarian produk sawit dan inisiatif Kempen Sayangi Sawitku	-



Gambar-Gambar Semasa Penyertaan MPI di Pameran IGEM2019

PROGRAM MODAL INSAN KOMODITI

Selaras dengan keperluan semasa dalam industri komoditi dan untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing, Kementerian Industri Utama (MPI) telah menubuhkan Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) pada 4 November 2010. IMPAC ditubuhkan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pekerja sedia ada dan pekerja baru dengan menawarkan kursus dan latihan yang bersesuaian. Agensi-agensi yang terlibat adalah :

- Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
- Lembaga Getah Malaysia (LGM)
- Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)
- Lembaga Koko Malaysia (LKM)
- Lembaga Lada Malaysia (MPB)
- Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN)

Objektif utama IMPAC adalah untuk:

- Menjadi institut latihan induk kepada institut latihan agensi di bawah Kementerian Industri Utama.
- Mengoptimumkan sumber latihan sedia ada di setiap agensi.
- Melahirkan sumber tenaga terlatih dalam sektor perusahaan perladangan dan komoditi.
- Menawarkan kursus umum dan spesifik mengenai sesuatu komoditi.
- Menyelaraskan dan memperluaskan liputan/skop latihan kemahiran.

KURSUS DAN PROGRAM YANG DILAKSANAKAN OLEH IMPAC

Kursus Dan Latihan

IMPAC bertindak sebagai institusi induk dalam merancang dan melaksanakan latihan berkaitan sektor komoditi seperti sawit, getah, perkayuan, koko, lada dan kenaf. Latihan yang ditawarkan adalah merangkumi kursus jangka pendek dan jangka panjang daripada peringkat sijil sehingga ke peringkat diploma. Selaras dengan peranan IMPAC sebagai peneraju untuk kursus dan latihan dalam sektor perladangan dan komoditi, IMPAC juga telah dilantik sebagai Badan Peneraju Industri (ILB) bagi sektor Perladangan dan Komoditi pada 1 Januari 2018.

Pada tahun 2019, IMPAC telah melatih seramai 179 orang peserta yang melibatkan kursus seperti berikut:

BIL.	KURSUS	BILANGAN KURSUS	BILANGAN PESERTA
1	Sawit	25	1,367
2	Getah	77	2,467
3	Kayu	31	538
4	Koko	8	141
5	Lada	26	841
6	Kenaf	9	303
7	Kursus Generik	3	80
JUMLAH		179	5,737

Program Roadshow Seminar Keperluan Latihan Dalam Memperkasa Modal Insan

Program bual bicara latihan dan kerjaya di sektor komoditi adalah bertujuan untuk menghebahkan keperluan guna tenaga di sektor perladangan dan komoditi dengan menggalakkan lepasan sekolah/ belia menceburi latihan dan kerjaya sebagai pilihan kerjaya masa depan. Dalam menjayakan program Sayangi Komoditiku, IMPAC dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan menganjurkan program bual bicara di sekolah terpilih di zon Semenanjung, Sabah, dan Sarawak. Pameran kerjaya di sektor perladangan dan komoditi yang melibatkan 6 agensi di bawah Kementerian Industri Utama. IMPAC telah melaksanakan 3 siri Program 'Sayangi Komoditiku', Bual Bicara Latihan dan Kerjaya pada tahun 2019 seperti berikut:

BIL	TARIKH	LOKASI
1.	17 September 2019	Dewan Sri Balau, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sarawak, Kampus Mukah
2.	4 September 2019	Dewan Al-Imtiaz Sekolah Menengah Abdul Rahim I, Kudat Sabah
3.	3 Julai 2019	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

SAYANGI KOMODITI

Zon Sarawak

Bual Bicara Latihan dan Kerjaya

Dewan Sri Balau,
Universiti Teknologi Mara (UiTM)
Cawangan Sarawak, Kampus Mukah
17 September 2019



Perasmian program SAYANGI KOMODITI:

Bual bicara latihan dan kerjaya di Dewan Sri Balau, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sarawak, Kampus Mukah oleh
YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri

SAYANGI KOMODITI

Zon Sarawak

Bual Bicara Latihan dan Kerjaya

Dewan Sri Balau,
Universiti Teknologi Mara (UiTM)
Cawangan Sarawak, Kampus Mukah
17 September 2019



YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri bergambar dengan pihak Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sarawak, Kampus Mukah

SAYANGI KOMODITI

Zon Sabah

Bual Bicara Latihan dan Kerjaya

Dewan Al-Imtiaz
Sekolah Menengah Abdul Rahim I, Kudat Sabah
4 September 2019



Perasmian program **SAYANGI KOMODITI**: Bual bicara latihan dan kerjaya di Sekolah Menengah Abdul Rahim I, Kudat Sabah oleh Timbalan Menteri Industri Utama

SAYANGI KOMODITI

Zon Semenanjung

Bual Bicara Latihan dan Kerjaya

Universiti Teknikal Malaysia
Melaka (UTeM)

7 Julai 2019



YB Datuk Seri Shamsul Iskandar Bin Mohd Akin, Timbalan Menteri Industri Utama merasmikan program SAYANGI KOMODITI di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)



YB Datuk Seri Shamsul Iskandar Bin Mohd Akin, Timbalan Menteri Industri Utama bergambar bersama peserta program SAYANGI KOMODITI di UTeM

Penyertaan IMPAC dalam Program-Program Anjuran Kementerian dan Agensi Kerajaan

BIL	TARIKH	NAMA PROGRAM	ANJURAN
1.	5 Oktober 2019	Putrajaya Open Day (POD) "Sehari Bersama Rakyat, Menyediakan 1001 Perkhidmatan"	Pejabat Ketua Setiausaha Negara dan Perbadanan Putrajaya
2.	6 November 2019	Persidangan Pembelajaran Sepanjang Hayat Peringkat Nasional Tahun 2019	Kementerian Pendidikan Malaysia
3.	19-21 November 2019	MPOB International Palm Oil Congress And Exhibition (PIPOC)	Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA)

Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA) yang terletak di Keratong, Pahang adalah merupakan kampus bersepadu di bawah Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (*Institute of Malaysian Plantation and Commodities* - IMPAC), Kementerian Industri Utama. Fokus utama PLASMA adalah untuk menyediakan prasarana latihan berkaitan industri sawit termasuklah pekebun kecil dan merupakan kampus induk Kursus Operasi Mekanisasi Ladang (KOML).



PLASMA Keratong telah diiktiraf sebagai Pusat Bertauliah dengan penarafan lima bintang selama enam tahun berturut-turut dari tahun 2013 hingga 2018.

Pengiktirafan tersebut telah diberi oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dalam menjalankan program kemahiran mekanisasi ladang.



Dalam pembentangan penilaian outcome penubuhan PLASMA pada tahun 2017/2018, iaitu penilaian Jawatankuasa Penilaian Outcome (JKPO), JPM PLASMA diberi pemarkahan yang tinggi dalam hasil penilaian *outcome*.

SESI TURUN PADANG (ENGAGEMENT) BERSAMA AGENSI KERAJAAN DENGAN INDUSTRI PERLADANGAN

Sepanjang tahun 2019, sebanyak 4 sesi libat urus (*engagement*) dan program kesedaran (*awareness program*) telah diadakan dengan kerjasama beberapa agensi Kerajaan termasuklah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Jabatan Tenaga Kerja Sabah dan Sarawak, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Program ini adalah bertujuan untuk memberi penerangan dan khidmat nasihat kepada pihak pengurusan dan pekerja-pekerja ladang dalam aspek-aspek berikut:

- hak serta tanggungjawab majikan dan pekerja ladang;
- isu pemerdagangan orang;
- amalan terbaik perburuhan (forced labour and child labour);
- isu penguatkuasaan dan keselamatan; dan
- guna tenaga dan mekanisasi ladang.

Perkara ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan di bawah Pelan Tindakan Kebangsaan berhubung Antipemerdagangan Orang (2016-2020) dan usaha berterusan untuk meningkatkan kedudukan Malaysia di dalam Laporan Tahunan mengenai Pemerdagangan Orang (*U.S. TIP Report*) yang dikeluarkan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS). Maklumat sesi *engagement* dan *awareness program* yang telah diadakan adalah seperti berikut:

- Syarikat Felda Technoplant Sdn Bhd di FELDA Lurah Bilut, Bentong pada 24 April 2019;
- Syarikat Mados's Holdings Sdn Bhd di Mersing, Johor pada 17 Julai 2019;
- Syarikat Sarawak Oil Palm Berhad di Miri, Sarawak pada 30 Oktober 2019; dan
- Syarikat Kretam Holdings Berhad, Sandakan, Sabah pada 1 November 2019.



Sesi Turun Padang bersama Agensi Kerajaan dengan Industri Perladangan di Syarikat Felda Technoplant Sdn. Bhd., Chaah, Johor pada 24 April 2019



Sesi Turun Padang bersama Agensi Kerajaan dengan Industri Perladangan di Syarikat Mados's Holdings Berhad di Mersing, Johor pada 17 Julai 2019.



Sesi Turun Padang bersama Agensi Kerajaan dengan Industri Perladangan di Syarikat Sarawak Oil Palm Bhd, Miri, Sarawak pada 30 Oktober 2019



Sesi Turun Padang bersama Agensi Kerajaan dengan Industri Perladangan di Syarikat Kretam Holdings Berhad, Sandakan, Sabah pada 1 November 2019

Keseluruhan sesi turun padang yang telah diadakan ini melibatkan penyertaan sebanyak 200 orang pengurus, penyelia dan wakil pekerja syarikat perladangan serta 31 buah syarikat daripada pelbagai saiz (estet, sederhana dan pekebun kecil) di seluruh Malaysia. Aktiviti ini juga dijangka mampu meningkatkan kesedaran terhadap amalan perburuhan terbaik, mengatasi masalah pemerdagangan orang, buruh paksa dan kanak-kanak serta pendedahan yang lebih jelas mengenai penggunaan mekanisasi ladang.


TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN ICT

2018 telah melabuhkan tirai, 2019 mula melangkah dan momentum transformasi ICT MPI terus bergerak pantas selari dengan senario kepesatan teknologi global dan transformasi penggunaan digital menuju Teknologi *Industrial Revolution (IR)* 4.0. Teknologi IR 4.0 berpotensi untuk meningkatkan tahap pendapatan global dan juga menambah baik kualiti kehidupan rakyat melibatkan teknologi automasi yang memberi cabaran baharu kepada semua sektor di negara ini. Perubahan seiring dengan transformasi digital untuk kekal berdaya saing dan merancakkan kemajuan landskap dunia moden terus rancak berjalan. Selari dengan teknologi yang berkembang pesat, ICT MPI telah merancang pelbagai aktiviti dan program sepanjang 2019 sebagai sokongan bagi membantu pencapaian KPI Kementerian.

Pelan Strategik ICT 2019 - 2020

Pada bulan Mac 2019, BPM telah menerbitkan dokumen Pelan Strategik ICT bagi tahun 2019 – 2020 bagi menggantikan Pelan Strategik ICT MPI 2016-2018 yang telah tamat. Pembangunan Pelan Strategik ICT MPI 2019-2020 ini telah berjaya dibangunkan secara dalaman dengan bantuan khidmat nasihat dan perundingan daripada Pasukan Perunding Perancangan Strategik ICT, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Dokumen ISP ini penting untuk menyokong Pelan Strategik Kementerian dalam memastikan program teknologi maklumat di Kementerian ini dapat dilaksanakan seiring dengan teras-teras bisnes Kementerian agar industri agrikomoditi Malaysia terus berdaya saing di peringkat antarabangsa dan seterusnya menyumbang kepada ekonomi negara.

Pelan Strategik ICT MPI 2019-2020 ini mengandungi program-program ICT yang telah dirancang pelaksanaannya untuk tahun 2019 hingga 2020. Input bagi projek-projek yang dirancang adalah hasil daripada beberapa bengkel *brainstorming* yang telah dijalankan oleh BPM bersama wakil-wakil Bahagian dari Sektor Pengurusan dan juga Sektor Komoditi. Dokumen ISP MPI 2019-2020 ini mengandungi empat (4) Teras Strategik ICT, 8 Strategi ICT dan 29 inisiatif/ program ICT yang telah dirancang untuk dilaksanakan sepanjang 2019-2020. Ringkasan ISP MPI seperti gambarajah 1 dibawah.



Gambar 1 : Bengkel Penyediaan Pelan Strategik ICT MPI 2019-2020

Penganjuran Hari ICT MPI bagi Tahun 2019

Hari ICT MPI merupakan acara dwi-tahunan yang dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat MPI di mana ianya diselang selikan dengan Program Kesedaran Keselamatan ICT. Objektif dan tujuan utama penganjuran program ini adalah untuk memberikan kesedaran kepada warga Kementerian dan agensi terhadap kepentingan keselamatan maklumat dan sebagai salah satu ruang untuk menghebahkan perkembangan terkini teknologi ICT.

Bagi tahun 2019, Hari ICT telah diadakan pada 23 September 2019 dan dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong, Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama.

Tema Hari ICT 2019 ialah “Teknologi Tanpa Sempadan”. Seramai 180 orang telah menyertai Hari ICT ini yang terdiri dari warga MPI dan agensi-agensi di bawah MPI. Sebanyak 16 ruang pameran telah dibuka yang terdiri dari wakil-wakil syarikat swasta dan juga agensi Kerajaan seperti HRMIS JPA, MyGov*Net MAMPU. Selain dari booth pameran, Hari ICT 2019 juga turut diserikan dengan tiga (3) sesi taklimat iaitu dari Touch'nGo eWallet, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan juga dari Cybersecurity Malaysia.



Gambar 2: Warga ICT bersama YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong, KSU MPI.

Penggantian Peralatan ICT Warga MPI

Pada tahun 2019 juga, BPM telah melaksanakan projek perolehan peralatan ICT bagi menggantikan peralatan ICT dibawah dua (2) projek sewaan yang tamat pada 31 Oktober 2019. Selain dari itu, projek ini juga bertujuan untuk membuat penggantian peralatan-peralatan ICT MPI yang dibeli sebelum tahun 2012.

Perolehan peralatan ICT ini melibatkan sebanyak:

- 199 unit Komputer Desktop
- 108 unit Komputer Riba
- 91 unit pencetak
- 29 unit projector
- 5 unit pengimbas
- 221 unit perisian

Pelaksanaan projek ini telah bermula pada 1 Ogos 2019 dan berakhir sepenuhnya pada 31 Oktober 2019. Warga MPI kini telah dapat menggunakan sepenuhnya peralatan ICT yang baharu.



SKOP KERJA

Pencetak (91 unit)



<p>Pencetak Mono 1 HP LaserJet Enterprise M408DN 18 unit</p>	<p>Pencetak Mono 2 HP LaserJet Pro M404DW 52 unit</p>	<p>Pencetak Pelbagai Fungsi HP PageWide Pro 577DW 20 unit</p>	<p>Pencetak Berkad Zebra ZD420 1 unit</p>
---	--	--	--



SKOP KERJA

Projektor (27 unit)



EPSON EB-2165-W
27 unit

Pengimbas (5 unit)



EPSON DS670
5 unit

Perisian (221 unit)



<p>Microsoft Office 2016 Standard 82 unit</p>	<p>Zinnov Epi Pro 134 unit</p>	<p>Adobe Acrobat Pro 3 unit</p>	<p>Adobe Creative Cloud 2 unit</p>
---	------------------------------------	-------------------------------------	--





KOMUNIKASI KORPORAT

PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN

PIAGAM PELANGGAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB	MENEPATI MASA/ STANDARD	
		JUMLAH	PERATUS
PENGGUBALAN DASAR			
<p>Menggubal dasar dan strategi yang jelas mengenai industri komoditi perladangan berlandaskan kepada keperluan semasa dalam tempoh masa seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ 18 bulan bagi penggubalan dasar, dan strategi baharu; dan ▪ Enam (6) bulan bagi meminda dasar dan strategi sedia ada. 	<p>Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa (PSA)</p>	<p>Kajian semula DKN</p>	<p>40%</p>
PENERBITAN DATA TAHUNAN KOMODITI			
<p>Memuatnaik data Perangkaan Komoditi dalam Laman Web MPI dan Portal Data Terbuka yang di selenggara oleh Unit Pemodelan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)</p>	<p>Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa (PSA)</p>	<p>Proses Semakan Data</p>	<p>100%</p>

PIAGAM PELANGGAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB	MENEPATI MASA/ STANDARD	
		JUMLAH	PERATUS
SESI KONSULTASI			
<p>Mengadakan sesi konsultasi dengan kerajaan-kerajaan negeri, pihak industri dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO):</p> <p>a) Peringkat Menteri:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Satu (1) dialog sesi konsultasi setahun bagi setiap komoditi dengan persatuan industri komoditi dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) <p>b) Peringkat Pegawai :</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Enam (6) sesi konsultasi dengan industri 	<p>Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa (PSA)</p>	<p>Tertakluk kepada keperluan dan persetujuan YB Menteri</p> <p>Sesi dialog telah diadakan pada 6 dan 8 Ogos 2019.</p>	<p>100%</p>
MISI PERDAGANGAN			
<p>Menganjurkan misi galakan pasaran dan perdagangan/ lawatan kerja bagi memperkukuhkan pasaran sedia ada dan menerokai pasaran baru sekurang-kurangnya lima (5) kali setahun serta mengambil tindakan susulan yang sewajarnya.</p>	<p>Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa (PSA)</p>	<p>18 – 26 Jan Iran, Pakistan, Turki</p> <p>4 – 13 Mac Kesatuan Eropah</p> <p>22- 26 April Saudi Arabia</p>	<p>100%</p>

PIAGAM PELANGGAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB	MENEPATI MASA/ STANDARD	
		JUMLAH	PERATUS
		3 – 13 Mei United Kingdom, Belgium, Jerman, Itali 26 Mei – 1 Jun China	
PENGHUBUNGAN PERUNDANGAN			
<p>Menggubal perundangan utama dan perundangan subsidiari berkaitan industri perladangan dan komoditi berlandaskan kepada perkembangan dan keperluan semasa dalam tempoh seperti berikut:-</p> <p><u>Perundangan Utama:</u></p> <p>Deraf Perundangan Utama (kedua-dua Bahasa Melayu dan Inggeris) disediakan oleh Bahagian/Agensi yang kemudiannya dipanjangkan ke Unit Undang-undang (UUU) melalui Bahagian di MPI.</p> <p>Dalam masa 20 hari bekerja dari tarikh penyelesaian isu dasar dan perundangan. Jika ada isu dasar atau perundangan berbangkit tempoh 20 hari terhenti sehingga isu dasar atau perundangan selesai.</p>	Unit Undang-undang (UUU)	Telah menepati masa dan sebanyak <u>satu (1)</u> perundangan utama dibuat sebagaimana yang diarahkan.	

PIAGAM PELANGGAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB	MENEPATI MASA/ STANDARD	
		JUMLAH	PERATUS
Kualiti : Selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, Akta ibu, Akta lain dan menepati kehendak pelanggan.			
PERUNDANGAN SUBSIDIARI:			
<p>Deraf Perundangan Subsidiari (kedua-dua Bahasa Melayu dan Inggeris) disediakan oleh Bahagian/Agensi yang kemudiannya dipanjangkan ke Unit Undang-undang melalui Bahagian di MPI.</p> <p>Dalam masa 14 hari bekerja bagi teks kurang 50 mukasurat dan 21 hari bekerja bagi teks melebihi 50 mukasurat. Jika ada isu dasar atau perundangan berbangkit tempoh itu terhenti sehingga isu dasar atau perundangan selesai.</p>	Unit Undang-undang (UUU)	Telah menepati masa dan sebanyak sembilan belas <u>(19)</u> perundangan subsidiari dibuat sebagaimana yang diarahkan.	
PROJEK PEMBANGUNAN			
Memastikan program pembangunan sektor perladangan dan komoditi dirancang, dilaksana dan dipantau sewajarnya termasuk mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) diadakan 12 kali setahun.	Bahagian Pengurusan Pembangunan dan Kewangan (PPK)	12	100.00

PIAGAM PELANGGAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB	MENEPATI MASA/ STANDARD	
		JUMLAH	PERATUS
SESI BERTEMU PELANGGAN			
Mengadakan sesi bertemu pelanggan melalui program-program turun padang seperti Program Hello Komoditi sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.	Unit Komunikasi Korporat	Program Sayangi Komoditiku: <ol style="list-style-type: none"> 1. Dewan Canselor, Universiti Teknikal Melaka (UTeM) pada 3 Julai 2019 2. Dewan SMK Abdul Rahim II, Kudat Sabah pada 4 September 2019 3. Dewan Seri Balau, Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada 17 September 2019 	100%

PIAGAM PELANGGAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB	MENEPATI MASA/ STANDARD	
		JUMLAH	PERATUS
LESEN BIOBAHAN API			
<ul style="list-style-type: none"> Mengeluarkan notis makluman pembaharuan dalam tempoh seawal tiga (3) bulan dan tidak lewat satu (1) bulan sebelum tamat tempoh lesen; Mengeluarkan akuan penerimaan permohonan setelah diterima lengkap dalam tempoh lima (5) hari; Mengeluarkan notis kelulusan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas kelulusan Pihak Berkuasa Pelesenan Biobahan Api; Mengeluarkan edaran lesen selepas ditandatangani oleh Pihak Berkuasa Pelesenan Biobahan Api dalam tempoh tiga (3) hari; 	Bahagian Bio Bahan Api (BBA)	37	100%
		54	100%
		69 (mulai Feb)	100%
		69	100%

MAJLIS PERHIMPUNAN KEMENTERIAN INDUSTRI UTAMA (MPI)

Unit Komunikasi Korporat menjadi penyelaras kepada Majlis Perhimpunan MPI bagi tahun 2019. Majlis ini dilaksanakan dengan kerjasama jawatankuasa dari peringkat bahagian dan unit di MPI. Pecahan jawatankuasa yang terdiri dari Unit PPK, BPM, PSM, PSA serta dibantu oleh khidmat pengacara dari KTK, PSA dan GET. Majlis ini telah berjaya diadakan sembilan kali pada tahun 2019. Pada kebiasaannya majlis ini diadakan di premis kementerian tetapi pada tahun 2019 pengurusan tertinggi mengambil keputusan bagi mendekati warga agensi dengan mengadakannya di 3 agensi secara bergilir. Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) serta Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah menjadi tuan rumah bagi majlis perhimpunan di agensi.

BIL.	PERKARA	TARIKH	LOKASI
1.	Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Industri Utama Bil. 1/2019 dan Amanat Tahun Bahru 2019	10 Januari 2019	Dewan Serbaguna MPI, Aras G
2.	Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Industri Utama dan Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang LGM Tahun 2018	14 Februari 2019	Dewan Auditorium, Akademi Hevea, Pusat Penyelidikan LGM (RRIM) Sungai Buloh, Selangor
3.	Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Industri Utama Bil. 3/2019 dan Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPI 2018	18 Mac 2019	Dewan Serbaguna MPI, Aras G
4.	Majlis Perhimpunan MPI Bil. 4/2019 dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MTIB 2018	23 April 2019	Dewan Cempaka, Menara PGRM
5.	Majlis Perhimpunan MPI Bil. 5/2019	16 Jun 2019	Dewan Serbaguna MPI, Aras G
6.	Majlis Perhimpunan MPI Bil. 6/2019	17 Julai 2019	Dewan Sawit, MPOB, Bangi
7.	Majlis Perhimpunan MPI Bil. 7/2019 dan Penganugerahan Pingat Perkhidmatan Cemerlang 2018	19 September 2019	Dewan Serbaguna MPI, Aras G

BIL.	PERKARA	TARIKH	LOKASI
8.	Majlis Perhimpunan MPI Bil. 8/2019	23 Oktober 2019	Dewan Thetrette, LGM
9.	Majlis Perhimpunan MPI Bil. 9/2019	20 Disember 2019	Dewan Serbaguna MPI, Aras G



Majlis Perhimpunan MPI Bil. 4/2019 dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MTIB 2018



Majlis Perhimpunan Kementerian Industri Utama Bil. 1/2019 dan Majlis Amanat Tahun Baharu 2019



Majlis Perhimpunan Kementerian Industri Utama Bil. 2/2019 dan Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang LGM 2018



Majlis Perhimpunan MPI Bil. 4/2019 dan
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MTIB 2018

MEDIA RELATIONS TRAINING

Arus pemodenan hari ini bergerak seiring dengan perkembangan media samada di platform elektronik mahupun percetakan. Media menjadi antara pengantara utama dalam penyebaran maklumat dalam kalangan masyarakat. Justeru itu, jaringan hubungan baik bersama media adalah satu elemen utama dalam memastikan maklumat dapat disampaikan dengan berkesan.

Unit Komunikasi Korporat telah bekerjasama dengan Malaysian Press Institute bagi memberi pendedahan mengenai perhubungan media kepada pengurusan tertinggi Kementerian, Agensi dan Majlis. Ini selaras dengan aspirasi YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong, Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama agar pegawai-pegawai kanan di peringkat kementerian diberi lebih pendedahan dengan kemahiran perhubungan media agar maklumat berkaitan kementerian secara keseluruhan dapat disampaikan kepada rakyat secara berkesan.

Kursus yang berlangsung selama sehari ini melibatkan penyertaan 40 orang dari wakil-wakil pengurusan tertinggi dari pelbagai peringkat termasuk unit komunikasi korporat kementerian, agensi dan majlis yang diketuai oleh Ketua Setiausaha.

Modul kursus Media Relations Training merangkumi aspek menangani media semasa krisis, mewujudkan hubungan berkekalan bersama media serta komunikasi video dan visual. Gabungan 3 elemen penting teori, kajian kes dan praktikal dapat melatih peserta agar lebih bersedia mendepani media dalam situasi yang berbeza. Panel-panel berkaliber iaitu YBhg. Datuk A. Kadir Jasin (Penasihat Khas Media dan Komunikasi kepada YAB Perdana Menteri), Encik Suhaimi Sulaiman (Mantan Ketua Editor, Astro Awani) dan Puan Yusanani Yushak (Mantan Pengurus Komunikasi Korporat TV3 / Penyampai Berita Buletin TV3).



Komunikasi Strategik dan Media Sosial

1) Bengkel Pemerkasaan Media Sosial MPI 2019

Seksyen Perhubungan Awam dan Media di bawah Unit Komunikasi Korporat MPI telah menganjurkan Bengkel Pemerkasaan Media Sosial MPI 2019 pada 25 Februari sehingga 26 Februari 2019 bertempat di Dewan Keruing, Aras 9, MPI. Seramai 32 orang peserta terdiri daripada pegawai MPI, serta Agensi dan Majlis di bawah MPI telah menyertai bengkel ini. Bengkel ini bertujuan:

- i. Memberi galakan semangat kepada admin media sosial MPI, Agensi dan Majlis dalam menghadapi cyber war isu-isu berkaitan MPI, Agensi dan Majlis;
- ii. Berkongsi pandangan dan pengalaman mengenai pengurusan psikologi admin media sosial yang berhadapan dengan pelbagai aduan dan provokasi di media sosial;
- iii. Meningkatkan kemahiran pegawai dalam mengendalikan akaun media sosial rasmi kementerian dan jabatan yang berhubung rapat dengan pelan komunikasi strategik; dan
- iv. Memberi peluang kepada pentadbir-pentadbir media sosial MPI, Agensi dan Majlis dalam membincangkan sebarang permasalahan yang dihadapi sepanjang pengendalian akaun media sosial.
- v. Sepanjang bengkel ini dijalankan para peserta telah diberikan taklimat serta penerangan khusus daripada En. Erwin Khairul Ahmad daripada Jabatan Penerangan Malaysia berkaitan media sosial. Selain daripada pendedahan teori diberikan, para peserta turut diberikan pendedahan praktikal seperti proses suntingan gambar, cara-cara merekod video bagi sosial media serta suntingan video. Para peserta turut dibahagikan mengikut kumpulan bagi menjalankan aktiviti yang telah disediakan. Para peserta diberikan tugas untuk menemubual bahagian-bahagian di MPI dan merekod temubual tersebut dan melakukan suntingan. Para peserta juga memuatnaik video serta gambar hasil kerja mereka ke dalam sosial media.




2) Media Sosial Rasmi MPI

Peningkatan dan perkembangan Media Sosial MPI dapat dilihat dengan ketara melalui jumlah pengikut (*followers*), *likes* dan perkongsian (*share*) berbanding dengan tahun-tahun terdahulu. Antara faktor peningkatan adalah masyarakat awam masa kini dilihat ingin mendapatkan maklumat serta perkembangan terkini dengan lebih cepat yang bersesuaian dengan frasa 'semuanya dihujung jari'. Selain itu, isi dan maklumat yang dipaparkan melalui media sosial rasmi MPI dilihat menarik dan bersesuaian dengan golongan sasaran. MPI masih mengekalkan penggunaan media sosial rasmi iaitu Facebook, Twitter, Instagram dan juga YouTube.

Selain itu, bagi memastikan masyarakat awam tidak terlepas sebarang maklumat terkini yang disampaikan melalui sesi sidang media oleh Menteri, Timbalan Menteri mahupun Ketua Setiausaha Kementerian, Unit Komunikasi

Korporat membuat *Facebook Live*. Ini memberi peluang kepada masyarakat awam menonton sidang media tersebut walau dimana jua mereka berada.





3) Pengenalan #sayangisawitku dan #lovemypalmoil

Bersempena dengan Kempen 'Sayangi Sawitku' yang telah dirasmikan oleh YAB Tun Dr Mahathir Mohamad pada 24 Mac 2019 di Ladang Sime Darby Plantation, Pulau Carey, Unit Komunikasi Korporat telah memperkenalkan *hashtag* terbaru iaitu #sayangisawitku dan #lovemypalmoil. Pengenalan *hashtag* tersebut sejajar dengan objektif kempen 'Sayangi Sawitku' untuk memupuk kebanggaan negara dan penghargaan yang lebih tinggi terhadap minyak sawit Malaysia, yang memberi tumpuan kepada kepentingan sosio-ekonomi, kesihatan, pemakanan, dan aplikasi makanan dan bukan makanan.

Penggunaan *hashtag* tersebut secara tidak langsung dapat mempromosi kempen tersebut kepada masyarakat awam. Ia juga memudahkan pencarian maklumat berkaitan kempen 'Sayangi Sawitku'. Penggunaan *hashtag* tersebut membuktikan sokongan penuh MPI terhadap kempen 'Sayangi Sawitku'.

(Gambar posting yang ada #sayangisawitku)

4) Infografik

MPI mengambil langkah menggunakan infografik dalam usaha menyampaikan maklumat berkaitan MPI. Ini kerana paparan visual grafik yang menarik serta interaktif mampu menyampaikan sesuatu maklumat dengan berkesan dan mudah difahami berbanding penggunaan teks secara bersendirian. Infografik yang dihasilkan juga boleh dijadikan rujukan kepada masyarakat awam yang ingin mengetahui lebih mendalam mengenai MPI serta Agensi dan Majlis di bawahnya.





**KEMENTERIAN, AGENSI KERAJAAN
DISARAN GUNA
TEKNOLOGI SISTEM BINAAN BERINDUSTRI (IBS)
BERASASKAN KENAF**

“ Kita di peringkat komenterian menerusi
Lembaga Kenaf dan Tabakau Negara (UKTN)
bersedia bekerjasama dengan mana-mana kementerian lain atau agensi kerajaan
bagi memperluaskan penggunaan komoditi ini.
Kenaf adalah komoditi yang lebih baik untuk digunakan dalam
pembinaan rumah dan ia terbukti mempunyai nilai tambah
untuk memberi **keselesaan** kepada penghuni.”

YB DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR MOHD AKIN
Timbalan Menteri Industri Utama

Uraian Singgama
Majlis Pengerahan Rumah Kerafaster di bawah Program PPR2, Melaka

f mympiMalaysia t @mj_mpi i mpi_my v CCTV MPI w https://www.mpi.gov.my



**SKIM PINJAMAN MUDAH INPUT PERTANIAN
PEKEBUN KECIL SAWIT (IPPKS)**

- ▶ Dana peruntukan sebanyak **RM50 juta**.
- ▶ Nilai pinjaman tidak melebihi **RM2,500 sehektar** dan had maksimum keluasan adalah **6.5 hektar**.
- ▶ Seramai **3,000** sehingga **5,000** pekebun kecil sawit dengan anggaran keluasan berjumlah **20,000 hektar** akan memperolehi manfaat.
- ▶ Tempoh pinjaman adalah sehingga **24 bulan** sahaja.

SAMA-SAMA SAHABTU

f mympiMalaysia t @mj_mpi i mpi_my v CCTV MPI w https://www.mpi.gov.my



**Marks a Significant Step Towards
Branding Malaysia
Palm Oil & Palm-Based Products**

“As of May 2019, **36%** or **2.13 million** hectares of oil palm planted area had obtained the **MSPO** certification nationwide which include more than **957,000** hectares of oil palm planted area from the big estates.”

YB TERESA KOK
Minister of Primary Industries

Speech at Malaysian Palm Oil Association (MPOA)
2019 Anniversary Dinner

f mympiMalaysia t @mj_mpi i mpi_my v CCTV MPI w https://www.mpi.gov.my

5) Penghasilan Video

Unit Komunikasi Korporat turut menghasilkan video bagi program dan majlis yang melibatkan pengurusan tertinggi terutamanya YB Menteri, YB Timbalan Menteri dan Ketua Setiausaha Kementerian. Video yang dihasilkan adalah berdurasi tidak melebihi dua minit dan dimuatnaik di media sosial MPI dan Saluran YouTube MPI di bawah carian nama 'Commodity Channel TV' (CCTV) yang dilancarkan pada 2017. Melalui video yang dihasilkan, masyarakat awam dapat melihat dengan lebih jelas lagi mengenai program yang berlangsung terutamanya program turun padang bersama orang awam.



Koko komoditi berpotensi besar

Industri kelapa sawit berpotensi sebagai sumber tenaga kerja



Malaysia-China tandatangan urus niaga 1.62 juta tan minyak sawit

Rawal berhasrat memperkaya industri sawit tempatan



Sasar 2,400 tan produk separa siap kenaf setahun

Industri kenaf di Malaysia berhasrat untuk meningkatkan pengeluaran produk separa siap kenaf setahun ke 2,400 tan.



Malaysia berpotensi jadi hab coklat Asia

Malaysia berpotensi menjadi pusat industri coklat Asia.



MPI, MPOC lancar Program Duta Minyak Sawit Malaysia

Program Duta Minyak Sawit Malaysia (MPOC) telah dilancarkan oleh MPI.



Kempen Sayangi Sawitku pupuk patriotisme

Kempen Sayangi Sawitku bertujuan untuk meningkatkan patriotisme masyarakat.



Pepper board to rebrand products to expand sales

Pepper board berhasrat untuk merebrand produk mereka untuk memperluas jualan.

'Adopt smart manufacturing'

Industri perindustrian di Malaysia diarahkan untuk mengadopsi pembuatan pintar.

Industri getah berpotensi jana pendapatan RM41 bilion

Industri getah di Malaysia berpotensi menjana pendapatan sebanyak RM41 bilion.



Kerajaan teliti harga lantai getah

Kerajaan akan memantau dan meneliti harga lantai getah untuk memastikan kestabilan pasaran.



Kok urges furniture firms to upgrade

Kok menggalakan syarikat perabot untuk menaik taraf teknologi dan kualiti produk.

Kok urges furniture firms to upgrade

Kok menggalakan syarikat perabot untuk menaik taraf teknologi dan kualiti produk.

PENGAUDITAN DAN INTEGRITI

Laporan Aktiviti Unit Audit Dalam (UAD) MPI Tahun 2019

Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1 menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) mengaudit pengurusan kewangan dan aktiviti Kementerian/Agensi dan mengemukakan laporan mengenainya kepada Ketua Eksekutif. bagi memenuhi tanggungjawab ini, UAD telah menjalankan pengauditan berkenaan seperti berikut:

Pengauditan Dijalankan Pada Tahun 2019

SASARAN	TARIKH PENGAUDITAN	TARIKH LAPORAN DIKEMUKAKAN	TARIKH MAKLUM BALAS
1. Pengauditan Pengurusan Kewangan			
Pengauditan Pengurusan Stor – MPI	16.7.2019 Hingga 30.8.2019	13.9.2019	TB
Pengauditan Pengurusan Aset - MPI	16.7.2019 Hingga 30.8.2019	13.9.2019	TB
Pengauditan Pengurusan Kontrak - MPI	29.4.2019 Hingga 31.5.2019	14.6.2019	28.6.2019
Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) – MPI	Pengauditan akan dijalankan dalam bulan Disember 2019		
Pengauditan Terhadap Pengesahan Laporan Akaun Belum Terima Bagi Tempoh Sehingga 30 Jun 2019 Di MPI	Selesai pada 22 Julai 2019		
2. Pengauditan Prestasi Dan Perolehan			
Pengauditan Terhadap Program Peningkatan Tanaman Baru Kenaf - LKTN	7.7.2019 Hingga 26.7.2019	17.9.2019	26.9.2019
Pengauditan Terhadap <i>High Impact Project</i> : Skim Integrasi Tanaman dan Ternakan Dengan Sawit - MPOB	Nov. 2019	19.12.2019	31.12.2019
Pengauditan Terhadap Program Pembangunan Rantaian Kluster Koko	29.10.2019 Hingga 15.11.2019	17.12.2019	31.12.2019

SASARAN	TARIKH PENGAUDITAN	TARIKH LAPORAN DIKEMUKAKAN	TARIKH MAKLUM BALAS
3. Pengeauditan Khas			
Verifikasi Baki Aset Setakat 31 Disember 2018 – MPI	23.1.2019 Hingga 31.1.2019	7.2.2019	Tiada Isu
Verifikasi Baki Aset Setakat 30 Jun 2019 – MPI	1.8.2019 Hingga 9.8.2019	22.8.2019	Tiada Isu
Pengurusan Dana Insentif Pengeluaran Getah (IPG) - LGM	18.2.2019 Hingga 30.4.2019	22.3.2019	19.4.2019

Laporan Tahunan UAD ini mengandungi penemuan Audit hasil daripada pengauditan yang telah dilaksanakan di Kementerian Industri Utama dan Agensi di bawah Kementerian. Pada umumnya masih terdapat kelemahan dalam pematuhan peraturan/prosedur yang ditetapkan oleh Kerajaan serta pemantauan yang kurang berkesan. Namun begitu, semua kelemahan tersebut boleh dielakkan sekiranya pegawai yang bertanggungjawab mematuhi sepenuhnya peraturan/prosedur yang telah ditetapkan.

Seperti mana tahun yang lalu, Ketua Agensi yang berkenaannya telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan di dalam laporan ini. Ini bagi membolehkan tindakan pembedahan dan penambahbaikan diambil oleh Ketua Agensi berkenaannya terhadap kelemahan yang dibangkitkan. Sepanjang pengauditan dijalankan pihak UAD telah menerima kerjasama yang baik daripada pihak auditi yang turut memberi maklum balas positif terhadap teguran yang dikemukakan. Pihak auditi juga telah mengambil tindakan pembedahan terhadap kelemahan yang dibangkitkan di dalam laporan.

INTEGRITI

Unit Integriti (UI) Kementerian Industri Utama (MPI) telah melaksanakan program-program kesedaran, pendidikan serta pengukuhan sahsiah dan integriti sepanjang tahun 2019 dengan pelbagai bentuk pengisian seperti kursus, bengkel, dialog, ceramah dan diskusi ilmu. Ianya bertujuan untuk memastikan imej warga MPI dan Agensi-Agensi di bawah MPI sentiasa bersih daripada jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan di samping mengekalkan status risiko rendah rasuah.

Program-program yang dilaksanakan adalah seperti berikut :

- 1) Mengadakan program Penerapan Nilai Islam: Wacana Fatwa Semasa pada 26 Mac 2019 di Dewan Serbaguna, Aras G, Kementerian Industri Utama, Putrajaya.



- 2) Mengadakan program Penerapan Nilai Islam: Tular Isu Halal: Fakta@Auta pada 19 April 2019 di Dewan Keruing, Aras 9, Kementerian Industri Utama, Putrajaya.





- 3) Program kerjasama antara Bahagian PPK (Unit Perpustakaan), Kelab MPI & PUSPANITA Unit MPI pada 30 Mei 2019 bertempat di Dewan Keruing, Aras 9, Kementerian Industri Utama, Putrajaya:

- i. Solat Tasbih & Majlis Khatam Al-Quran



ii. Majlis Bacaan Yaasin & Tahlil



iii. Bicara Ilmu - PUSPANITA Unit MPI



iv. Program Gerakan Dekad Bahasa Kebangsaan

- 4) Lawatan tapak ke Projek Pembinaan RRIMNIS Jasin Melaka yang tergendala oleh Unit Integriti (MPI) bersama Unit Pembangunan (MPI) dengan kerjasama Unit Integriti LGM, Unit Pembangunan LGM, JKR Cawangan Kerja Bangunan Am Ibu Pejabat, JKR Negeri Melaka dan JKR Daerah Jasin yang diadakan pada 18 Julai 2019 (Khamis) bertempat di Pejabat JKR Daerah Jasin (Mesyuarat Perbincangan) & Tapak Pembinaan RRIMNIS Jasin Melaka (lawatan tapak).



- 5) Kursus Smart Integriti MPI 2019 yang telah dilaksanakan di Institut Latihan Kenaf Dan Tembakau Negara, Pasir Puteh, Kelantan pada 4 hingga 7 Ogos 2019.



- 6) Naziran pematuhan terhadap Insentif Pengeluaran Getah (IPG) di Negeri Kelantan bagi tahun 2018 dan 2019 oleh Unit Integriti (UI) MPI dengan kerjasama UI Lembaga Getah Malaysia (LGM) pada 11-12 September 2019 bertempat di pejabat LGM Machang Kelantan.



- 7) Mengadakan Program Penguksahan Sahsiah dan Integriti: Jangan Takut dan Bimbang Lagi pada 17 Oktober 2019 di Dewan Keruing, Aras 9, Kementerian Industri Utama, Putrajaya.



- 8) Mengadakan Program *Outreach* Pengukuhan Sahsiah Dan Integriti: Integriti, Oh! Integriti dengan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia pada 31 Oktober 2019 bertempat di MTIB, Cheras. Peserta terdiri daripada warga MPI dan MTIB.



- 9) Mesyuarat Pemurnian Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) Unit Integriti MPI Bersama Agensi dan Majlis Di Bawah MPI pada 4 hingga 6 November 2019 di *The Straits Hotel & Suites*, Melaka.



- 10) Mengadakan program *Outreach* bicara ilmu: Pengukuhan Sahsiah dan Integriti dengan Majlis Promosi Eksport Getah Malaysia (MREPC) pada 14 November 2019 bertempat di Seminar Hall MREPC, Kuala Lumpur. Peserta terdiri daripada warga MPI, MREPC, semua Agensi dan Majlis di bawah MPI.



PERAKAUNAN

Bahagian Akaun berfungsi sebagai Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) dengan diketuai oleh seorang Ketua Akauntan. Mengikut definisi dalam Arahan Perbendaharaan (AP) 3, 'Akauntan JMS adalah akauntan utama bagi JMS yang bertanggungjawab kepada Pegawai Pengawalnya dengan tertakluk kepada kuasa Akauntan Negara dalam perkara-perkara mengenai tatacara perakaunan'. Akauntan JMS juga tertakluk kepada AP 139 yang mana adalah kewajipannya, tertakluk kepada penyeliaan am Pegawai Pengawal, dipertanggungjawab dengan tanggungjawab Akauntan Negara Malaysia (ANM), yang mana antaranya meliputi:

- a. Pelaksanaan sistem perakaunan yang ditentukan oleh JANM;
- b. Pengawasan yang sesuai untuk mengelak kehilangan kerana penipuan atau kecuiaan;
- c. Menjalankan penyeliaan ke atas terimaan hasil atau amanah supaya pungutan dipungut pada waktunya;
- d. Menerima perbelanjaan yang dibenarkan sebagai pertanggungjawab dalam akaun;

- e. Mengawasi dan memastikan tiada luar aturan yang matan berhubung Penyata Kewangan Kementerian.

Dalam melaksanakan tanggungjawab JANM untuk memberi perkhidmatan perakaunan kepada Kementerian, Bahagian Akaun juga perlu memantau atau memastikan Pusat Tanggungjawab (PTJ) sentiasa mengikut prosedur kewangan yang berkuatkuasa serta mematuhi kehendak AP dalam semua urusan kewangan yang dilakukan.

Bagi memastikan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatannya, Bahagian Akaun distruktur kepada 3 fungsi utama iaitu Perakaunan Pengurusan, Perakaunan Kewangan serta Perundingan dan Pemantauan manakala Pentadbiran dan Kewangan merupakan fungsi sokongan.


Bahagian Akaun juga berpegang kepada nilai integriti, kesetiaan, profesionalisme, bekerjasama dan berkongsi ilmu serta mengutamakan pelanggan untuk bersama mencapai visi dan misi Kementerian.

Prestasi Pengurusan Perakaunan

A. Pengurusan Bayaran

Bahagian Akaun bertanggungjawab menyemak dan meluluskan baucar bayaran di Pejabat Perakaunan melalui sistem iGFMAS setelah diperaku oleh Bahagian Pengurusan, Pembangunan dan Kewangan sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah Kementerian Industri Utama. Dalam tahun **2019** sebanyak **2,865** baucar bayaran berjumlah **RM461,341,305.78** dan bagi tahun **2020 (sehingga Februari)**


sebanyak **421** baucar bayaran berjumlah **RM141,341,542.92** telah berjaya diproses dalam tempoh empat (4) hari seperti di Carta 1.



Carta 1: Prestasi Proses Pembayaran Sempurna Bagi Tahun 2019 dan 2020 (setakat Februari 2020)

B. Pengurusan Gaji

Dengan pelaksanaan sistem iGFMS, pada tahun 2018 modul pembayaran gaji telah berintegrasi dan boleh dikunci masuk oleh PTJ. Bahagian Akaun bertanggungjawab untuk membuat larian bayaran gaji mengikut tarikh yang telah ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Bagi tahun **2019** dan **bagi tahun 2020 (sehingga Februari)** sejumlah **RM17,869,378.79** dan **3,296,523.37** pembayaran gaji telah dilaksanakan masing-masing seperti di Carta 2.



Carta 2: Prestasi Pembayaran Gaji Bagi Tahun 2019 dan 2020 (setakat Februari 2020)

C. Pelaksanaan Naziran

Selaras dengan Arahan Perbendaharaan 139, Bahagian Akaun bertanggungjawab untuk memastikan semua bayaran dan terimaan telah diakaunkan dengan betul dan mematuhi semua peraturan kewangan yang berkuatkuasa. Bagi tujuan tersebut Bahagian Akaun telah melaksanakan program Naziran Gaji dan Naziran Terimaan ke atas Pusat Tanggungjawab di bawah MPI.

i. Naziran Gaji

Naziran dijalankan ke atas pengurusan gaji merangkumi aspek penurunan kuasa, pembayaran gaji dan perubahan kenaikan gaji dan dokumen-dokumen sokongan serta proses bayaran bagi tempoh Januari hingga Disember 2018. Lawatan naziran ini telah dilaksanakan pada 13 hingga 17 Mei 2019. Ringkasan skop naziran mengikut proses adalah seperti jadual di bawah:

- a. Penurunan Kuasa
- b. Pengurusan Penyediaan Gaji
- c. Pengurusan Perubahan Gaji

Secara keseluruhannya, berdasarkan semakan terhadap dokumen gaji yang dijalankan dan matriks penilaian risiko [Risk Control Matrix (RCM)], tahap pengurusan gaji di Unit Kewangan, Bahagian Pengurusan Pembangunan dan Kewangan adalah CEMERLANG iaitu 97 peratus. Penilaian ini meliputi aspek pematuhan pekeliling, prosedur dan arahan kewangan berkaitan pengurusan gaji sepanjang tempoh tersebut.

ii. Naziran Terimaan

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 12 Dokumen Akaun Terimaan (DAT) daripada Pejabat Pemungut telah diterima mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Jumlah kutipan hasil bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM513,573.95 yang meliputi hasil lesen Bio Bahan Api dan pulangan balik gaji serta emolumen lain. Naziran Terimaan juga telah dijalankan ke atas Pejabat Pemungut pada 3 hingga 10 September 2019.

Objektif naziran adalah untuk menilai dan mengenalpasti tahap kawalan dalaman serta menilai tahap pematuhan terhadap prosedur kawalan terimaan.

Skop naziran meliputi pengurusan Wang Awam Kerajaan Persekutuan yang melibatkan skop-skop semakan seperti berikut :



Carta 3: Skop naziran pengurusan Wang Awam Kerajaan Persekutuan

Berdasarkan naziran yang telah dijalankan, pasukan naziran berpendapat bahawa tahap kawalan dalaman keseluruhan pengurusan sistem terimaan di Bahagian Pengurusan Pembangunan dan Kewangan adalah CEMERLANG.

D. Pengumpulan Data Baki Awal Aset dan Liabiliti

Aktiviti pengumpulan data baki awal aset dan liabiliti merupakan salah satu proses utama bagi pelaksanaan perakaunan akruan. Ia melibatkan Aset Tak Alih, Aset Alih, Aset Dalam Pembinaan, Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar. Data yang dikumpulkan akan diverifikasi mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia / *Malaysia Public Sector Accounting Standard* (MPSAS) yang berkaitan bagi memastikan hanya data yang menepati takrifan aset dan liabiliti secara akruan akan dimigrasi ke sistem Perakaunan Akruan (iGFMS). Status pengumpulan data yang telah migrasi mengikut 5 kategori utama sehingga 2019 adalah seperti berikut:

KATEGORI	PENGUMPULAN DATA DAN VERIFIKASI UAD				DATA BERJAYA DIMIGRASI 2019
	2015	2016	2017	2018	
Aset Alih	RM 3,414,544.13 537 unit	RM 3,937,819.67 565 unit	RM 3,367,623.41 459 unit	RM 3,534,944.06 455 unit	RM 2,924,512.15 373 unit
Aset Tak Alih	-	-	-	-	-

KATEGORI	PENGUMPULAN DATA DAN VERIFIKASI UAD				DATA BERJAYA DIMIGRASI 2019
	2015	2016	2017	2018	
Akaun Belum Terima	-	-	RM11,961.57	RM412.00	Tiada kerana ABT telah dihapuskira dengan kelulusan Pegawai Pengawal
Aset Dalam Pembinaan	-	-	-	-	-
Akaun Belum Bayar	-	-	-	-	-

E. Penganjuran Latihan / Kursus Kewangan dan Perakaunan

Sejajar dengan peralihan asas perakaunan tunai ubahsuai kepada asas akruan, beberapa program dan aktiviti telah diadakan sepanjang tahun 2019 bagi memberi pendedahan kepada semua peringkat pegawai dan kakitangan MPI memastikan pelaksanaan Perakaunan Akruan dan sistem iGFMS diperingkat Kementerian.

Senarai kursus dan peserta terlibat bagi menjayakannya adalah seperti berikut :

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH KURSUS	BILANGAN PESERTA	PECAHAN PESERTA		CATATAN
				BILANGAN PTJ	WAKIL PTJ HADIR	
1	<i>Refresher</i> Pengurusan Dana	22/2	10	1	-	Peserta-Bahagian Akaun
2	<i>Sesi Hands On</i> Bertajuk Perakaunan Aset	22/4	8	1	-	Peserta-Bahagian Akaun

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH KURSUS	BILANGAN PESERTA	PECAHAN PESERTA		CATATAN
				BILANGAN PTJ	WAKIL PTJ HADIR	
3	Sesi Perkongsian Ilmu - SPANM 6 Tahun 2019 “ Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal Kepada Pegawai Perakaunan Di Bawah Kawalannya (AP11)”	23/4	15	1	2	
4	Sesi Taklimat Kesedaran Sistem Pengkosan iGFMAS Modul MyCost PTJ Based Costing (PBC)	3/5	37	1	29	Peserta-Bahagian MPI
5	Sesi Latihan Sistem Pengkosan iGFMAS Modul MyCost PTJ Based Costing (PBC)	13 – 15/5	6	1	6	
6	Pengenalan Sistem <i>Human Capital Management (HCM)</i>	19/7	13	1	-	Peserta-Bahagian Akaun
7	Penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP)	5 /8	11	1	-	Peserta-Bahagian Akaun
8	Taklimat Perakaunan Aset - Aset Pukal (AA Mass)	24/9	16	1	7	

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH KURSUS	BILANGAN PESERTA	PECAHAN PESERTA		CATATAN
				BILANGAN PTJ	WAKIL PTJ HADIR	
9	Bengkel Pemurnian Kamus Sistem iGFMAS Modul MyCost Kepada PTJ	25 - 26 /9	50	1	39	
10	Taklimat Pemahaman Laporan Kewangan Badan Berkanun Persekutuan	29/10	60	1	45	

Sesi Taklimat Kesedaran Sistem Pengkosan iGFMAS Modul MyCost PTJ Based Costing (PBC)

F. Khidmat Nasihat Perakaunan

Bahagian Akaun turut berperanan memberi khidmat nasihat dan panduan kepada PTJ mengenai perakaunan dan pengurusan kewangan. Dalam tahun 2019 sebanyak 22 pertanyaan atau aduan telah diterima bagi penyelesaian dan penambahbaikan pengurusan tersebut.

G. Perakaunan Pengurusan

Perakaunan Pengurusan merupakan salah satu cabang bidang perakaunan yang telah mula diketengahkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bermula dari tahun 2018 selari dengan keperluan perubahan Sistem Perakaunan Kerajaan berasaskan tunai kepada Sistem Perakaunan Akruan. Bahagian Akaun setiap kementerian telah dilantik sebagai Agen Perubahan Perakaunan Pengurusan bagi memastikan kelancaran pelaksanaannya kelak. MPI telah berjaya melaksanakan beberapa siri taklimat kesedaran berkaitan kepentingan Perakaunan Pengurusan bersama Ketua Setiausaha, MPI dan warga Kementerian sebagai langkah permulaan terhadap pelaksanaan perakaunan pengurusan.

JANM telah turut membangunkan modul MyCost di dalam sistem iGFMAS bagi membantu Kerajaan secara keseluruhan untuk mengenalpasti dan mengukur

kecekapan dan keberkesanan pengurusan perbelanjaan terhadap peruntukan tahunan yang telah disalurkan kepada Kementerian.

MPI telah berjaya melaksanakan Bengkel Pemurnian Kamus MyCost pada 25 hingga 26 September 2019 dan telah turut disertai oleh Setiausaha-Setiausaha Bahagian dan *Focal Person* dari setiap Bahagian yang telah dilantik bagi tujuan pembangunan pengkalan data pengkosan diperingkat Kementerian.

Bengkel Pemurnian Kamus MyCost disempurnakan oleh YBrs. Encik Toisin Gantor, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan Strategik dan Pengurusan).





**KEMENTERIAN
INDUSTRI UTAMA**

No. 15, Level 6-13,
Persiaran Perdana,
Presint 2, 62654 Putrajaya,
Malaysia

+603 8000 8000

+603 8880 3482